

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KAJIAN EMPIRIK POTENSI ZAKAT SEBAGAI UNSUR  
BAHARU PENDAPATAN ASLI DAERAH (PAD) DAN  
IMPAKNYA KE ATAS FAKTOR PENGELUARAN**



**ANDRIA ZULFA**

**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
September 2018**

**KAJIAN EMPIRIK POTENSI ZAKAT SEBAGAI UNSUR BAHARU  
PENDAPATAN ASLI DAERAH (PAD) DAN  
IMPAKNYA KE ATAS FAKTOR PENGELUARAN**

Oleh

**ANDRIA ZULFA**



**Tesis dikemukakan kepada  
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,  
Universiti Utara Malaysia,  
bagi Memenuhi Syarat untuk Ijazah Doktor Falsafah**



**Kolej Perniagaan**  
(College of Business)  
**Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(We, the undersigned, certify that)

**ANDRIA ZULFA**

calon untuk Ijazah

**DOCTOR OF PHILOSOPHY**

(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:

(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**KAJIAN EMPIRIK POTENSI ZAKAT SEBAGAI UNSUR BAHARU PENDAPATAN ASLI DAERAH (PAD) DAN  
IMPAKNYA KE ATAS FAKTOR PENGELUARAN**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada:  
**31 Oktober 2016.**

(That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:  
**31 October 2016).**

Pengerusi Viva  
(Chairman for Viva)

: **Prof. Dr. Abdul Razak Chik**

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar  
(External Examiner)

: **Prof. Dato' Dr. Mohammad Hj. Alias**

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam  
(Internal Examiner)

: **Dr. Selamah Maamor**

Tandatangan  
(Signature)

Tarikh: 31 Oktober 2016

(Date) **30 Muharam 38**

Nama Pelajar  
(Name of Student)

: Andria Zulfa

---

Tajuk Tesis / Disertasi  
(Title of the Thesis / Dissertation)

: Kajian Empirik Potensi Zakat sebagai Unsur Baharu Pendapatan Asli Daerah (PAD) dan Impaknya Ke Atas Faktor Pengeluaran

---


Program Pengajian  
(Programme of Study)

: Doctor of Philosophy

---

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia  
(Name of Supervisor/Supervisors)


: Prof. Dr. Asan Ali Golam Hassan



Tandatangan

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia  
(Name of Supervisor/Supervisors)

: Dr. Norazlina Abd. Wahab



Tandatangan

## **KEBENARAN MERUJUK**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia (UUM) perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk membuat salinan atau menggunakan tesis ini samaada sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:

Dekan, Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah DarualAman



## ABSTRAK

Provinsi Aceh merupakan salah satu provinsi yang memiliki potensi spesifik jika dibandingkan dengan provinsi lain yang ada di Indonesia. Dalam menjalankan aktivitas pemerintahan Provinsi Aceh menjalankan desentralisasi melalui Undang-undang No.22 dan 25 Tahun 1999 yang menghuraikan peningkatan perolehan Pendapatan Asli Daerah (PAD). Seterusnya Provinsi Aceh memperoleh status Otonomi Khusus berdasarkan Undang-undang No.18 Tahun 2001. Terdapat satu perbezaan yang ketara antara Undang-undang No.18 Tahun 2001 dengan Undang-undang sebelumnya, iaitu penetapan zakat sebagai komponen Pendapatan Asli Daerah (PAD). Penetapan zakat sebagai sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD) diasaskan pada majoriti penduduk Aceh yang beragama Islam. Sehubungan itu, kajian ini ingin menganalisis potensi zakat dan impak ke atas faktor pengeluaran. Reka bentuk kajian merangkumi penganggaran potensi dan analisis kuantitatif. Kajian menggunakan dua metod iaitu, pertama analisa potensi zakat dikira dengan formula penganggaran potensi zakat dalam enam buah kawasan kabupaten/kota, kedua melalui analisa jalur. Kajian ini mendapati bahawa jangkaan potensi zakat tersebut mempunyai peluang besar untuk meningkat. Oleh kerana masih banyak potensi zakat lainnya seperti; perniagaan *online*, perniagaan saham, reksadana, perniagaan kewangan lainnya yang belum digali secara optimal. Seterusnya pengaruh langsung dan tidak langsung pemboleh ubah potensi zakat terhadap modal, buruh dan teknologi bahawa semakin besar potensi zakat di Provinsi Aceh maka semakin tinggi penyaluran zakat yang produktif untuk keperluan modal, intensif buruh dan tingkat penggunaan teknologi. Kajian ini merumuskan bahawa, potensi pungutan zakat akan lebih besar jika adanya suatu mekanisme yang dijalankan secara optimal dan menyeluruh melalui sistem pungutan dari pelbagai sektor yang ada. Selain itu juga model pemberdayaan produktif sumber dana zakat melalui program bantuan kerja bagi para asnaf mesti dilaksanakan dengan pemantauan dan lawatan tinjauan bagi kejayaan program sehingga akhirnya akan tercapai peningkatan pembangunan ekonomi di wilayah Provinsi Aceh.

**Kata Kunci:** Potensi zakat, muzakki, asnaf, faktor pengeluaran.

## ABSTRACT

Aceh province is one of the provinces having a specific potential compared to other provinces in Indonesia. In running their governmental activities, the Province of Aceh implements decentralization through Act No. 22 and No. 25, 1999 which outline the increase of Local Government Revenue (LGR). Compared to previous regulation, there is one specific difference of Act No.18 of 2001, i.e. the establishment of zakat as a component of LGR. Considering zakat as one source of LGR is based on the fact that the majority of Aceh's population are Muslims. Therefore, this research aims to analysis potential of zakat as well as their impact on production factor. This study employs two methods, (1) the analysis of zakat potential which is calculated by a developed equation for six regency and (2) Path analysis method. The results show that the potential of zakat in Aceh Province tends to grow, despite there are many other zakat potential such as online business, business stocks, mutual funds, trading and other financial businesses, mutual funds, trading and other financial businesses which have not been optimally explored. Furthermore, the direct and indirect influence of zakat potential varies according to capital, labour and technology suggesting the greater the potential of zakat, the higher the distribution of productive zakat for capital intensive, labour intensive and the level technology use. This work suggests that the potential of zakat levies will be greater when a mechanism is comprehensively implemented through a levy system in each sector. In addition, a productive model of zakat empowerment such as job assistance program for asnaf should be followed by monitoring and evaluation of the program in order to enhance economic development in Province of Aceh.

**Keywords:** Potential Zakat , Muzakki, Asnaf, Production Factor



## PENGHARGAAN



Alhamdulillah, puji syukur penulis ucapkan kehadiran Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan karuniaNya sehingga tesis ini dapat diselesaikan.

Pertamanya terima kasih kepada Prof. Dr. Asan Ali Golam Hassan sebagai penyelia utama, Dr. Norazlina Abd. Wahab sebagai penyelia kedua, Prof. Dato' Dr. Mohammad Hj. Alias selaku penilai luar dan Prof. Madya. Dr. Selamah Maamor selaku penilai dalam yang telah banyak membantu dalam penyelesaian tesis ini.

Ribuan terima kasih kepada Prof. Dr. H. Apridar, S.E., M.Si, Rektor Universitas Malikussaleh (UNIMAL); Wahyuddin, S.E., M.Si, Ak, CA Dekan Fakultas Ekonomi dan Bisnis UNIMAL; di atas segala dorongan.

Setulus penghargaan kepada Rekan-rekan yang banyak membantu dalam kerja lapangan di kawasan yang berkaitan.

Teristimewa buat isteriku tercinta Cut Zairina, A.Md dan anak-anakku tersayang Calista Azzhara Andria, Cindy Lathifah Andria dan Allahyarham Cerelia Raniah Andria; Kedua orangtuaku juga Allahyarham H. Abdullah, SM (Ayah), Allahyarham Hj. Cut Rosni (Bunda); yang sentiasa membantu, memahami dan menyuntik semangat waja yang berpanjangan.

Terima kasih dan moga dirahmati Allah SWT.

Andria Zulfa  
*Program Studi Ekonomi Pembangunan*  
*Fakultas Ekonomi dan Bisnis*  
*Universitas Malikussaleh*  
*Lhokseumawe, Aceh, Indonesia*  
September 2018

## KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PERAKUAN KERJA TESIS</b>	<b>ii</b>
<b>KEBENARAN MERUJUK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xvii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Motivasi Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Objektif Kajian	13
1.6.1 Objektif Umum	13
1.6.2 Objektif Khas	13
1.7 Kepentingan Kajian	14
1.8 Skop Kajian	15
1.9 Istilah Pengoperasian	17
1.10 Struktur Kajian	19

## **BAB 2: ZAKAT PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN ASLI DAERAH (PAD)**

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Potensi dan Kekangan Pungutan Zakat Perkhidmatan	21
2.3	Penguatkuasaan Zakat Perkhidmatan dan Amalan Masa Kini	30
2.4	Fiqh Zakat	39
2.4.1	Pemahaman Asas dan Takrifan	39
2.4.2	Kaedah Zakat	46
2.4.3	Peranan Zakat Dalam Masyarakat	50
2.5	Teori Pembangunan	55
2.5.1	Konsep dan Teori Pembangunan	55
2.5.2	Kemiskinan dan Agihan Pendapatan	59
2.5.3	Sejarah dan Pandangan Islam Mengenai Kemiskinan	73
2.6	Pendapatan Asli Daerah (PAD)	94
2.7	Rumusan	106
 <b>BAB 3: TINJAUAN LITERATUR</b>		
3.1	Pendahuluan	108
3.2	Zakat	108
3.2.1	Definisi	108
3.2.2	Kajian Terdahulu Mengenai Zakat	112
3.3	Kajian Mengenai Zakat Di Indonesia	120
3.4	Rumusan	128

## **BAB 4: METODOLOGI KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	129
4.2 Kerangka Kajian	130
4.3 Kaedah Kajian	133
4.4 Proses Pengumpulan Dan Sumber Data	134
4.4.1 Prosedur Pengumpulan Data	134
4.4.2 Sumber Data	135
4.4.3 Populasi	136
4.5 Kaedah Analisa Data	138
4.5.1 Kaedah Analisa Potensi Pungutan Zakat	138
4.5.2 Kaedah Analisa Impak Zakat Ke Atas Faktor Pengeluaran Kepada Output	139
4.6 Rumusan	144

## **BAB 5 : PERBINCANGAN DAN ANALISIS KEPUTUSAN KAJIAN**

5.1 Pendahuluan	145
5.2 Penganggaran Potensi Pungutan Zakat Termasuk Dari Institusi Tidak Formal	147
5.2.1 Zon Kota Banda Aceh Mengikut Sumber dan Potensinya	147
5.2.2 Zon Kabupaten Bener Meriah Mengikut Sumber dan Potensinya	151
5.2.3 Zon Kabupaten Aceh Timur Mengikut Sumber dan Potensinya	152

5.2.4 Zon Kabupaten Aceh Tenggara Mengikut Sumber dan Potensinya	155
5.2.5 Zon Kabupaten Aceh Barat Mengikut Sumber dan Potensinya	159
5.2.6 Zon Kabupaten Aceh Singkil Mengikut Sumber dan Potensinya	164
5.3 Keputusan Analisis Potensi Zakat Dan Impaknya Ke Atas Faktor Pengeluaran Kepada Output	167
5.3.1 Pengaruh Agihan Potensi Zakat Terhadap Faktor Pengeluaran	167
5.3.2 Impak Zakat Ke Atas Faktor Pengeluaran Dari Segi Sumbangan Modal, Buruh dan Teknologi Kepada Output	174
5.4 Rumusan	181
<b>BAB 6 : RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
6.1 Pendahuluan	182
6.2 Ringkasan Dapatan Kajian	182
6.2.1 Penganggaran Potensi Pungutan Zakat	182
6.2.2 Impak Zakat Ke Atas Faktor Pengeluaran Dari Sumbangan Modal, Buruh Dan Teknologi Kepada Output	183
6.3 Implikasi Pengurusan	184
6.3.1 Mekanisme Pengoptimuman Potensi Pungutan Zakat	184
6.3.1.1 Penguatkuasaan Undang-Undang	184
6.3.2 Model Pemberdayaan Produktif Sumber Dana Zakat	185

6.3.2.1 Program Bantuan Modal Kerja Produktif Bagi Asnaf	185
6.3.2.2 Zakat Merupakan Unsur Dalam Membangun Ekonomi Umat	186
6.3.2.3 Pemantauan dan Lawatan Tinjauan Bagi Kejayaan Program	186
6.4 Implikasi/Impak Akademik	187
6.4.1 Formula Penganggaran Potensi Zakat	187
6.4.2 Konsep Falsafah Penyuburan Harta Zakat	188
6.5 Cadangan Kajian Akan Datang	189
6.5.1 Aspek Skop Dan Sampel Kajian	190
6.5.2 Aspek Kaedah Kajian	190
6.6 Penutup	191
Rujukan	192
Senarai Lampiran	206



## SENARAI JADUAL

	Mukasurat	
Jadual 1.1	Sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD) Mengikut Undang-undang	3
Jadual 2.1	Bilangan Pegawai Negeri Sipil (PNS) Di Provinsi Aceh Berdasarkan Kabupaten/Kota	25
Jadual 4.1	Perincian Data Analisis Impak Zakat Ke Atas Faktor Pengeluaran Kepada Output	140
Jadual 5.1	Pembahagian Zon Dalam Kawasan Kajian	145
Jadual 5.2	Potensi Zakat Mengikut Sektor Di Kota Banda Aceh	149
Jadual 5.3	Potensi Zakat Mengikut Sektor Di Kabupaten Bener Meriah	151
Jadual 5.4	Potensi Zakat Mengikut Sektor Di Kabupaten Aceh Timur	154
Jadual 5.5	Potensi Zakat Mengikut Sektor Di Kabupaten Aceh Tenggara	157
Jadual 5.6	Potensi Zakat Mengikut Sektor Di Kabupaten Aceh Barat	162
Jadual 5.7	Potensi Zakat Mengikut Sektor Di Kabupaten Aceh Singkil	165
Jadual 5.8	Rangkuman Dapatan Analisis Jalur Pengaruh Langsung	171
Jadual 5.9	Rangkuman Dapatan Analisis Jalur dan Gambaran Struktur Pengaruh Keseluruhan	180

## SENARAI RAJAH

	Mukasurat
Rajah 2.1 Putaran Ganas Kemiskinan ( <i>Vicious Circle of Poverty</i> )	64
Rajah 4.1 Kerangka Kajian	131
Rajah 4.2 Peta Kawasan Kajian	136
Rajah 4.3 Diagram Jalur dari Persamaan Model Struktural	141
Rajah 4.4 Diagram Jalur dari Persamaan Model Struktural Z	142
Rajah 5.1 Model Struktural Diselaraskan	167
Rajah 5.2 Model Struktural Nilai-T	167
Rajah 5.3 Struktur Pengaruh Potensi Zakat, Modal, Buruh dan Teknologi	172
Rajah 5.4 Model Struktural Diselaraskan	173
Rajah 5.5 Model Struktural Nilai-T	174





## SENARAI SINGKATAN

AIR	-	Ahli Isi Rumah
APBN	-	Anggaran Pendapatan dan Belanja Nasional
APBA/K	-	Anggaran Pendapatan dan Belanja Aceh/Kabupaten/Kota
BAPPENAS	-	Badan Perencanaan Pembangunan Nasional
BAPPEDA	-	Badan Perencanaan Pembangunan Daerah
BPS	-	Badan Pusat Statistik
<i>HDI</i>	-	<i>Human Development Index</i>
<i>ILO</i>	-	<i>International Labour Organization</i>
KDNK	-	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KIR	-	Ketua Isi Rumah
<i>LISREL</i>	-	<i>Linier Structural Relationship</i>
PA	-	Pemerintah Aceh
PAD	-	Pendapatan Asli Daerah
PDRB	-	Pendapatan Domestik Regional Bruto
PNS	-	Pegawai Negeri Sipil
REPELITA	-	Rencana Pembangunan Lima Tahun
RI	-	Republik Indonesia
Rp	-	Rupiah
SDM	-	Sumber Daya Manusia
<i>SPSS</i>	-	<i>Statistical Package For Social Science</i>
<i>UNDP</i>	-	<i>United Nations Development Program</i>
UU	-	Undang-undang

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Bab satu merupakan pengenalan ke atas permulaan dan asas bagaimana seterusnya kajian ini diamalkan. Bab ini juga akan membincangkan latar belakang sebagai huraian sebuah senario pada rancangan kajian awal. Manakala pernyataan masalah, motivasi kajian, persoalan kajian merupakan sebuah cara untuk mengenalpasti setiap persoalan dan menunjukkan kewujudan jurang. Seterusnya juga akan membincangkan objektif kajian, kepentingan kajian, skop, andaian dan batasan kajian, istilah operasional serta organisasi tesis.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Mobilisasi potensi sumber kewangan daerah yang wujud di Indonesia dapat dilihat melalui pengumpulan sumber pembiayaan yang disebut sebagai Pendapatan Asli Daerah (PAD). Ianya merupakan suatu parameter kapabiliti asas daerah dalam melaksanakan pembangunan. Secara umum keadaan kewangan luar bandar di negara-negara sedang membangun mempunyai ciri seperti berikut (Aldefer 1984): *pertama*, pendapatan daerah masih sangat rendah untuk diserap dalam pembiayaan kepentingan masyarakat daerah. Kedua, sesetengah PAD berasal daripada bantuan atau subsidi pemerintah pusat. Ketiga, sumbangan cukai daerah dan komponen PAD lainnya terhadap penerimaan total daerah adalah sangat rendah. Ianya disebabkan hampir semua cukai di daerah telah diserap

menjadi cukai pemerintah dan dipungut oleh pemerintah pusat. Keempat, berlaku kawalan yang luas dari pemerintah pusat terhadap kewangan daerah.

Aceh sebagai daerah yang menerapkan pelaksanaan syari'at Islam seharusnya memiliki regulasi yang kuat dan komprehensif dalam mengatur pengelolaan zakat sebagai salah satu instrumen ekonomi Islam yang dapat diunggulkan. Ketentuan yang ada sebenarnya baru bisa dikatakan pengaturan yang masih global dan umum sehingga memerlukan kepada derivasi-derivasi aturan lain yang sesuai dengan tuntutan situasi dan kondisi hari ini, apalagi jika dikaitkan dengan beberapa kekhususan yang diberikan untuk Aceh dalam menerapkan asas *lex specialist* dalam keperluan hukum masyarakat dalam bingkai syari'at Islam (Armiadi, 2014).

Provinsi Aceh merupakan salah satu provinsi yang memiliki potensi spesifik jika dibandingkan dengan provinsi lainnya yang ada di Indonesia. Dalam menjalankan aktiviti pemerintahan maka Provinsi Aceh melaksanakan desentralisasi melalui Undang-undang Nombor 22 dan 25 Tahun 1999 yang menghuraikan peningkatan perolehan PAD. Selanjutnya Provinsi Aceh memperoleh status Otonomi Khusus berdasarkan Undang-undang Nombor 18 Tahun 2001.

Undang-undang ini dimaksudkan sebagai balasan masalah-masalah penting yang berkaitan dengan ketidaksetaraan dan keadaan ekonomi yang buruk serta menawarkan otonomi yang lebih besar kepada Provinsi Aceh bagi mengelola sumber daya dan fungsi-fungsinya. Tiga aspek peruntukkan utama otonomi khusus Provinsi Aceh adalah: (1) Bahagian pendapatan yang diperolehi daripada

minyak dan gas yang lebih besar, (2) Pemilihan langsung gubenoer dan kepala pemerintahan daerah (bupati/walikota), dan (3) Pemberlakuan Syariah Islam.

Terdapat satu perbezaan yang sangat mendasar antara Undang-undang Nombor 18 Tahun 2001 dengan undang-undang sebelumnya, iaitu penetapan zakat sebagai komponen PAD. Penetapan zakat sebagai unsur baharu PAD diasaskan pada majoriti penduduk Aceh yang beragama Islam. Sehingga potensi zakat bila dikelola secara intensif akan menjadi salah satu bantuan terbesar dalam komponen PAD. Selain potensinya yang besar zakat merupakan instrumen yang dapat mengimplementasikan prinsip "keadilan ekonomi" secara benar, kerana zakat akan meningkatkan kemampuan pemenuhan keperluan konsumsi, mengembangkan dan memperluas kemampuan usaha produktif, menambah kesempatan kerja, serta dapat mewujudkan terealisasinya agihan pendapatan antara umat secara adil (Marsuki, 2005).

Jadual 1.1

*Sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD) Mengikut Undang-undang*

<i>UU No.25 Tahun 1999</i>	<i>UU No.18 Tahun 2001</i>
1.) Pajak Daerah	1.) Pajak Daerah
2.) Retribusi Daerah	2.) Retribusi Daerah
3.) Hasil Perusahaan Daerah dan Hasil Pengelolaan Kekayaan Daerah yang dipisahkan	3.) <b>Zakat</b>
4.) Lain-lain PAD yang sah	4.) Hasil Perusahaan Daerah dan Hasil Pengelolaan Kekayaan Daerah yang dipisahkan
	5.) Lain-lain PAD yang sah

Sumber: UU No.25 Tahun 1999 dan UU No.18 Tahun 2001

Zakat adalah salah satu sistem kehartaan dan ekonomi umat Islam yang berperanan membangunkan kehidupan manusia. Istilah zakat telah disebut

sebanyak 58 kali di dalam Al-Quran. 32 kali disebut secara bersendirian dan 26 kali disebut secara beriringan dengan kewajipan sembahyang. Perintah yang disebut secara beriringan ini menjadi bukti bahawa Islam mementingkan pembangunan yang seimbang di dunia dan akhirat (Ahmad 'Atiyatullah, 1970).

Menurut Al Quran Surah At-Taubah ayat 60, agihan zakat merupakan salah satu rukun Islam yang keempat. Kepentingan zakat kepada pembangunan negara dan ummah dapat dilihat dari pelbagai aspek. Antaranya ia menjadi sumber penting bagi jaminan sosial, merapatkan jurang pendapatan antara yang kaya dan yang miskin, keharmonian masyarakat dan pada masa yang sama menjadi tunggak bagi kekuatan ekonomi umat Islam. Zakat juga merupakan salah satu sumber utama kewangan negara selain daripada cukai. Secara amnya agihan pendapatan zakat boleh menjana dan merancakkan kuasa beli masyarakat dan ini seterusnya dapat meningkatkan produktiviti negara. Ia juga dapat menjamin kestabilan ekonomi dan boleh menyelesaikan sebahagian daripada masalah pembangunan negara. Pembangunan negara dan umat dapat dilaksanakan dengan lebih baik sekiranya sumber dana zakat dapat dipertingkatkan secara berterusan.

Sehubungan dengan itu dana zakat akan menjadi salah satu insentif kepada golongan fakir dan miskin untuk membantu mereka menjadi produktif. Selain itu dana zakat juga boleh digunakan untuk membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan serta meningkatkan kualiti hidup. Khalifah Umar al-Khattab pada zaman pemerintahannya telah memperkenalkan konsep agihan sehingga penerimanya menjadi kaya. Matlamatnya adalah untuk menukar corak hidup golongan miskin daripada penerima zakat kepada menjadi pengeluar zakat (al-

Qardhawi, 1987; Sahata, 2003; Shibli, 2002). Langkah beliau selari dengan hikmah kewajipan zakat iaitu membantu memenuhi keperluan asas fakir miskin dan mengeluarkan mereka daripada kemiskinan dan kemelaratan hidup (Mustofa al-Khin *et al*, 2005).

Sumber dana zakat datangnya daripada pendapatan (gaji), wang simpanan, perniagaan, ternakan, saham, emas, padi dan sebagainya. Seperti juga zakat lain, zakat gaji juga tidak terlepas daripada masalah kutipan yang rendah di kalangan pekerja Islam yang layak (Kamil & Ahmad Mahdzan, 2002).

Keadaan yang telah dihuraikan di atas dengan kewujudan khas potensi sumber kewangan daerah iaitu dengan upaya meningkatkan kutipan zakat sebagai sumber pendapatan baharu di Provinsi Aceh, maka kajian ini cuba menyingkap potensi zakat sebagai unsur baharu pada PAD dan impaknya ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi kepada output yang akan berkesan terhadap pembangunan ekonomi negeri sebagai kesan kemunculan sumber kewangan baru. Oleh kerana itu, kajian ini akan menumpukan pada potensi zakat sebagai unsur baharu pada PAD dan impak zakat ke atas faktor pengeluaran.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Mengikut kajian yang dijalankan Baznas, Institut Pertanian Bogor (IPB), dan *Islamic Development Bank* (IDB) pada tahun 2011, maka potensi zakat di Indonesia pada tahun 2010 sebesar Rp217 triliun. Angka tersebut sepatutnya dapat memberi kesan luar biasa bagi usaha pembasmian kemiskinan di Indonesia.

Namun demikian laporan BAZNAS mendedahkan bahawa daripada potensi zakat yang dapat terserap dan diuruskan oleh lembaga BAZNAS baharu mencapai Rp450 milyar untuk tahun 2007, seterusnya meningkat menjadi Rp2,73 triliun pada tahun 2013 atau hanya kira-kira 1 peratus sahaja (Clarashinta, 2017).

Setakat ini kajian tentang zakat membahas mengenai potensi zakat, kesan zakat terhadap kesejahteraan masyarakat dan masalah sosial lainnya, ataupun kajian tentang realisasi penerimaan zakat secara berasingan. Kajian yang tertumpu pada potensi dan impak secara sekaligus masih kurang dijalankan. Sebagaimana kajian Kahf (1987) menganggarkan potensi zakat pada lapan Negara Islam iaitu Mesir, Indonesia, Pakistan, Qatar, Saudi Arabia, Sudan, Syiria, dan Turki. Kajian tersebut menjalankan penganggaran zakat dengan tiga cara: 1) berdasarkan fikih tradisional, 2) berdasarkan perhitungan daripada Qardhawi iaitu zakat pendapatan dikira 2.5 peratus sedangkan keuntungan bersih pada aset tetap dikira 10 peratus, dan 3) pengubahsuaian daripada versi Qardhawi iaitu seluruh zakat sama ada dari aset tetap dan pendapatan dikira sama sebesar 2.5 peratus. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa potensi zakat di Indonesia tahun 2013 berkisar antara 1 sehingga 2 peratus daripada KDNK (BAZNAS, 2014). Kajian yang dijalankan oleh *Public Interest Research and Advocacy Public (PIRAC)* pada tahun 2004 menganggarkan potensi zakat di Indonesia mencapai Rp6,132 triliun (Kurniawati, 2004).

Sementara itu Firmansyah (2009) menganggarkan potensi zakat dengan menggunakan andaian kadar zakat minimum 2.5 peratus daripada masing-masing sektor ekonomi daerah (KDNK) seperti berikut: 1) Kadar zakat pertanian adalah

2.5 peratus daripada nilai KDNK sektor pertanian; 2) Kadar zakat pertambahan adalah 2.5 peratus daripada nilai KDNK sektor pertambangan; 3) Kadar zakat sektor lainnya adalah masing-masing 2.5 peratus. Kajian yang dijalankan oleh Firdaus et al. (2012) menunjukkan total seluruh potensi zakat di Indonesia daripada pelbagai sumber iaitu pendapatan rumah tangga, pendapatan syarikat, dan tabungan dianggarkan sebesar Rp217 triliun atau setara dengan 3.4 peratus PDRB/KDNK Indonesia tahun 2010.

Zakat merupakan salah satu bahagian daripada pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Dalam Undang-undang Pemerintahan Aceh (UU PA) Nombor 11 tahun 2006, terdapat tiga pasal yang berhubungkait dengan zakat, seperti berikut: Pasal 180 ayat (1) huruf d menyebutkan: “Zakat merupakan salah satu sumber Penerimaan Daerah (PAD) Aceh dan PAD Kabupaten/Kota” Pasal 191 menyebutkan: “Zakat, harta wakaf, dan harta agama dikelola oleh Baitul Mal Aceh dan Baitul Mal Kabupaten/Kota yang diatur dalam Qanun” lalu Pasal 192 menyebutkan: “Zakat yang dibayar menjadi pengurang terhadap jumlah Pajak Penghasilan (PPh) terhutang daripada wajib pajak.

Walaupun UU PA telah disahkan pada tahun 2006 sehingga sekarang ia belum dapat dilaksanakan. Semasa Pemerintah Aceh berupaya bagi mengimplementasikan pasal 192 ini, namun mendapat penolakan daripada Jabatan Kewangan/DIRJEN Pajak, dengan alasan cukai penghasilan diatur secara tersendiri dalam UU No. 7 Tahun 1983 yang terakhir diubah dengan UU No. 17 Tahun 2000 yang berlaku secara nasional dan mengikat siapapun tanpa kecuali. Padahal UU PA merupakan undang-undang yang berlaku prinsip *lex specialist*



ianya bermakna undang-undang khas mengalahkan undang-undang umum yang hanya berlaku untuk Provinsi Aceh sahaja. Perlunya menumpukan pada pertimbangan hukum yang menggalakkan pihak kerajaan sebagai pengelola zakat dan sekaligus untuk mewujudkan hukum positif mengenai pengelolaan zakat (Hikam, 2000).

Bagi Aceh, Baitul Mal Aceh menganggarkan potensi zakat jika dihitung dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2012 berpotensi mencapai Rp1 triliun setahun, namun masih sangat minimum dan jauh daripada target. Sebenarnya selalu ada tren positif kenaikan penerimaan zakat di Provinsi Aceh, misalnya pada tahun 2013 Baitul Mal Provinsi Aceh berjaya mengumpulkan zakat sebanyak Rp39,5 miliar atau jika dicampur dengan keseluruhan Baitul Mal di Aceh telah mencapai sebanyak Rp101,68 miliar. Namun zakat tersebut hanyalah bersumber daripada Pegawai Negeri Sipil (PNS) sementara sektor informal (swasta) belum tergalai secara optimal. Seterusnya agihan zakat yang telah dijalankan belumlah mencapai matlamat kejayaan kepada sektor produktif. Sektor produktif yang dikehendaki sebahagiannya adalah daripada proses pengeluaran iaitu modal, buruh dan teknologi. Penyelidik menjangka bahawa keadaan yang berlaku tidak akan mencapai matlamat usaha menggali potensi zakat sebagai unsur baharu PAD serta impaknya ke atas faktor pengeluaran.

Namun dengan penguatkuasaan undang-undang mengenai amalan Syariat Islam sejak tahun 1999, sumber dana dalaman tersebut telah diperluas kepada hasil pungutan zakat. Zakat telahpun dimasukkan sebagai salah satu komponen penerimaan daerah. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan perolehan hasil pungutan

zakat pada masa ini sedang menjadi tumpuan pada perancangan pembangunan Aceh, salah satunya adalah upaya meningkatkan hasil pungutan zakat perkhidmatan. Halimin (2002). Misalnya mengkaji faktor yang dapat membantu meningkatkan potensi zakat sebagai PAD, seperti bilangan lembaga Badan Amil Zakat, Infaq dan Sadaqah (BAZIS), jumlah kakitangan kerajaan, jumlah masyarakat beragama Islam dan bilangan industri dan perniagaan berskala besar di Provinsi Aceh.

Dalam pandangan penyelidik, kajian selanjutnya mesti menumpukan pada adakah wujud sebuah model yang dapat menyatakan zakat sebagai jaminan sosial dan tidak hanya setakat tinjauan teoritikal. Menurut Hairunnizam (2002) dan Syukri (1996) lagi, bantuan zakat bukan sahaja tidak mampu meningkatkan kepuasan golongan miskin malah bantuan tersebut hanya dianggap sebagai bayaran pindahan sahaja (tidak produktif) kerana jumlahnya kecil serta tidak dapat mengurangkan beban hidup mereka. Dana zakat juga tidak mampu digunakan bagi menampung keperluan asas seharian (Jaafar, 2004). Ini amat bertentangan dengan amalan Saidina Umar al-Khattab yang pernah membekalkan keperluan asas secukupnya kepada seorang Kristian tua dengan sumber baitul mal (Othman al Habsyi, 1988).

Dalam mencapai matlamat kejayaan ekonomi maka zakat merupakan elemen penting dalam penggunaan agregat bagi menentukan taraf pendapatan negara dan pertumbuhan ekonomi (Mohd Saharudin dan Arifin, 2002). Sepertimana ianya juga mempunyai kesan yang berpotensi langsung terhadap peruntukan

pembelanjaan kerajaan terhadap asnaf yang berhak menerima zakat. Selain itu, zakat juga dijadikan sebagai polisi ekonomi kerajaan (Kahf, 1997).

Terhadnya jumlah zakat yang terkumpul adalah salah satu faktor penyebab kekangan agihan bagi asnaf. Sumber dana zakat yang berkurangan menyebabkan kadar agihan zakat yang kecil bukan sahaja tidak mampu dijadikan sumber untuk membaiki ekonomi keluarga malah tidak dapat memenuhi keperluan asas kehidupan seharian (Ahmad, 2004). Pelbagai amalan agihan dan impak zakat yang telah dijalankan belum mencapai matlamat kejayaan dalam bidang ekonomi sebagaimana di Pakistan (Arshi, 2004).

Optimalisasi pengagihan dan pendayagunaan zakat oleh Baitul Mal di Aceh, tetap berorientasi pada pembasmian kemiskinan dan pemberdayaan kaum dhuafa. Hal ini dijalankan kerana jumlah dana yang diagihkan dan didayagunakan belum cukup banyak dibandingkan potensi zakat Aceh yang mencapai Rp1,9 triliun. Hampir seluruhnya diagihkan untuk keperluan fakir miskin dan kaum dhuafa. Dana yang diagihkan majoriti dalam bentuk bantuan konsumtif bagi fakir miskin dan sedikit sekali diagihkan bagi program-program bantuan jayadiri (Khairani, 2014) Begitu juga bantuan modal zakat kepada fakir miskin di Malaysia agak baharu dari aspek pelaksanaannya. Tidak banyak kajian yang dibuat untuk melihat kejayaan dan kegagalan program bantuan dana zakat khasnya dalam mewujudkan perniagaan mampu diri (Nor Ghani et al., 2002).

Melalui beberapa hasil kajian di atas dapat diketahui bahawa meningkatkan hasil kutipan zakat bukan semata-mata berpunca daripada penswastan lembaga zakat.

Peningkatan pembayar zakat selari dengan peningkatan jumlah pendapatan individu sebagai kesan konkrit kejayaan pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, peningkatan tidak signifikan tersebut juga menandakan bahawa masih berlaku pembaziran wang zakat dari jabatan agama atau lembaga kutipan zakat.

Pernyataan pada kajian-kajian lalu telah menunjukkan masih terdapat jurang (*gap*) dalam kajian potensi pungutan zakat khasnya sebagai unsur baharu PAD. Persoalan yang timbul secara umumnya berkaitan mekanisme mengumpulkan potensi pungutan zakat melalui formula penganggaran daripada institusi formal dan tidak formal kemudian impaknya ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi kepada output. Mengikut beberapa persoalan, dalam usaha percepatan pembangunan ekonomi di Provinsi Aceh zakat sebagai unsur baharu PAD melalui potensi zakat dan impak ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi kepada output dengan satu sumber baharu yang khas, maka perlu dikenalpasti pelbagai hal yang memberi kesan kepada hasil pungutan. Oleh yang demikian kajian ini akan mencari jawapan yang lebih tepat melalui pembuktian empirikal dan saintifik.

#### **1.4 Motivasi Kajian**

Mulai dari masa kuasa otonomi sehingga kini belum ada kajian yang dapat menjelaskan fenomena zakat sebagai unsur baharu PAD yang wujud di Provinsi Aceh. Namun, terdapat kajian-kajian mengenai potensi zakat yang sedia ada di provinsi lain, dimana hasil kajian tersebut tidak dapat digeneralisasi untuk daerah lain khasnya untuk Provinsi Aceh kerana perbezaan undang-undang dan pelaksanaan syariat dalam pelbagai aspek.

Dalam masa yang sama terdapat pula pendapat umum bahawa usaha menggali potensi zakat di Indonesia belum berjaya demi mencapai matlamatnya. Perkara tersebut diasaskan kepada jumlah penduduk beragama Islam mencapai 87.18 peratus (hasil bancian penduduk tahun 2010) yang mana sepatutnya potensi zakat sangatlah besar. Oleh itu kajian yang mendalam perlu dilakukan dengan mengenal pasti potensi dari pelbagai sumber sebagai wujud implementasi undang-undang dan penegakan syariat Islam.

Selain itu, walaupun telah terdapat banyak kajian tentang potensi zakat yang telah dijalankan termasuk di Indonesia, masih terdapat satu lompong ilmu yang belum dikaji. Adalah dijangka impak zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi kepada output.

### **1.5 Persolan Kajian**

Indonesia merupakan Negara dengan penduduk Muslim terbesar di dunia. Pada tahun 2013 bilangan penduduk Muslim Indonesia mencapai 87.21 peratus (Kemenag, 2013). Dapat dipastikan dengan bilangan penduduk Muslim terbesar, Indonesia juga memiliki potensi zakat yang besar. Sungguhpun penetapan zakat sebagai unsur baharu PAD kerana didasarkan pada majoriti penduduk Aceh yang beragama Islam namun dalam pelaksanaannya belum begitu berjaya untuk pembangunan ekonomi (impak terhadap *output*). Seterusnya gelagat yang tinggi bergantung pada faktor niat gelagat yang sangat positif (Ajzen & Fishbein, 1980). Mungkin banyak aspek yang terlibat dalam niat yang mempengaruhi kepatuhan muzakki membayar zakat. Namun, aspek yang ingin dipersoalkan dalam kajian ini merupakan perkara-perkara mudah yang terdapat dengan persekitaran potensi

zakat dan impak ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi kepada output. Justeru, kajian ini akan cuba mencari jawapan. Dengan demikian, persoalan kajian ini bertumpu kepada soalan-soalan berikut:

1. Seberapa besar penganggaran potensi pungutan zakat daripada institusi formal dan tidak formal?
2. Bagaimanakah impak zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal kepada output?
3. Bagaimanakah impak zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan buruh kepada output?
4. Bagaimanakah impak zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan teknologi kepada output?

## **1.6 Objektif Kajian**

Berasaskan persoalan-persoalan di atas, kajian ini terdiri daripada objektif umum dan objektif khas.

### **1.6.1 Objektif Umum**

Objektif Umum kajian ini adalah menghitung dan menganggarkan potensi pungutan zakat sebagai salah satu unsur baharu PAD serta impak ke atas faktor pengeluaran.

### **1.6.2 Objektif Khas**

Objektif khas kajian ini adalah bertujuan untuk:

- a. Menganggarkan potensi pungutan zakat daripada institusi formal dan tidak formal.
- b. Menganalisa impak zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal kepada *output*.
- c. Menganalisa impak zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan buruh kepada *output*.
- d. Menganalisa impak zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan teknologi kepada *output*.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini memiliki kepentingan bagi penambahbaikan potensi zakat sebagai unsur baharu dengan matlamat boleh meningkatkan pembangunan melalui proses pengeluaran dari segi sumbangannya. Oleh itu, huraian mengenai potensi tersebut menghendaki satu penyelidikan kualitatif dan kuantitatif serta perbincangan yang mendalam bagi mencapai kesejahteraan di kalangan masyarakat dan mewujudkan keadilan ekonomi di serata masyarakat Provinsi Aceh.

Pemahaman masyarakat mengenai keagamaan merupakan salah satu faktor penting dalam melaksanakan kewajipan, khasnya terhadap kepatuhan membayar zakat di kalangan masyarakat Provinsi Aceh. Pemahaman yang tidak benar menimbulkan kecuaiian pelaksanaan teori sistem pungutan dalam Islam di mana zakat yang dulunya merupakan kewajipan sekarang menjadi cukai alternatif.

Huraian yang jelas mengenai konsep zakat dalam Islam telah dibincangkan oleh para sarjana Muslim, di mana sistem zakat Islam bersifat dinamis. Namun, adakah

ia masih dapat diamalkan dalam kehidupan semasa? Selanjutnya selain menganggarkan potensi zakat, kajian ini juga cuba menyingkap impak ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi kepada output. Setakat ini belum ada kajian seperti ini yang memberi fokus pada hal potensi dan impak, terhadap pembangunan ekonomi (*output*). Dengan demikian, kajian ini diharap akan dapat memberi sumbangan kepada pihak berkuasa untuk berupaya menggali potensi zakat secara optimal sebagai unsur baharu PAD.

Dalam aspek lain bantuan modal bersumber daripada zakat kepada para penerima (*asnaf*) di Provinsi Aceh agak baharu daripada aspek pelaksanaannya. Namun tiada kajian yang dibuat untuk melihat kajian kejayaan dan kegagalan program bantuan dana zakat khasnya dalam mewujudkan perniagaan mampu diri melalui sumbangan faktor pengeluaran (modal, buruh dan teknologi) kepada output perlu juga dikenal pasti melalui dana zakat yang diterima.

Secara keseluruhan kepentingan kajian ini adalah menemukan suatu sistem dan pola pengagihan potensi zakat yang dapat membangun moral dan material masyarakat serta meningkatkan keimanan dengan jenis pungutan yang diwajibkan serta dapat menguatkan model kesejahteraan ekonomi secara adil dan tersebar luas.

### **1.8 Skop Kajian**

Skop kajian mengkaji sumber kekuatan kewangan sebagai unsur baharu PAD melalui potensi zakat dan kesannya bagi pembinaan dasar dan amalan program-program produktif sebagai sumbangan untuk pembangunan di Provinsi Aceh.



Seterusnya, skop kajian juga akan ditumpukankan kepada potensi pengumpulan zakat yang ada pada pekerja Islam di pemerintahan Provinsi Aceh yang bekerja di sektor perkhidmatan dan telah dikelompokkan wajib zakat ke atas penghasilan perkhidmatannya sesuai dengan fatwa MUI Aceh Nombor 01/1983M/1403H mengenai kewajipan membayar zakat perkhidmatan dan Qanun Pemerintah Aceh Nombor 7 tahun 2004 mengenai pengelolaan zakat. Serta termasuk potensi dari institusi tidak formal iaitu sektor swasta (*private sector*) dan profesi lainnya.

Secara asas, penduduk Aceh merupakan masyarakat yang homogen dengan kesamaan karakteristik budaya yang disebabkan oleh ajaran agama Islam. Namun walaubagaimanapun terdapat sedikit perbezaan utamanya mengenai loghat/dialek, bahasa dan adat resam antara beberapa wilayah bandar. Wilayah kabupaten/kota di pesisir utara dan timur mempunyai bahasa yang berbeza dengan masyarakat yang bermastautin di kabupaten/kota dalam wilayah tengah Provinsi Aceh. Ianya juga berlaku pada masyarakat pesisir barat dan selatan.

Oleh kerana itu untuk mewakili kemajemukan tersebut, penyelidik akan mengambil sampel di enam kawasan kajian mengikut zon rencana pengembangan tata ruang Aceh untuk kawasan pusat perniagaan dan distribusi Aceh yang dilakukan oleh Badan Perencanaan dan Pembangunan Aceh (BAPPEDA) dibagi kepada 6 zon, iaitu:

1. Zon Pusat: Kota Sabang, Kota Banda Aceh, Kabupaten Aceh Besar, Kabupaten Pidie dengan kawasan kajian di Kota Banda Aceh.

2. Zon Utara: Kabupaten Pidie Jaya, Kabupaten Bireuen, Kota Lhokseumawe, Kabupaten Aceh Utara, Kabupaten Aceh Tengah dan Kabupaten Bener Meriah dengan kawasan kajian di Kabupaten Bener Meriah.
3. Zon Timur: Kabupaten Aceh Timur, Kota Langsa, Kabupaten Aceh Tamiang dengan kawasan kajian di Kabupaten Aceh Timur.
4. Zon Tenggara: Kabupaten Gayo Lues, Kabupaten Aceh Tenggara, Kota Subulussalam, Pulau Banyak dengan kawasan kajian di Kabupaten Aceh Tenggara dan Kota Subulussalam.
5. Zon Barat: Kabupaten Aceh Barat, Kabupaten Nagan Raya, Kabupaten Aceh Jaya dengan kawasan kajian di Kabupaten Aceh Barat.
6. Zon Selatan: Kabupaten Aceh Selatan, Kabupaten Aceh Barat Daya, Kabupaten Singkil dan Kabupaten Simeulue dengan kawasan kajian di Kabupaten Aceh Singkil.

Pemilihan keenam zon ini dilihat daripada beberapa faktor, pertama dari segi koridor zon, kedua dari segi ketersediaan sumber daya seperti jumlah budget dan ketiga adalah zon atau lokasi kajian tersebut dianggap mewakili keseluruhan kawasan dalam Provinsi Aceh.

### **1.9 Istilah Pengoperasian**

Berikut adalah beberapa maklumat mengenai maksud istilah yang digunakan dalam kajian ini.

- a) Potensi Zakat - merujuk kepada peluang pengumpulan zakat dari masyarakat yang kerjaya pada sektor perkhidmatan di Provinsi Aceh yang majoriti beragama Islam.

- b) Pendapatan Asli Daerah (PAD) – merupakan instrumen penerimaan daerah (*local revenue*) yang hanya pada Provinsi Aceh sahaja boleh memasukkan komponen baharu iaitu zakat.
- c) Faktor Pengeluaran – merupakan seluruh elemen iaitu modal, buruh dan teknologi.
- d) Proses Pembangunan – merujuk kepada proses peningkatan kebajikan ditandai dengan meningkatnya pendapatan masyarakat Provinsi Aceh (KDNK).
- e) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Per kapita – merujuk kepada kegiatan produktif dihasilkan melalui sektor terkait (lapangan usaha perniagaan, pertanian dan industri) dan dilakukan oleh seluruh komponen (masyarakat) ekonomi di Provinsi Aceh.
- f) Pekerja Muslim – merujuk kepada jumlah pegawai negeri sipil (PNS) dan pekerja swasta (informal) jumlah masyarakat yang beragama Islam dan kerjaya di sektor perkhidmatan.
- g) Lembaga Baitul Mal – merujuk Jumlah lembaga Baitul Mal sebagai pelaksana formal dengan mengupayakan pengumpulan potensi zakat yang ada di Provinsi Aceh dan memiliki kewenangan mengelola zakat.

### **1.10 Struktur Kajian**

Tesis ini mengandungi enam bab yang dapat dikelompokkan ke dalam dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada empat bab pertama, iaitu bab pendahuluan, tinjauan literatur dan metodologi kajian. Bahagian ini memberi maklumat awal kepada pembaca mengenai situasi penyelidikan yang akan dilakukan serta huraian mengenai apa-apa sahaja yang hendak dikaji.

Kumpulan kedua ialah dua bab seterusnya yang berhubung-kait dengan huraian umum mengenai dapatan kajian, keputusan kajian yang di antaranya mengenai analisis kuantitatif dan kualitatif dan juga yang membincangkan keputusan analisis dapatan kajian. Manakala bab yang terakhir ialah analisis dan keputusan kajian serta ringkasan dan cadangan. Berikut akan dihuraikan secara ringkas mengenai keenam bab tersebut:

Di dalam Bab Satu iaitu bab pendahuluan tumpuan perbincangan adalah kepada latar belakang, motivasi kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, signifikansi kajian serta skop dan batasan kajian serta istilah operasional.

Bab Dua akan membincangkan mengenai penguatkuasaan zakat perkhidmatan, potensi dan kekangan pungutan zakat perkhidmatan, agihan dana zakat dan impaknya bagi asnaf penerima, Pendapatan Asli Daerah (PAD) sebagai sumber dana lokal (*Local Revenue Government*) yang mempunyai kekhasan bagi Provinsi Aceh dengan memasukan zakat sebagai unsur baharu.

Bab Tiga iaitu sorotan karya/tinjauan literatur yang akan menghuraikan teori dan konsep pembangunan, kemiskinan serta secara sejarah, pandangan Islam dan agihan pendapatan, fiqh zakat serta pemahaman, kaedah, peranan dan penguatkuasaan lembaga zakat.

Bab Empat menghuraikan mengenai metodologi kajian. Pada bab ini akan membincangkan mengenai kaedah penyelidikan yang akan digunakan bermula dengan kerangka kerja kajian, teknik kajian, sumber data, instrumen, takrifan serta kaedah penganalisan data.

Dalam Bab Lima akan membincangkan penganggaran potensi pungutan zakat termasuk dari institusi tidak formal. Selain itu bab ini juga akan menghuraikan pelbagai potensi daripada sesetiap kabupaten/kota dalam Provinsi Aceh. Analisis dan menyimpulkan kepada keputusan kajian dan akan dihuraikan secara lengkap dan keputusan analisis potensi zakat dan impak ke atas faktor pengeluaran kepada output.

Bab terakhir kajian ini ialah Bab Enam. Ia akan membuat kesimpulan hasil kajian dan mengemukakan cadangan bersesuaian dengan dapatan kajian. Selain itu, bab ini juga akan mencadangkan beberapa kajian lanjutan berhubungkait dengan potensi zakat sebagai unsur baharu PAD dan impaknya ke atas faktor pengeluaran di Provinsi Aceh.

## BAB 2

### ZAKAT PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN ASLI DAERAH (PAD)

#### 2.1 Pendahuluan

Bab ini terbagi kepada enam bahagian utama. Bahagian pertama ialah pendahuluan. Bahagian kedua bab akan membincangkan potensi dan kekangan pungutan zakat perkhidmatan. Seterusnya bahagian ketiga turut membincangkan penguatkuasaan zakat perkhidmatan dan amalannya masa kini di Provinsi Aceh yang meliputi ijihad mengenai kewajipan zakat perkhidmatan serta fatwa MUI Aceh atas penguatkuasaan undang-undang khasnya untuk Provinsi Aceh.

Lanjutan daripada itu bahagian keempat akan membincang agihan zakat dan impaknya bagi asnaf penerima yang menjadi perhatian utama dan dilaksanakan sesuai dengan ketentuan syari'at. Bahagian bab kelima akan membincang juga tentang pengertian dan hukum zakat pendapatan gaji. Seterusnya bahagian keenam turut membincangkan Pendapatan Asli Daerah (PAD) sebagai sumber dana lokal (*Local Revenue Government*) yang mempunyai kekhasan untuk Provinsi Aceh dengan memasukkan zakat sebagai potensi baru.

#### 2.2 Potensi dan Kekangan Pungutan Zakat Perkhidmatan

Sebagai sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam dan dari segi kuantiti merupakan ummat Muslim terbanyak di dunia, Indonesia tentunya mempunyai potensi dana zakat yang sangat besar dan strategis. Apabila dilihat dari perolehan dana Zakat, Infak dan Sedekah (ZIS) di seluruh Indonesia pada awal tahun 1990-an, dana ZIS yang

diperolehi mencapai Rp11 Miliar, namun di tahun 2000 meningkat kepada lebih dari Rp250 Miliar. Sebuah jumlah yang cukup signifikan untuk menjalankan pembangunan dan pembasmian kemiskinan (Budi, 2002).

Provinsi Aceh sebagai bahagian daripada Negara Kesatuan Republik Indonesia dan merupakan wilayah dengan penduduk Islam sebanyak 98.80 peratus telah menjadikan zakat sebagai salah satu penerimaan daerah disamping cukai. Sehingga upaya peningkatan perolehan zakat melalui kecekapan pungutan dan perluasan sumber zakat baru telah menjadi tumpuan dalam melaksanakan pembangunan daerah kebelakangan ini.

Sehubungan dengan itu, zakat perkhidmatan merupakan suatu sumber baharu yang sangat potensial untuk dikembangkan antara lain kerana potensi zakat perkhidmatan yang besar utamanya dengan terjadinya transformasi perekonomian Aceh daripada sektor pertanian kepada sektor industri dan perkhidmatan yang ditandai dengan beranjaknya sumbangan (kontribusi) sektor perkhidmatan yang lebih besar berbanding kontribusi sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Provinsi Aceh.

Menurut laporan Biro Pusat Statistik Aceh (2006), sumbangan sektor perkhidmatan semenjak tahun 2001 sehingga 2005 meningkat secara purata setahun sebesar 14.68 peratus, sedangkan kontribusi daripada sektor pertanian hanya meningkat sebesar 9.69 peratus pertahun. Potensi zakat perkhidmatan juga didukung oleh jumlah penduduk Aceh yang bekerja di sektor perkhidmatan seperti kakitangan kerajaan, pegawai swasta, pengusaha perkhidmatan angkutan, perkhidmatan travel, mahupun pekerja profesional

seperti dokter, akuntan, peguam, konsultan dan lain sebagainya yang telah mencapai 5.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Provinsi Aceh (Sekretariat Provinsi NAD, 2007).

Adapun pendapatan masyarakat yang termasuk ke dalam usaha-usaha di sektor perkhidmatan pada masa ini di Provinsi Aceh antara lain:

- a) Pendapatan daripada usaha profesional. Sektor profesional ini diertikan sebagai kegiatan yang dilakukan oleh seseorang dengan kepakaran, ianya akan memperoleh imbalan perkhidmatan seperti doktor perubatan, peguam, konsultan dan lain-lain.
- b) Pendapatan daripada usaha yang berkaitan dengan institusi kewangan, sama ada perbankan mahupun non perbankan. Sektor usaha ini akan menghasilkan pendapatan berupa pendapatan perkhidmatan dalam menjalankan fungsinya sebagai institusi penyaluran pinjaman.
- c) Pendapatan daripada usaha perkhidmatan pengangkutan. Sektor ini dimaksudkan sebagai usaha pemindahan barangan atau orang dari suatu tempat ke tempat lainnya. Imbalan yang diterima daripada aktiviti ini sama ada berupa upah atau tambang dimasukkan ke dalam kategori pendapatan perkhidmatan.
- d) Pendapatan daripada usaha perkhidmatan binaan dan pengadaan barangan. Sektor ini akan menghasilkan keuntungan daripada projek yang dibina atau barangan yang disediakan kepada kerajaan, syarikat atau orang perorang lainnya.
- e) Pendapatan daripada usaha perkhidmatan sewa menyewa. Seseorang yang menjalankan aktivitinya dengan menyewakan sesuatu dan mendapatkan penghasilan daripadanya. Kegiatan sektor usaha ini seperti perhotelan/rumah tumpangan, gedung, kedai, stor, tanah kosong dan lain-lain.



f) Pendapatan daripada pendapatan gaji dan upah, sama ada pegawai kerajaan, syarikat/swasta mahupun buruh. Mengikut data daripada Sekretariat Provinsi Aceh, jumlah penduduk Aceh yang bekerja sebagai Pegawai Negeri Sipil (PNS) pada tahun 2006/2007 seramai 71,389 orang atau 1.75 peratus daripada keseluruhan penduduk Aceh. Jumlah pegawai kerajaan tersebut dapat dilihat pada jadual 2.1 berikut:



Jadual 2.1

*Bilangan Pegawai Negeri Sipil(PNS) Di Provinsi Aceh Berdasarkan Kabupaten/Kota*

No	Kabupaten/Kota	Bilangan (orang)	Peratusan
1	Wilayah Provinsi Aceh	6,093	8.53
2	Kota Banda Aceh	4,073	5.71
3	Kota Sabang	1,407	1.97
4	Kabupaten Aceh Besar	5,765	8.08
5	Kabupaten Pidie	7,724	10.82
6	Kabupaten Aceh Utara	6,304	8.83
7	Kabupaten Bireuen	6,395	8.96
8	Kabupaten Aceh Timur	4,023	5.64
9	Kabupaten Aceh Tengah	4,799	6.72
10	Kabupaten Aceh Barat	3,720	5.21
11	Kabupaten Aceh Jaya	838	1.17
12	Kabupaten Aceh Barat Daya	1,003	1.40
13	Kabupaten Aceh Nagan Raya	1,889	2.65
14	Kabupaten Simeulue	1,460	2.05
15	Kabupaten Aceh Selatan	1,307	1.83
16	Kabupaten Aceh Singkil	1,944	2.72
17	Kabupaten Aceh Tenggara	3,576	5.01
18	Kabupaten Gayo Lues	925	1.30
19	Kabupaten Aceh Tamiang	2,686	3.76
20	Kabupaten Bener Meriah	1,624	2.27
21	Kota Lhokseumawe	1,705	2.39
22	Kota Langsa	2,129	2.98
Jumlah		71,389	100

Sumber : Sekretariat Provinsi Aceh, 2007.

Berdasarkan data daripada Biro Pusat Statistik (2007), purata pertambahan jumlah pegawai pemerintah di Provinsi Aceh semenjak tahun 1980 sampai 2006 adalah sebesar 4.68 peratus setahun. Mengikut struktur kepegawaian di Provinsi Aceh, jumlah pegawai pemerintah terdiri daripada empat golongan kepangkatan iaitu golongan I, II, III dan IV. Adanya perbezaan golongan pegawai kerajaan ini memberi kesan kepada perbezaan upah atau gaji yang diterima sehingga golongan tertentu mendapat pendapatan yang telah melewati pendapatan kena zakat. Oleh itu, mengikut kategori pendapatan berdasarkan golongan di atas maka pegawai pemerintahan yang telah menduduki golongan III dan IV telah dikenakan wajib zakat kerana telah memiliki pendapatan yang mencapai haul nisab berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Majelis Ulama Provinsi Aceh.

Di sisi lain, potensi zakat perkhidmatan daripada pegawai kerajaan terus meningkat kerana kecenderungan meningkatnya pegawai kerajaan yang berpangkat golongan III dan IV setiap tahunnya iaitu dengan purata peningkatan sebesar 34.52 peratus setahun untuk golongan III dan 56.70 peratus setahun bagi golongan IV dalam jangka masa 1980 sehingga 2006. Peningkatan jumlah pegawai pemerintah dalam golongan III dan IV ini disebabkan oleh pelbagai faktor antara lain: bertambahnya jumlah lembaga/jabatan dalam pemerintahan dan terjadinya kenaikan pangkat daripada golongan di bawahnya.

Disamping itu, jumlah keseluruhan penduduk Aceh yang bekerja pada sektor perkhidmatan seperti yang dikategori di atas telahpun mencapai 5.5 peratus atau sebanyak 214,461 orang daripada 3,899,290 orang. Walaupun potensinya demikian besar, dalam realiti yang ada sekarang perolehan zakat daripada kategori ini masih sangat sedikit walaupun kewajipan terhadap zakat perkhidmatan telah diputuskan melalui fatwa

Majlis Ulama Indonesia (MUI) Aceh semenjak tahun 1983 lagi. Perkara ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang telah dikenalpasti antaranya mengenai kepatuhan individu pembayar zakat dan tidak adanya undang-undang pada masa lepas yang memberikan kuasa kepada Pemerintah Aceh untuk menangani zakat tersebut secara lebih proaktif.

Menurut laporan Baitul Mal Provinsi Aceh, kekangan-kekangan yang dihadapi bagi upaya peningkatan perolehan zakat termasuk diantaranya kurangnya kesedaran wajib zakat untuk menunaikan kewajibannya dan masih sempitnya pandangan masyarakat terhadap konsepsi fiqh zakat. Konsepsi fiqh zakat sangat perlu dikaji ulang kerana konsepsi fiqh zakat yang ada belum merangkumi segala aspek yang terjadi di zaman moden ini seperti mengambilkira tentang dana yang berdaya maju (sektor industri dan pelayanankhidmatan).

Manakala Mujaini (2000) pula mengatakan bahawa penjanaansistem zakat *al Mal al Mustafad* termasuk di dalamnya zakat perkhidmatan yang berjaya akan berkisar pada tiga persoalan, iaitu; (1) kefahaman dan keyakinan terhadap konsep zakat *al Mal al Mustafad*; (2) fatwa/enakmen/peraturan zakat dan (3) kerajaan/baitulmal/institusi zakat. Bagi institusi zakat di Indonesia paling tidak ada dua permasalahan yang sampai kini masih dihadapi, iaitu krisis kepercayaan dan profesionalisme (Nirwan, 1999).

Secara institusi, Baitul Mal Provinsi Aceh merupakan suatu institusi rasmi yang ditubuhkan oleh pemerintah berdasarkan Keputusan Gabenor Nombor 18 tahun 2003 tentang Penubuhan Organisasi dan Tata Kerja Badan Baitul Mal Provinsi Aceh dan selanjutnya dalam Qanun Nombor 7 tahun 2004 disebutkan dalam pasal 15 bahawa

Baitul Mal mempunyai tugas antaranya melakukan pendataan muzakki, pengumpulan zakat, pendataan mustahik dan pengagihan zakat.

Institusi-institusi pengelola harta agama di Provinsi Aceh memang telah berjalan selama 30 tahun, dengan nama yang telah berganti-ganti pula, namun eksistensinya belum dapat diandalkan secara maksimal dalam mengelola harta agama (Damanhur, 2006). Oleh itu, Rusjdi (2003) mengatakan bahawa tanpa menolak rasa hormat kepada pekerja-pekerja atau para amil institusi zakat yang ada sekarang, maka institusi ini masih jauh daripada harapan ideal, akan tetapi terdapat pelbagai kekangan struktur, teknologi dan psikologis yang besar dan harus diselesaikan bersama supaya dapat terwujudnya tujuan yang diharapkan.

Selanjutnya, menurut Marzi (2004) beberapa kekangan juga telah dikenalpasti dalam menjadikan zakat sebagai sumber pendapatan di Provinsi Aceh antaranya prestasi lembaga pengelola zakat yang rendah, pemahaman masyarakat yang sempit tentang zakat dan penguatkuasaan undang-undang.

Dalam buku “motivasi berzakat” yang dikeluarkan oleh Departemen Agama Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Urusan Haji 1997/1998 dikemukakan bahawa “terdapat sejumlah kekangan yang menyebabkan kewajipan zakat belum meluas tertunaikan dalam masyarakat. Kekangan-kekangan ini ada yang bersifat dari dalam tubuh umat Islam sendiri dan ada juga yang bersifat ekstrim (pengaruh dari luar)”, iaitu:

1. Terbatasnya pengetahuan masyarakat.

Pengetahuan adalah apa yang dikenal atau hasil pekerjaan tahu (Gazalba, 1992). Pengetahuan yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah pengetahuan umat tentang erti penting dan manfaat perintah zakat dalam kehidupan ekonomi, sosial, kesihatan dan mental. Untuk memperolehi pengetahuan itu ada tiga jalan, iaitu: “(1) dengan mendengarkan cerita orang tua-tua; (2) dengan pengalaman sendiri dan (3) dengan jalan keterangan” (Hatta, 1970). Dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi masa kini, cara memperolehi pengetahuan tersebut juga sudah semakin maju dan semakin senang memahaminya, seperti melalui media elektronik.

Pengetahuan umat akan kewajipan yang harus ditunaikan pada umumnya hanya terbatas dalam ibadah shalat, puasa dan haji. Ketiga macam ibadah ini nampaknya merupakan pelajaran inti dalam setiap pelajaran agama, sehingga sering kali mendengar pelatihan dan kursus shalat dan haji. Sedangkan ibadah zakat hanya diajarkan sedikit sahaja pada masa-masa awal belajar agama. Demikian pula masih sedikit muballigh atau khatib membincangkan dalam khutbah atau tabligh.

## 2. Konsepsi zakat.

Konsepsi zakat selama ini dirasakan masih mengikuti tradisi lama iaitu hanya terbatas pada barang-barang tertentu yang ditetapkan dalam kitab-kitab fiqh. Begitu pula dengan pelaksanaannya yang masih sangat sederhana iaitu cukup dibahagikan sendiri/terus kepada mustahik atau kepada orang/kiayi yang disenangi tanpa melalui institusi zakat.

### 3. Sifat manusia.

Kekangan ini didasarkan kepada sifat manusia yang berwatak kedekut seperti yang dinyatakan dalam Al-Qur'an iaitu bahawa memang begitulah sifat umum manusia, ia cenderung mengira dan menumpuk kekayaannya bahkan ia berfikir kekayaannya akan bersifat kekal dalam dirinya. Apalagi kalau menganggap bahawa kekayaan itu diperolehi atas segala kepayahan dalam memeras fikiran (minda), keringat dan kemampuannya sendiri, sehingga sangat berat untuk dikeluarkan zakatnya.

### 4. Pertembungan kepentingan

Apabila zakat diorganisir secara teratur, maka ada sekelompok masyarakat atau sebahagian organisasi umat Islam yang tidak ikut senang mengikutinya. Persoalannya bahawa kalau hal itu terorganisir (*organized*), maka yang bersangkutan akan tidak lagi mendapat bahagian.

### 5. Kepercayaan muzakki.

Kekangan yang lain adalah mengenai kurangpercayaan muzakki tentang institusi pengelola zakat (kredibiliti korporat). Perkara ini terjadi kerana adanya kekhawatiran bahawa dana zakat yang dibayarkan itu tidak sampai pada sasaran yang sebenarnya. Ketidakpercayaan ini ditambah lagi dengan kenyataan tidak pernah ada laporan yang lebih transparan yang dapat disaksikan oleh masyarakat secara langsung.

## **2.3 Penguatkuasaan Zakat Perkhidmatan dan Amalan Masa Kini**

Perkataan perkhidmatan dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (2003) sepadan dengan perkataan “jasa” yang diertikan sebagai upah kerja yang dibayar dalam waktu yang tetap,

bulanan atau mingguan. Manakala perkataan perkhidmatan dalam Bahasa Melayu pula, berdasarkan Kamus Dewan (2002) bermakna sebagai perbuatan yang baik atau berguna dan menunjukkan kesetiaan sama ada bagi orang lain, institusi mahupun negara.

Dalam menetapkan kewajipan atas zakat perkhidmatan, Majlis Ulama Indonesia (MUI) Aceh mengertikan perkhidmatan sebagai hasil yang diperolehi seseorang sebagai imbalan dari guna/manfaat sesuatu seperti gaji, upah, sewa, hasil profesional dan sebagainya (Sekretariat MUI Aceh, 1978). Manakala penghasilan perkhidmatan pula diertikan sebagai bayaran yang diterima oleh seseorang seperti gaji, upah, elaun, bonus daripada apa-apa pekerjaan dan perkhidmatan profesional dan bukan profesional ([www.e-zakat.com](http://www.e-zakat.com)).

Bentuk pendapatan perkhidmatan yang paling populer pada masa kini adalah apa yang diperolehi dari pekerjaan dan profesional. Menurut Qardhawi (2001), pekerjaan yang tergolong dalam perkhidmatan dan menghasilkan wang ada 2 macam:

1. Pekerjaan yang dikerjakan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain, berkat kepakaran, tangan dan fikiran (minda). Pendapatan dengan cara ini dinamakan pendapatan profesional seperti pendapatan dokter, enginer, advokat, seniman dan lain-lain.
2. Pekerjaan yang dikerjakan seseorang untuk orang lain, sama ada untuk pemerintah, syarikat mahupun perorangan dengan memperolehi upah, gaji atau honorarium serta sama ada dengan menggunakan tangan ataupun fikiran (minda) ataupun kedua-duanya sekali.



Mengenai zakat ke atas pendapatan perkhidmatan tersebut sebenarnya telahpun diwajibkan di zaman para sahabat lagi. Antara bukti-bukti sejarah yang menjadi dalil kepada hujah tersebut adalah:

Diriwayatkan dari Aisyah anak perempuan dari Qudamah bin Madz'un bahawa Khalifah Usman bin Affan r.a. ketika membayar gaji kepada ayahku, beliau berkata "apabila kamu telah memiliki harta yang telah mencukupi kewajipan mengeluarkan zakat maka gajimu akan ku potong sebahagian untuk zakat".

Khalifah Omar Abdul Aziz telah membuat potongan zakat ke atas wang pemberian (al ato') yang diberikan oleh kerajaan kepada para tentera dan juga para petugas kerajaan sewaktu pemerintahan beliau. Abu Al Wahid Al Baji berkata "yang dimaksud dengan al ato' di sisi syara' adalah wang gaji yang diberikan oleh pemerintah kepada para pekerja untuk memberikan pendapatan dan wang itu diambil dari baitul mal" atau apa-apa upah yang diterima oleh seseorang daripada majikan sebagai balasan kepada perkhidmatan yang dibenarkan oleh syarak (Mujaini, 1999).

Ibnu Abbas pernah memberi fatwa dalam kes seseorang yang memperolehi harta berupa gaji supaya mengeluarkan zakat. Menurut Mujaini (1999), zakat perkhidmatan sama ada daripada gaji atau pendapatan lain sekarang menggunakan istilah *al Mal al Mustafad*, iaitu apa-apa upahan, ganjaran, habuan atau mana-mana sebutan yang semakna dengan pendapatan daripada majikan awam atau swasta mahupun pelanggan secara tetap, kontrak, persaraan atau kematian dengan syarat pendapatan itu terkeluar daripada transaksi perniagaan, pelaburan atau pembiakan ternakan.

Zakat ke atas perkhidmatan ataupun penghasilan profesional mula diperkenalkan oleh Prof. Dr. Yusuf al Qardhawi melalui bukunya “*Fiqh al Zakat Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw’ al Qur’an wa al Sunnah*”. Asas daripada pengenaan zakat ini didasarkan kepada hujah bahawa kewajipan zakat harta tidak terbatas kepada yang disebut secara formal atau verbal dalam hadis semata-mata. Perkara ini diperlukan ijtihad para fuqaha’ supaya pelaksanaan zakat sesuai dengan perubahan sosio-ekonomi masyarakat setempat. Justeru, fuqaha’ masa kini mempunyai kewajipan meneruskan ijtihad untuk menentukan pelaksanaan hukum zakat selari dengan pembangunan masa kini, seperti ijtihad zakat kepada harta yang berdaya maju dan belum wujud pada zaman Nabi dan sahabat. Zakat ini berupa penggajian, saham, sewa bangunan, hotel, bonus, rampasan, pencen, elaun, royalti, pendapatan ahli profesional dan lain sebagainya (Mujaini, 2002).

Antara pandangan dan ijtihad fuqaha’ mengenai zakat ke atas harta yang berdaya maju (*al nama’*) iaitu disandarkan kepada maksud daripada perkataan “zaka” yang bermakna maju atau bertambah, yang mana perkara ini juga dijadikan ‘*illat*’ atau prasyarat dalam sistem zakat. Dengan prinsip ini, para fuqaha’ berpandangan bahawa zakat dapat diperluas kepada harta lain yang berdaya maju secara semula jadi atau dimajukan dengan usaha.

Menurut Mujaini (1999), wang ataupun yang sehukum dengannya merupakan harta yang berdaya maju, ia merupakan alat timbang tara atau piawaian. Oleh itu, sudah lazimnya tahap kekayaan seseorang akan dinilai dengan perantaraan wang. Beliau juga mengutip pernyataan Ibnu Rush al Qadi yang menyebutkan bahawa “sesuatu kekayaan yang

bersandarkan kepada emas dan perak atau sesuatu yang dikaitkan kepada kedua-duanya merupakan modal untuk mencari keuntungan dan bukan sebagai barang pengguna semata-mata. Dengan itu, logam dan sesuatu yang sehukum dengannya diwajibkan zakat". Dalam hal ini, ulama mazhab Maliki dan Hanafi telah memegang teguh prinsip berdaya maju (*al nama'*) sebagai suatu syarat bagi mewajibkan zakat ke atas sesuatu harta.

Mengenai zakat perkhidmatan yang dikenakan kepada syarikat yang menyediakan perkhidmatan secara perkongsian terdapat perbezaan pandangan fuqaha'. Mengikut ulama mazhab Hanafi, mereka berpandangan bahawa harta penghasilan daripada syarikat jenis ini perlu ditaksir berasingan daripada pemilik syarikat yang bermakna bahawa setiap individu yang terbabit dalam syarikat tersebut wajib membayar zakat bagi perkhidmatan yang diperolehinya secara perasingan dengan alasan bahawa percampuran tidak memberi kesan kepada zakat kerana milik setiap individu tidak boleh mencukupkan nisab zakat individu yang lain.

Manakala menurut jumhur ulama seperti ulama mazhab Maliki, Hambali dan Syafi'e pula berpandangan bahawa harta daripada syarikat perkongsian perlu dikira secara bersama sebagai satu nisab. Percampuran bersama memberi kesan wajib zakat kerana orang yang berkongsi wajib mengeluarkan satu zakat. Namun demikian, ulama mazhab Maliki mengkhaskan zakat yang boleh diambil secara percampuran bersama terhadap zakat binatang bukan kepada harta lainnya, sedangkan ulama mazhab Hambali dan Syafi'e menyatakan wajib zakat kepada harta percampuran sama ada zakat ke atas binatang mahupun jenis harta lainnya (Sanep, 2006).

Disamping itu, ijtihad para fuqaha' masa kini ke atas zakat perkhidmatan didasarkan kepada dalil kewajipan zakat *al Mal al Mustafad* di antaranya : (1) “*Wahai orang yang beriman ! Nafkahkanlah (keluarkan zakat) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik. Dan Sebahagian daripada apa yang kamu keluarkan daripada hasil bumi dan janaan kamu pilih yang buruk-buruk, padahal kamu sendiri tidak menyukainya. Ketahuilah, Allah Maha Kaya lagi sentiasa terpuji*”. (QS. Al Baqarah, ayat 267). Ayat ini memberi perhatian supaya mempelbagaikan zakat harta yang diperolehi melalui daya usaha atau kerja (sebarang hasil pekerjaan yang diperolehi secara halal); (2) “*Setiap orang Islam diwajibkan zakat. Mereka berkata kepada Rasulullah: Wahai Nabi Allah, kalau kami tidak memiliki harta bagaimana? Jawab Baginda: **Berusahalah kamu dengan sepenuh tenaga bagi menyara diri, kemudian bayarlah zakat.....***” (Sahih Al Bukhari dan Al Nasa’i).

Mengikut amalan sekarang, zakat ke atas penghasilan perkhidmatan seperti gaji dan upahan dikenakan pada kadar 2.5 peratus. Ia diqiyaskan kepada zakat emas dan perak. Qiyas ini dibuat berdasarkan kepada penjawat awam dan swasta yang menerima pendapatan dalam bentuk wang (Zahri, 2002). Menurut Muslim (1993), pemilihan emas sebagai piawai (*standard*) dalam mengira nisab zakat perkhidmatan disebabkan atas beberapa pertimbangan:

1. Nilai emas relatif tetap dan stabil.
2. Al Qur'an selalunya menyebutkan emas lebih dahulu berbanding perak dan barangan lainnya dalam satu ayat.

3. Emas lebih memenuhi syarat (*gold clause*).
4. Maklumat tentang nilai emas senang diperolehi kerana ianya selalu disiarkan dalam berbagai media informasi.
5. Bank Sentral dan Bank Islam kebanyakan bersandar kepada emas dalam pengiraan zakat.

Walaupun, menurut Qardhawi (1995) terdapat beberapa pendapat kebelakangan ini yang berbeza seperti pendapat Abu Zahrah, Abdul Wahab Khalaf dan Abd. Rahman Hassan. Fuqaha'-fuqaha' ini berpandangan bahawa zakat ke atas pendapatan gaji dan upahan sepatutnya dikenakan pada kadar 5 peratus dari pendapatan kasar atau 10 peratus dari pendapatan bersih. Kadar ini diqiyaskan kepada zakat tanaman. Selanjutnya Qardhawi (2001) menyebutkan bahawa asas kepada qiyas ini disebabkan 4 perkara:

1. Tanaman pada masyarakat agraris merupakan mata pencaharian utama, sedangkan pada masyarakat industri orang lebih banyak bekerja untuk badan usaha atau orang lain sehingga diperolehi upah atau gaji.
2. Gaji diqiyaskan dengan hasil pertanian kerana ianya dibayar berkala atau bermusim.
3. Kerana panennya secara berkala maka ketentuan zakat berdasarkan nisab.
4. Penghasilan gaji dan profesional tidak diqiyaskan dengan emas, kerana biasanya emas sebagai alat ukur kekayaan untuk disimpan dalam jangka waktu tertentu seperti simpanan atau deposito.

Ijtihad mengenai kewajiban zakat perkhidmatan di Aceh telahpun dimulai semenjak tahun 1978 lagi. Melalui fatwa ulama Aceh yang diputuskan dalam sidang komite hukum Majlis Ulama Indonesia (MUI) Aceh pada 10 sya'ban 1396 H/16 Julai 1978 M dan secara rasminya melalui fatwa MUI Aceh Nombor 01/1983M/1403H tahun 1983 dan diperbaharui dengan fatwa MUI Aceh Nombor 01 tahun 1994M/1414H iaitu dengan menetapkan tentang kewajiban membayar zakat perkhidmatan (gaji, upah, sewa dan penghasilan profesional) dengan ketentuan zakat dikenakan ke atas penghasilan bersih yang selama satu tahun mencapai nisab sebesar 94 gram emas tulin dan kadar zakatnya 2.5 peratus. Penetapan ini berdasarkan kepada pelbagai pertimbangan dan pemikiran diantaranya zakat bukan sahaja merupakan ibadah semata-mata (ibadah mahdah), tetapi juga merupakan ibadah ghairu mahdah iaitu disamping keperluan ibadah terdapat pula kepentingan sosial masyarakat.

Mengenai kewajiban zakat perkhidmatan ini sebenarnya terdapat dua pandangan daripada ulama-ulama di Aceh iaitu; *pertama*, pandangan yang mengatakan tidak wajib. Para ulama yang berpandangan demikian beralasan bahawa ayat-ayat yang memerintahkan kewajiban zakat dari harta yang merupakan rezeki daripada Allah SWT sebagai imbalan usaha manusia adalah bersifat umum seperti yang diwahyukan dalam al-Qur'an Surat Al Baqarah ayat 154 dan 267, Surat Ali Imran ayat 92, Surat Al Isra' ayat 26 dan 29 dan Surat Az Zariyat ayat 23 dan 24.

Kesemua ayat-ayat tersebut menyatakan tentang zakat secara umum dan telah dikhaskan oleh hadis-hadis iaitu yang diwajibkan zakat adalah emas, perak, unta, lembu, kambing, gandum, tamar dan lain-lain. Sedangkan mengenai kewajiban zakat ke atas penghasilan

perkhidmatan seperti gaji tidak dinyatakan secara tegas dalam hadis-hadis tersebut. Manakala pandangan *kedua* pula menyatakan bahawa penghasilan perkhidmatan seperti gaji wajib dizakatkan. Berdasarkan wahyu Allah SWT dalam Al-Qur'an seperti yang telah dinyatakan di atas, Allah SWT memerintahkan secara umum dan tegas serta berulang-ulang supaya harta "*al amwal*" yang diberikan oleh Allah SWT, sebagai usaha manusia wajib diinfaqkan. Infaq wajib ini dimaknai dengan zakat sepertimana halnya perkataan sadaqah dalam Surat At Taubah ayat 60 dan 103 (Nazaruddin, 1999).

Adapun keputusan (fatwa) MUI Aceh mengenai kewajipan pembayaran zakat perkhidmatan adalah bersandarkan kepada pandangan kedua di atas, yakni segala jenis harta yang diperolehi dengan cara-cara yang halal, sekiranya telah mencapai nisab dan haul maka wajib ditunaikan zakatnya sama ada harta tersebut diperolehi daripada usaha pertanian, peternakan, perniagaan dan lain-lain termasuk hasil usaha dengan perkhidmatan. Golongan ulama ini dikategorikan kepada ulama moden, namun golongan ulama dayah (pondok) tradisional kebanyakannya masih termasuk kepada golongan pertama iaitu yang berpandangan penghasilan perkhidmatan tidak wajib dizakatkan. Ulama ini mempunyai pengikut yang banyak berbanding golongan ulama moden, sehingga perkara tersebut memberi kesan kepada ketaatan pembayaran zakat perkhidmatan di Provinsi Aceh.

Berdasarkan fatwa MUI Aceh seperti yang telah dijelaskan di atas dan penguatkuasaan undang-undang khas untuk Provinsi Aceh, maka Pemerintah telah membuat beberapa peraturan lanjutan mengenai zakat perkhidmatan, antaranya dengan dikeluarkan instruksi Gabenor Nombor 02/INSTR/2002 tentang pelaksanaan zakat gaji/perkhidmatan bagi

setiap kakitangan di lingkungan Pemerintah Aceh, serta surat Gabenor Nombor 451.12/127370 tentang taklimat khas kepada seluruh ketua jabatan dan penguasa untuk membayarkan zakat pendapatannya.

## **2.4 Fiqh Zakat**

### **2.4.1 Pemahaman Asas dan Takrifan**

Zakat adalah rukun ketiga di dalam rukun Islam yang lima. Ianya dihuraikan di dalam Al Qur'an dan As Sunnah. Dari segi bahasa, perkataan zakat merupakan ayat asas (masdar) dari zakàt yang bererti tumbuh (*nama*'), berkembang, berkah, dan bersih (Qardhawi, 1987), baik dan kepujian (Ibn Manthur, 1990), menyuburkan (Hasbi, 1991) serta dapat diertikan sebagai menyucikan atau membersihkan (QS. At Taubah: 103). Sehingga bagi orang yang mengeluarkan zakat, hati, jiwa dan kekayaannya akan menjadi bersih. Seseorang yang membayar zakat kerana keimanannya niscaya akan memperolehi kebaikan yang banyak. Allah SWT berfirman dalam Al Qur'an Surat At Taubah ayat 103:

“Ambillah sedekah (zakat) dari harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka .....”(Mahmud, 1973).

Erti menyucikan pada perkataan zakat bermakna bahawa kekayaan yang dikeluarkan zakatnya akan menyucikan kekayaan dan jiwa atau mental orang yang mengeluarkan zakat tersebut. Manakala, erti bertambah bermakna bahawa zakat dapat menambahkan pendapatan sama ada bagi yang menerimanya mahupun bagi pembayar zakat (muzakki). Perkara ini disebabkan kerana peningkatan pendapatan bagi penerima zakat akan dapat meningkatkan konsumsi dan perbelanjaan mereka. Dalam analisis melalui pendekatan



algebra, Munawar (1985) mendapati bahawa kecenderungan mengguna sut dan kecenderungan mengguna purata kumpulan fakir dan miskin (asnaf penerima zakat) adalah lebih tinggi berbanding orang-orang kaya (muzakki).

Oleh itu, pelaksanaan zakat dapat meningkatkan kecenderungan mengguna sut dan mengguna purata secara agregat dalam suatu negara. Dengan kecenderungan penggunaan yang meningkat tersebut, maka akan meningkatkan pula pengeluaran yang pada akhirnya akan menambah pendapatan atau kekayaan bagi orang-orang yang terbabit dengan pengeluaran seperti pemilik-pemilik syarikat yang amnya terdiri daripada kumpulan pembayar zakat (muzakki). Perkara ini disokong oleh kajian Saharuddin, et al. (2002) yang mendapati bahawa kecenderungan mengguna sut selepas zakat adalah lebih tinggi yang bermakna bahawa zakat merupakan elemen penting dalam penggunaan agregat bagi menentukan pertumbuhan ekonomi.

Di samping itu, menurut Hasbi (1991) bahawa dengan membayar zakat akan mendapat perlindungan dari bencana kemiskinan, kelemahan fizik mahupun mental. Sememangnya, masyarakat yang terpelihara daripada bencana-bencana tersebut akan menjadi masyarakat yang hidup, subur dan berkembang. Dari sudut pandang yang logik, pembayaran zakat akan menghasilkan dua kebaikan iaitu; menjauhkan seseorang daripada dosa dan menyelamatkan si pembayar dari akhlak tercela yang ditimbulkan oleh cinta dan rakus kepada harta. Melalui zakat pula kumpulan yang lebih miskin dapat ditingkatkan kesejahteraannya (Syaikh, 1998).

Manakala menurut terminologi syari'ah pula, zakat bermakna kewajipan ke atas sejumlah harta tertentu untuk kumpulan tertentu dalam waktu tertentu (Mahadzir, 2005). Zakat pula diertikan sebagai harta yang wajib dikeluarkan apabila telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh agama, dan diagihkan kepada orang-orang yang telah ditentukan pula, iaitu lapan kumpulan yang berhak menerima zakat sepertimana yang disebut dalam Al Qur'an (Iskandar, 2006; Hafidz, 1993).

Sebetulnya, para fuqaha memberi pengertian yang berbeza di dalam persoalan zakat. Para fuqaha As-Syafieyyah mentakrifkan zakat sebagai berikut: "suatu nama bagi pengeluaran barangan yang tertentu daripada harta yang tertentu dengan sifat yang tertentu bagi kumpulan yang tertentu" (Mawardi, 1994). Para fuqaha Al-Hanabilah pula mentakrifkan zakat sebagai: "suatu hak yang wajib pada harta yang tertentu bagi kumpulan yang tertentu dan pada waktu yang tertentu" (Zarkasyi, 1993). Selanjutnya para fuqaha Al-Malikiyyah mentakrifkan zakat sebagai: "pengeluaran sebahagian yang tertentu daripada harta yang tertentu yang mencukupi nisab bagi kumpulan tertentu" (Kandahlawi, 1997).

Manakala para fuqaha Al-Hanafiyyah pula mentakrifkan zakat sebagai: "suatu nama bagi perbuatan menunaikan hak yang diwajibkan bagi harta yang diambilkira kewajipannya mengenai persoalan haul dan nisab" (Kasani, 1997).

Berdasarkan kepada takrifan-takrifan tersebut, maka secara amnya dapat disimpulkan bahawa zakat adalah : "Penyerahan wajib sebahagian daripada harta kekayaan yang ditentukan oleh syara' kepada kumpulan yang berhak menerimanya bagi mencari keredhaan Allah SWT serta penyucian diri dan harta kekayaan demi membangunkan

masyarakat berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh syara' atau pengeluaran harta dalam kadar tertentu daripada harta yang tertentu bagi faedah kalangan yang berhak menerimanya (Qudamah, 1968).

Zakat dapat dikatakan sebagai ibadah yang berhubung-kait harta benda dan berfungsi sosial dan telah dikenali dalam agama wahyu yang dibawa oleh para rasul terdahulu.

Dalam Al Qur'an Surat Al-Ambiya' ayat 73 Allah SWT berfirman:

“Kami jadikan mereka sebagai imam (orang-orang ikutan) yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan telah Kami wahyukan kepada mereka (supaya) berbuat kebaikan, mendirikan sembahyang dan membayar zakat” (Mahmud, 1973).

Namun, kewajiban zakat itu bagi kaum muslimin baru diperintahkan secara tegas dan jelas pada ayat-ayat yang diturunkan di kota Madinah (Hailani, 2006; Zamzuri, 2006). Kewajipan diperkuat oleh sunah Nabi Muhammad SAW, sama ada mengenai nisab, haul, syarat-syarat, jenis, tatacara dan bentuk pelaksanaannya yang konkrit. Sebagai suatu undang-undang yang diperintahkan oleh agama, zakat mempunyai aturan dalam pelaksanaannya di antaranya syarat-syarat zakat iaitu milik sempurna, berkembang, cukup nisab, lebih dari keperluan biasa, dan cukup haul.

Pembayaran zakat hanya dibuat oleh seseorang Muslim dari harta pendapatan, perniagaan, tanaman dan ternaknya sama ada dalam bentuk wang atau bijian atau ternakan, dalam tempo tertentu (haul) atau telah cukup nisabnya supaya membayar peratusan tertentu (2.5 peratus atau 5 peratus atau 10 peratus) bergantung kepada jenis

harta, yang diserahkan kepada pihak berkuasa yang mengutip zakat untuk diagih kepada 8 asnaf kumpulan-kumpulan yang berhak menerima zakat.


Kumpulan yang berhak menerima zakat disebutkan dalam Al-Quran secara jelas (sarih), namun Al-Quran tidak memberikan ketegasan mengenai jenis kekayaan yang diwajibkan zakat dan syarat-syarat apa yang mesti dipenuhi serta berapa besar yang mesti dizakatkan, perkara tersebut hanya dihuraikan oleh hadith. Memang terdapat beberapa jenis kekayaan yang disebutkan dalam Al Qur'an seperti emas dan perak (QS. At Taubah ayat 34), tanaman dan buah-buahan (QS. Al An'am ayat 141), penghasilan daripada usaha yang baik-baik (QS. Al Baqarah ayat 267), namun demikian lebih daripada itu Al Qur'an hanya merumuskannya dengan rumusan yang am iaitu "*kekayaan*" seperti Firman Allah SWT dalam Surat At Taubah ayat 103 iaitu "*Pungutlah olehmu zakat dari kekayaan mereka....*"(Mahmud, 1973). Menurut Qardhawi (1987), yang dimaksud dengan kekayaan mesti terdapat dua syarat iaitu dipunyai/dimiliki dan dapat diambil faedah dari kewujudannya.

Hikmah Al-Quran tidak menyebutkan perkara-perkara yang dikenakan zakat seperti yang dihuraikan di atas. Hal itu supaya pentadbiran zakat dapat dilaksanakan secara selesa oleh pihak berkuasa kerana mereka lebih mudah untuk menentukan dan memungut zakat sesuai dengan kemaslahatan pada masa dan tempat tertentu. Sememangnya di sinilah letak dinamisme Syari'at Islam dalam kehidupan umat manusia (Damanhur, 2006).

Sebagai suatu ibadah yang sangat fundamental dan berhubung-kait erat dengan aspek-aspek ketuhanan mahupun sosial ekonomi, maka zakat dikenakan atas tiap-tiap jiwa

manusia yang hidup (zakat fitrah) dan atas harta-harta yang memenuhi syarat (zakat mal). Aspek-aspek ketuhanan antara lain dapat ditelusuri dari banyaknya ayat-ayat dalam Al Qur'an yang menyebut masalah zakat, termasuk di antaranya 27 ayat yang menghuraikan kewajiban zakat bersama-sama dengan kewajiban shalat dalam suatu ayat. Rasulullah pun bahkan menempatkan zakat sebagai salah satu pilar utama yang mengamalkan rukun Islam.

Dalil-dalil mengenai zakat dalam Al Qur'an antara lain terdapat dalam Surat Al Baqarah ayat 43, 83, 110, 177 dan 267, dalam Surat An Nisa' ayat 77, Surat Al Haj ayat 78, Surat An Nur ayat 56, Surat Al Ahzab ayat 33, Surat Al Mujadalah ayat 13, Surat Az Zumar ayat 57, Surat Ali Imran ayat 133 dan 134. Latar belakang undang-undang lainnya menurut Al Qur'an adalah:



“Ambilah sedekah (zakat) dari sebahagian harta benda mereka untuk membersihkan (batin dari sifat kedekut) dan mensucikan mereka daripada perasaan sombong dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa pada hari itu memberikan ketenteraman untuk mereka dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui” (QS. At Taubah: 103)

“... Dan tunaikan haknya dihari memetik hasilnya...” (QS Al An'am: 114)

“Dan di dalam harta benda mereka ada hak untuk yang meminta dan orang yang tidak memperolehi belanja hidupnya” (QS. Adz Dzariat: 19).

“Wahai orang yang beriman! Nafkahkanlah (keluarkan zakat) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik. Dan Sebahagian daripada apa yang kamu keluarkan daripada hasil bumi dan jangan kamu pilih yang buruk-buruk, padahal kamu sendiri tidak menyukainya. Ketahuilah, Allah Maha Kaya lagi sentiasa terpuji” (QS. Al Baqarah: 267).

“Wahai orang yang beriman! Sebarkanlah (zakat/sedekah) sebahagian daripada apa yang telah Kami berikan kepada kamu sebelum tiba hari kiamat yang tidak ada jual beli, tidak ada kawan dan rakan rapat (yang memberi faedah) serta tidak ada pula pertolongan syafaat. Dan orang kafir, mereka itulah orang yang zalim” (QS. Al Baqarah: 254).

Manakala Hadith antara lain:

“Islam didirikan di atas lima tapak, mengikrarkan bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad Rasulullah, mendirikan shalat, membayar zakat, berhaji bagi sesiapa yang mampu dan berpuasa pada bulan Ramadhan” (Sahih Muslim).

“Sesetiap orang Islam diwajibkan berzakat. Mereka berkata kepada Rasulullah: Wahai Nabi Allah, kalau kami tidak memiliki harta bagaimana? Jawab Baginda: Berusahalah kamu dengan sepenuh tenaga bagi menyara diri, kemudian bayarlah zakat” (Sahih Al Bukhari dan Al Nasa’i).

”Jauhilah diri kamu daripada seksaan api neraka, walaupun kamu memperoleh separuh tamar. Dan jika kamu tidak memiliki harta benda, bersedekahlah (zakat) dengan kalimah tayyibah” (Riwayat Ibn. Hatim dan Abu Hurairah).

#### 2.4.2 Kaedah Zakat

Berasaskan kepada dalil-dalil pensyariatannya sama ada melalui Firman Allah SWT dalam Al Qur'an mahupun sunnah Rasulullah SAW seperti yang telah diuraikan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa zakat yang dikenakan terdiri daripada dua hal iaitu zakat ke atas jiwa (badan) manusia dan zakat ke atas harta benda. Zakat ke atas jiwa (badan) manusia disebut zakat fitrah dan dibayarkan satu kali dalam satu tahun di akhir bulan suci Ramadhan hingga sebelum shalat Idul Fitri. Zakat atas harta pula disebut zakat mal dan dibayarkan secara fleksibel sepanjang masa satu tahun atau telah mencapai nisab. Secara am, syarat-syarat harta yang wajib dizakati adalah harta yang telah menjadi hak milik penuh (*al-mikuttam*) yang pemiliknya telah terbebas daripada segala hutang. Harta tersebut juga mesti melebihi keperluan asas (*al-hajatul ashliyah*), mencapai syarat cukup (*nishab*), mempunyai potensi untuk berkembang dan bertahan selama lebih daripada satu tahun (Sertini, 2001).

Mu'in (2000) mengatakan bahawa zakat diwajibkan ke atas orang Islam yang merdeka, berfikiran sempurna, cukup umur, memiliki harta yang mencukupi nisab, tidak terbelit dengan hutang, berlebihan daripada keperluan asasnya dan harta itu menjadi milik yang sebenar baginya daripada permulaan hingga akhir tahun. Menurut penjelasan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Nasihat Kerajaan Arab Saudi bahawa persyaratan tersebut disebabkan kerana zakat adalah ibadah bagi orang Islam yang merdeka dan berakal. Sememangnya, orang yang tidak beragama Islam tidak diwajibkan berzakat sepertimana ia tidak wajib shalat, puasa dan lain-lain

kewajipan. Manakala hamba sahaya pula tidak wajib mengeluarkan zakat kecuali zakat fitrah, manakala tuannya wajib mengeluarkan untuknya.

Demikian juga dengan pengertian milik sempurna, iaitu pemilik harta tersebut bebas menggunakan harta yang dimiliki olehnya tanpa campur tangan orang lain. Perkara ini disyaratkan kerana zakat pada asalnya bermakna memiliki dan diberikan kepada orang yang berhak menerimanya dan keadaan ini tidak dapat dilaksanakan kecuali harta yang dimiliki itu adalah harta milik yang sempurna. Oleh yang demikian tidak dikenakan zakat terhadap harta yang berada di luar kekuasaan pemilik atau harta tidak bertuan/tanpa pemilik dan tidak diketahui di mana tempatnya atau tidak mampu untuk mengesan tuannya. Manakala mengenai cukup nisab diertikan sebagai kadar harta yang telah ditentukan oleh syarat di mana sesuatu harta itu tidak dikenakan zakat sekiranya tidak sampai kadar yang telah ditentukan.

Selanjutnya, kekayaan dikenakan zakat semestinya merupakan harta yang berlebihan daripada keperluan asas kerana kekayaan apapun yang dimiliki orang diwajibkan zakatnya setelah kekayaan itu dipergunakan untuk keperluan yang betul betul perlu (primer) sehari-harinya, seperti makan, pakaian, perumahan, kenderaan dan alat kerjaya. Jika untuk keperluan yang primer tidak mencukupi maka ia tidak berkewajipan berzakat. Demikian juga bagi orang yang mempunyai kekayaan cukup nisab, akan tetapi ia mempunyai hutang sama ada hutang itu kepada sesama manusia mahupun kepada Allah SWT seperti haji, nadzar, wasiat, maka hutang itu mesti dilunasi dahulu, kemudian sisanya jika masih ada senisab mesti dikeluarkan zakatnya.



Menurut Qardhawi (1995), harta-harta yang wajib dizakatkan digolongkan kepada sembilan kategori iaitu binatang ternak, emas, perak, harta perniagaan, hasil pertanian, madu serta susu atau pengeluaran daripada haiwan yang berfaedah, barang galian/tambang (*ma'adin*) serta jenis hasil laut, pelaburan, perindustrian dan yang semisal dengannya, pencaharian serta hasil kepakaran/profesional dan saham serta obligasi (*bon*). Lebih lanjut beliau mendedahkan bahawa pada asasnya harta yang wajib dizakatkan tidak sahaja disemak pada materialnya ('ainnya) semata, tetapi yang lebih penting lagi melihat kepada nilai harta tersebut. Dengan demikian, jenis-jenis harta yang wajib dikenakan zakat akan lebih luas seiring dengan perkembangan zaman.

Perkembangan teknologi yang sangat cepat pada beberapa dekad terakhir telah membawa pertukaran yang besar pula kepada pelbagai aspek kehidupan manusia. Teknologi membuat manusia mampu menggali mineral, petrol dari dalam perut bumi dan pelbagai aktiviti lainnya yang bernilai dan membawa faedah kepada manusia. Oleh itu, kehidupan masyarakat sekarang telah jauh berbeza dengan kehidupan zaman permulaan Islam yang berkesan kepada pergeseran (transformasi) jenis usaha, kerjaya dan penghasilan yang diperolehi. Perkara ini telah menyebabkan para fuqaha' bersetujui bahawa bidang zakat perlu diperluas kepada bentuk-bentuk harta kekayaan baru yang diperolehi di zaman moden ini utamanya mengenai zakat ke atas jenis-jenis harta yang berkembang.

Mengenai ketentuan, kadar dan zakat ke atas jenis-jenis harta yang berkembang seperti zakat ke atas penghasilan perkhidmatan (gaji, upah, pendapatan profesional dan lain-lain) pada zaman moden ini masih terdapat perbezaan pandangan para fuqaha'. Perbezaan

pandangan ini menurut Mujaini (2000) dikategorikan ke dalam 3 kumpulan pandangan, iaitu:

1. Kumpulan yang berhujah bahawa zakat gaji dan pendapatan tidak ada dalil tetapi orang yang berkemampuan digalakkan menyumbang kepada individu atau institusi. Pemberian ini dianggap sumbangan sahaja, bukan zakat kerana zakat merupakan ibadat yang tidak dapat ditambah atau dikurang.
2. Kumpulan yang mewajibkan zakat gaji dan pendapatan berdasarkan kepada hujah masalah. Zakat ini mempunyai kepentingan am dan khas kepada kebajikan pembayar zakat dan penerimanya. Oleh itu, Tidak salah bagi kerajaan untuk mengenakan kutipan zakat daripada sumber gaji dan pendapatan kepada orang Islam.
3. Kumpulan yang mewajibkan zakat gaji dan pendapatan berdasarkan nas wahyu Al Qur'an, hadith dan ijtihad. Oleh itu, menjadi kecuaiannya kerajaan jika mengabaikan zakat ini.

Seterusnya secara am objek zakat mal terdiri atas:

1. Haiwan peliharaan atau ternakan seperti unta, lembu, kerbau, kambing dan domba.
2. Hasil-hasil pertanian, yang mencakup produk-produk yang dapat disimpan dan ditakar dengan takaran berat, sama ada untuk makanan ataupun bukan.
3. Rizik meliputi semua harta yang tersimpan atau terpendam dalam tanah, termasuk di dalamnya barang galian padat mahupun cair.
4. Emas, perak, wang atau simpanan-simpanan finansial lain yang dapat disetarakan dengan nilai emas dan perak.
5. Harta perniagaan dalam pelbagai bentuk dan jenisnya.

### 2.4.3 Peranan Zakat Dalam Masyarakat

Mengikuti Muhammad (1980):

*Zakah is the third of the five basic pillars of Islamic faith. The term zakah has three different connotation. One is linguistic, the second one is theological, and the third one is legal. Linguistically, zakah means cleansing or purification of something from dirt or filth. It also means praise, growth, and increase. Theologically, it means spiritual purification resulting from giving zakah. Legally, zakah means transfer of ownership of specific wealth to specific individual or individual under specific conditions.*

Berasaskan dalil-dalil pensyariatannya, dapat disimpulkan bahawa zakat merupakan pindaan yang telah diinstitusikan daripada kumpulan kaya kepada kumpulan berpendapatan rendah menerusi kerajaan yang memerintah (Hasan, 2003). Disamping itu, zakat juga memberi gambaran yang jelas bahawa pengagihan rezeki secara adil merupakan agenda utama (Mahmood, 2003). Oleh itu, zakat dapat dikatakan sebagai suatu pemangkin pengagihan kekayaan dan penyelesaian kepada kemiskinan dan kefakiran yang mesti dilaksanakan secara sepenuhnya. Pemangkin ini mencerminkan bahawa zakat mempunyai dua peranan penting iaitu daripada aspek sosial dan ekonomi.

Daripada aspek sosial, zakat dapat dijadikan sebagai tabung dana ummah yang berguna untuk menolong kumpulan-kumpulan yang memerlukan. Dengan perkataan lain, zakat merupakan suatu cara dalam melaksanakan sistem jaminan sosial Islam. Ia juga dapat melaksanakan dan memperkukuh nilai keadilan sosial dan menjadi jalan keluar bagi masalah kemiskinan. Ianya bermakna bahawa zakat akan mempererat hubungan sesama manusia dengan saling membantu dan bekerjasama. Oleh itu, zakat dapat disebut sebagai

insurans sosial yang penting bagi sesetiapa anggota masyarakat Islam untuk menjaga kepentingan orang-orang miskin dan yang memerlukan serta untuk menjamin kelangsungan hidupnya. Dana tabungan insurans sosial ini datangnya daripada harta-harta orang kaya atau orang yang telah mampu untuk membayar zakat.

Menurut (Kahf, 1997):

*Zakah is also a part of a social system of Islam as the social goals of zakah indicate that Allah has given the poor right in the wealth of the rich. Thus, zakah acts as a mechanism for the distribution of wealth, which helps closing the gap between the poor and the rich.*

Daripada aspek ekonomi, menurut Shihab (1997) sekurang-kurangnya wujud dua aspek positif zakat iaitu: (1) meningkatkan mampu beli masyarakat kerana harta yang diagihkan tersebut akan digunakan oleh penerimanya untuk dibelanjakan. (2) zakat merupakan semacam cukai yang dikenakan terhadap harta atau wang tunai yang *idle*. Dengan demikian zakat akan menggalakkan pelaburan modal yang akhirnya dapat mendapatkan kitaran industri dan perniagaan yang terus berpusing secara masif. Disamping itu, zakat juga dapat merapatkan perbezaan jurang pendapatan antara orang kaya dan miskin. Kekuatan suatu masyarakat dalam bidang ekonomi bergantung kepada kebijaksanaan agihan hartanya (Afzalurrahman, 1991). Apabila hal ini berlaku, maka akan tercipta perekonomian yang adil dan saksama di kalangan orang ramai, di mana orang-orang kaya tidak akan menjadi lebih kaya manakala orang yang miskin tidak menjadi lebih miskin.

Menurut (Murinde et al., 1995);

*The increase in purchasing power of the poor, in theory, should contribute positively to economic growth an increase in consumption expenditure and aggregate demand.*

Menurut Iskandar (2006), sememangnya terdapat banyak hikmah yang terkandung dengan diwajibkannya zakat, di antaranya: (1) Sebagai perwujudan iman kepada Allah SWT, mensyukuri nikmat-Nya, menumbuhkan akhlak mulia dengan memiliki rasa kepedulian yang tinggi, menghilangkan sifat kedekut dan rakus/loba/tamak, menumbuhkan ketenangan hidup, sekaligus mengembangkan dan mensucikan harta yang dimiliki; (2) Kerana zakat merupakan hak bagi mustahik, maka ianya berfungsi untuk menolong dan membantu mereka utamanya kumpulan fakir miskin ke arah kehidupan yang lebih baik dan lebih sejahtera; (3) Sebagai salah satu sumber dana bagi pembangunan sarana mahupun prasarana yang mesti dimiliki umat Islam, seperti sarana pendidikan, kesihatan, mahupun sosial ekonomi dan terlebih lagi bagi peningkatan kualiti sumber manusia; (4) Untuk memasyarakatkan perniagaan yang betul, kerana zakat tidak akan diterima daripada harta yang didapatkan dengan cara yang bathil; dan (5) Daripada sisi pembangunan kebajikan umat, zakat merupakan salah satu pemangkin pemerataan pendapatan. Zakat yang dikelola dengan baik, dimungkinkan dapat membangunan pertumbuhan ekonomi sekaligus pemerataan pendapatan.

Dalam konteks pembangunan negara pula wujud dua isu terpenting mengenai peranan zakat iaitu zakat sebagai asas sistem fiskal atau percukaian Islam dan zakat sebagai alat untuk membantu kumpulan fakir dan miskin. Zakat sebagai sistem fiskal Islam yang merupakan salah satu tugas kerajaan pada asasnya mempunyai matlamat untuk menghasilkan kebajikan ekonomi bagi rakyat dalam sesuatu negara. Keberhasilannya

dapat diukur dengan melihat kesan sistem fiskal tersebut terhadap perekonomian. Keberkesanan ini disebabkan kerana zakat merupakan penjana perekonomian negara melalui dorongannya dalam pelaburan di sektor-sektor ekonomi (Alhabshi, 2003).

Zakat yang dikenakan ke atas wang simpanan misalnya akan mendorong masyarakat untuk melakukan pelaburan demi memperoleh pulangan untuk menghindari penyusutan kekayaan impak dikenakan zakat. Dengan pelaburan diharapkan kekayaan yang dimiliki tidak akan berkurang kerana zakat dapat dibayarkan daripada jangkaan pulangan yang akan diperolehi. Peningkatan pelaburan menyebabkan berkembangnya aktiviti-aktiviti ekonomi yang pada akhirnya memberi kesempatan kepada masyarakat untuk meningkatkan pendapatannya sehingga bilangan masyarakat miskin semakin berkurang dan sebaliknya mereka akan menjadi pembayar zakat (muzakki).

Disisi lain, zakat yang dikenakan ke atas perniagaan pula seperti zakat ke atas syarikat/firma dan perbankan sama ada taksirannya dilakukan dengan model modal berkembang ('urufiyyah) mahupun model modal kerjaya (syar'iyyah) juga telah terbukti memberi kesan kepada corak pembiayaan syarikat sehingga syarikat yang membayar zakat perniagaan akan cenderung menggunakan pembiayaan ekuiti berbanding pembiayaan hutang. Oleh itu, tanggungjawab syarikat untuk membayar zakat menjadi pendorong kepada syarikat itu sendiri untuk menggunakan pembiayaan ekuiti (Nur Azura, 2004). Pembiayaan ekuiti ini utamanya melalui pemangkin pembiayaan ekuiti Islam seperti mudharabah dan musyarakah dapat memberi kemaslahatan dan kebajikan yang lebih besar kepada masyarakat melalui pembabitannya dalam perekonomian

berbanding dengan pemilihan pembiayaan hutang oleh syarikat di mana yang terbabit hanyalah orang-orang yang mempunyai modal dan kekayaan sahaja.

Kajian Jarir (1997) mengkaji upaya lembaga pentadbiran zakat dan keadaan riil mengenai potensi zakat untuk meningkatkan kualiti perekonomian umat. Selanjutnya dalam kajian selari, Sayed (1999) mengatakan zakat akan mencapai taraf terbaik dan bersesuaian dengan pola hidup mereka sehingga mereka dapat memperkasakan kerjaya dan mengeluarkan zakat dan cukai secara berterusan. Ianya juga akan membantu pembiayaan pembangunan ekonomi. Zakat pula membantu mengawal inflasi seperti menciptakan harga yang berpatutan.

Perbincangan mengenai zakat ke atas harta iktilaf pada masa kini sedang hangat diperkatakan di beberapa negara Islam dalam upayanya untuk memperluas sumber zakat. Di Malaysia umpamanya, perbincangan mengenai zakat daripada sumber harta ini telah dilakukan terhadap zakat pendapatan profesional (Mahmood, 1992), zakat pendapatan gaji (Mujaini, 2003), zakat galian dari sumber harta diiktilaf (Zamzuri, 2006), zakat perniagaan yang diiktilaf (Ismail, et.al., 2006) dan zakat perniagaan sama ada barangan mahupun perkhidmatan, harta *mustaghallat*, modal berkembang dan pendapatan bebas. Kesemuanya ini telah dibincangkan oleh Hailani (2005) dengan tajuk fiqh zakat dalam konteks harta semasa. Manakala di Aceh pula, zakat ke atas gaji, pendapatan profesional dan sewa yang dikategorikan ke dalam zakat perkhidmatan telahpun diperbincangkan sejak tahun 1983 dan diwartakan kewajibannya pada tahun 1984 oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) Aceh (Nazaruddin,1999). Perbincangan lainnya adalah mengenai zakat profesi oleh Yunita (2002).

Selanjutnya, Mujaini Tarimin (1995) telah membuat kesimpulan bahawa terdapat tiga pandangan am mengenai kewajipan zakat pendapatan gaji. Pandangan tersebut ialah pertama: Kumpulan yang berpendapat bahawa tidak ada dalil wajib zakat bagi pendapatan gaji. Oleh itu zakat pendapatan adalah tidak wajib, namun demikian masyarakat Islam adalah digalakkan membayarnya. Kedua: Kumpulan yang mengatakan bahawa walaupun tidak terdapat dalil wajib zakat bagi pendapatan gaji namun ia menjadi wajib disebabkan alasan masalahah (kebajikan) ummah. Pembayarannya akan menambahkan kutipan zakat dan seterusnya berfaedah kepada umat Islam. Ketiga: Kumpulan yang mengatakan bahawa pendapatan gaji adalah wajib zakat atas alasan dalil al-Quran dan as-Sunnah. Walaupun perkataan yang digunakan di dalam al-Quran dan as-Sunnah tidak menyatakan secara tepat perkataan gaji namun tafsirannya dapat diperluas kepada maksud pendapatan gaji.

Membayar zakat pendapatan atau tidak membayar zakat pendapatan adalah sangat berkait dengan soal ketaatan. Zakat secara am merupakan satu ibadat sepertimana kewajipan ibadat yang lain seperti sembahyang, puasa dan menunaikan haji. Walaupun ia adalah wajib namun masih terdapat individu yang tidak taat melakukannya. Apa lagi dengan ketiadaan fatwa yang mewajibkannya. Di dalam melakukan amalan agama faktor ketaatan amat berkait dengan keimanan. Oleh itu ketidaktaatan untuk membayar zakat melambangkan ketidaktaatan melakukan perintah agama dan memberi gambaran bahawa tingkat keimanan yang kurang. Aidit (1998) menyatakan bahawa untuk mengatasi masalah ketidaktaatan khasnya tidak mahu membayar zakat bukanlah satu perkara mudah kerana ia berkait

dengan tahap keimanan dan sikap. Secara amalan ia sukar diukur tetapi membawa kesan kepada keimanan.

Zakat ke atas harta yang masih wujud perselisihan pandangan fuqaha' seperti zakat ke atas gaji dan pendapatan pernah dibincangkan oleh Mujaini (1999) iaitu zakat gaji dalam sistem pengurusan kewangan Islam dikenal sebagai '*ata*' (*utiyat*), iaitu apa-apa upah yang diterima oleh seseorang daripada majikan sebagai balasan perkhidmatan (*kerjaya*) yang dibenarkan oleh syarak. Manakala zakat pendapatan dikenal dengan istilah *al-mal al-mustafad* yang bermaksud apa-apa ganjaran yang diterima oleh seseorang daripada mana-mana pihak sebagai hasil kepakaran (*kerjaya*) yang dibenarkan oleh syarak. Di Malaysia, usaha ke arah mewajibkan zakat-zakat tersebut sedang giat dilaksanakan oleh institusi-institusi zakat dan sebahagian negeri telah memfatwakan kewajipan zakat hasil penggajian seperti Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Pulau Pinang, Terengganu, Perlis, Wilayah Persekutuan dan Kelantan.

Konsep potensi zakat di Provinsi Aceh telah ramai dijalankan oleh penyelidik. Manakala, Marzi Africo (2004) telah pun mengkaji mengenai zakat dan cukai daerah sebagai PAD Provinsi Aceh. Dalam kajian tersebut dihuraikan bahawa zakat sangat berpotensi menjadi punca PAD. Ianya disebabkan sesetengah masyarakat Banda Aceh merupakan bahagian daripada Baitul Mal. Diharapkan pertukaran fungsi tersebut dapat membaiki kinerja lembaga tersebut. Namun, belum wujud suatu undang-undang mengenai zakat sebagai sumber PAD; serta buruknya kinerja lembaga pengelola zakat sehingga masyarakat tidak mempercayai intitusi pengelolaan zakat. Selain itu, berlaku pemahaman sempit

masyarakat mengenai zakat membuat potensinya sebagai sumber PAD belum dapat terlaksana.

Kemudian, kajian Hikam (2000) dengan menumpukan pada pertimbangan hukum yang menggalakkan pihak kerajaan sebagai pengelola zakat dan sekaligus untuk mewujudkan hukum positif mengenai pengelolaan zakat. Selain itu, hasil kajian Yusuf, Ja'far dan Zuhri (1997) menghuraikan secara khas mengenai pentadbiran zakat di Kabupaten Pidie serta potensi-potensi cukai yang dapat digali dan dikembangkan secara berterusan dalam meningkatkan PAD.

Disamping itu, terdapat beberapa faktor lain yang dapat meningkatkan hasil kutipan zakat iaitu meningkatkan kesedaran individu, serta meningkatkan jumlah pendapatan yang bermatlamat besar dalam meningkatkan hasil kutipan zakat tersebut. Hasil kajian Nor Ghani et al (2001) membuktikan bahawa penswastaaan pengelolaan zakat walaupun telah berjaya menambah hasil kutipan tetapi sebetulnya tidak menghasilkan penambahan kutipan secara signifikan.

Mengikut Monzer Kahf (1999) performa zakat secara teoritikal dan amalan akan lebih bermakna jika tidak hanya sekadar dijadikan sebagai ibadah. Manakala, kajian mengenai hubungan agama dengan pendapatan telah banyak dikaji. Diantaranya adalah kajian Jody W. Lipford (2002). Dalam kajian tersebut beliau membahas mengenai gelagat pengikut agama hingga kepada kesan pilihan peruntukan dana dari penghasilan bersih pendapatan jemaah gereja. Hasil kajiannya menyatakan bahawa ekonomi berasaskan agama telah memberikan sumbangan kepada pakar ekonomi dalam memahami tingkah laku manusia.

Agama dapat memberi kesan terhadap tingkat pendapatan penganut agama dalam mengubah pilihan penggunaan.

Khairani (2014) dalam kajian optimalisasi pendistribusian dan pendayagunaan zakat oleh Baitul Mal di Aceh, tetap berorientasi pada pengentasan kemiskinan dan pemberdayaan kaum dhuafa. Hal ini dijalankan kerana jumlah dana yang diagihkan dan didayagunakan belum cukup banyak dibandingkan potensi zakat Aceh yang mencapai Rp1,9 triliun. Hampir seluruhnya diagihkan untuk keperluan fakir miskin dan kaum dhuafa. Dana yang diagihkan majoriti dalam bentuk bantuan konsumtif bagi fakir miskin dan sedikit sekali diagihkan bagi program-program bantuan jayadiri. Tambahan pula, kajian ini cuba memperincikan lagi kepada pelbagai dimensi bagi menghuraikan potensi zakat dan impaknya ke atas faktor pengeluaran.

Kajian-kajian empirikal mulai dilakukan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, antaranya oleh Kamil, et.al. (1997), Kamil (2002; 2003), Mohd. Ali, et.al. (2003), Sanep dan Hairunnizam (2004; 2005), Hairunnizam, et.al. (2005), Nur Azura, et.al. (2005) dan Sanep, et.al. (2005). Disamping itu, terdapat juga kajian yang membandingkan antara cukai dan zakat. Kajian ini antara lain telah dilakukan oleh Sidiqi (1982), Yoesoef (1985), Chapra (1992), Zulkarnain (1994), Hamid (1998), Weiss (2001), Marzi (2004) dan Damanhur (2006).

Kajian-kajian ini mendapati sekiranya institusi zakat tidak memberi perhatian sepenuhnya, ia akan mewujudkan beberapa isu yang lain seperti membayar zakat kepada asnaf secara tidak rasmi atau secara langsung dan terus kepada asnaf zakat

(Aidit, 1998; Muhammad Syukri, 2006; Sanep et. al 2006 dan Hairunnizam et.al 2009). Walaupun bagi sesetengah pendapat *fuqaha'* tindakan ini adalah diwajibkan, namun ia akan menimbulkan isu yang lain seperti pengagihan zakat hanya tertumpu pada asnaf fakir dan miskin sahaja dan mengabaikan enam asnaf lainnya disebabkan masalah kekurangan maklumat. Ini kerana pembayar zakat tiada maklumat berkenaan asnaf selain asnaf fakir dan miskin. Tambahan lagi pembayaran zakat secara tidak rasmi akan menyebabkan sistem perekodan jumlah kutipan dan agihan zakat di setiap negeri tidak akan dinyatakan dalam laporan zakat yang akan menunjukkan jumlah kutipan zakat yang banyak jika diambil kira jumlah pembayaran zakat secara tidak rasmi.

Walaupun perbincangan mengenai undang-undang zakat tersebut telah lama dilakukan namun kajian yang bersifat empirikal dan menfokuskan kepada potensi zakat dan impak dalam proses pengeluaran masih sangat sukar ditemui. Berdasarkan kajian yang sudah dijalankan oleh penyelidik terdahulu maka kajian ini akan memfokuskan kepada potensi zakat dan impaknya ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi kepada output.

### **3.3 Kajian Mengenai Zakat Di Indonesia**

Indonesia merupakan negara dengan penduduk Muslim terbesar di dunia. Pada tahun 2013 jumlah penduduk Muslim Indonesia mencapai 87.21 peratus (Kemenag, 2013). Dapat dipastikan dengan jumlah penduduk Muslim terbesar, Indonesia juga memiliki potensi zakat yang besar. Berdasarkan penelitian Baznas, Institut Pertanian Bogor (IPB), dan *Islamic Development Bank* (IDB),



potensi zakat nasional sebesar Rp217 triliun. Angka tersebut harusnya dapat menjadi asas dalam pengoptimalan potensi zakat di Indonesia. Namun demikian laporan BAZNAS mengungkapkan bahwa daripada potensi zakat tersebut yang bisa terserap dan dikelola oleh lembaga BAZNAS baru mencapai Rp450 Milyar untuk tahun 2007, meningkat menjadi Rp2,73 triliun pada tahun 2013 atau hanya sekitar 1 peratus sahaja.

Potensi yang terserap berkisar 1 peratus menampakkan belum optimalnya usaha pengumpulan sumber potensi zakat dalam pelbagai sumber. Dalam studi yang dilakukan Mukhlis dan Beik (2013) disebutkan bahwa dana zakat yang diterima oleh BAZ Kabupaten Bogor selalu mengalami kenaikan dengan nilai yang cukup besar pada periode 2006-2010. Dana zakat maal yang diperolehi oleh BAZ kabupaten Bogor pada tahun 2010 mencapai Rp1,5 Milyar, yang mengalami peningkatan sebesar 119 peratus jika dibandingkan tahun 2006. Pada salah satu kawasan iaitu Kabupaten Bogor sudah ada dapatan daripada pelbagai potensi zakat yang dikumpulkan. Sementara itu data yang dihimpun oleh BAZNAS, pada tahun 2014 realisasi penerimaan zakat di Indonesia adalah masih sebesar Rp3,2 triliun (Sitorus, 2015).

Potensi zakat di Indonesia sangat tinggi, mengingat majoriti penduduknya adalah Muslim. Namun ada beberapa hal yang perlu dicermati (Suprayitno, 2005). *Pertama*, zakat hanya diambil dari hal tertentu, misalnya uang, pertanian, peternakan, dan perdagangan. Kalaupun bisa dikembangkan pada hal-hal lain, misalnya deposito, rumah, ataupun penghasilan, jenisnya tidaklah sebanyak pajak karena pajak diatur melalui legalisasi pemerintah pada setiap aliran

perekonomian, baik produksi, konsumsi, maupun distribusi. Kemungkinan peningkatan penerimaan zakat penghasilan atau zakat profesi, di mana terdapat 2 komponen yang harus diperhatikan yakni *berapa dari penghasilan tersebut yang harus dizakatkan*, dianalogikan kepada pertanian. Jadi zakat profesi dibayarkan ketika seseorang menerima gaji. Komponen kedua iaitu *gaji yang harus dizakatkan* (gaji kotor), yaitu *take home pay* sebelum digunakan untuk pelbagai keperluan konsumsi. *Kedua*, zakat tidak dapat digunakan untuk sembarangan kepentingan umum. Zakat hanya dibatasi untuk kepentingan umat Islam. Zakat yang diberikan kepada umat Islam pun juga dibatasi kepada delapan asnaf, iaitu fakir, miskin, budak, *amil zakat*, orang yang berhutang (*gharimin*), orang yang sedang dalam perjalanan dan kehabisan bekal, orang yang baru masuk Islam dan hatinya masih lemah, dan orang yang memperjuangkan agama Islam.

Sejauh ini kajian tentang zakat membahas mengenai potensi zakat, dampak zakat terhadap kesejahteraan masyarakat dan masalah sosial lainnya, ataupun kajian tentang realisasi penerimaan dana zakat secara terpisah. Kahf (1987) menganggarkan potensi zakat pada delapan negara Islam iaitu Mesir, Indonesia, Pakistan, Qatar, Saudi Arabia, Sudan, Syria, dan Turki. Studi tersebut melakukan estimasi zakat dengan tiga cara: 1) berdasarkan fiqh tradisional, 2) berdasarkan perhitungan dari Qardhawi yakni zakat pendapatan dihitung 2.5 peratus sedangkan keuntungan bersih pada aset tetap dihitung 10 peratus, dan 3) modifikasi dari versi Qardhawi yakni seluruh zakat baik dari aset tetap dan pendapatan dihitung sama sebesar 2.5 peratus. Hasil kajian tersebut menunjukkan

bahawa potensi zakat di Indonesia berkisar antara 1 sampai 2 peratus dari KDNK/PDB.

Kajian yang telah dijalankan Amalia (2002) tentang potensi dan peranan zakat dalam mengentaskan kemiskinan di kota Medan menggunakan andaian dimana kadar zakat minimum 2.5 peratus daripada setiap sektor ekonomi daerah daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau Pendapatan Domestik Regional Bruto (PDRB) iaitu seperti berikut:

1. Kadar zakat pertanian adalah 2.5 peratus dari nilai KDNK/PDRB sektor pertanian.
2. Kadar zakat pertambangan adalah 2.5 peratus dari nilai KDNK/PDRB sektor pertambangan.
3. Kadar zakat sektor lainnya adalah masing-masing 2.5 peratus.

Berdasarkan andaian di atas maka didapati hasil perkiraan potensi zakat tertinggi yang pernah dicapai Kota Medan pada tahun 2005 mencapai sebesar Rp281,79 miliar dan pada tahun-tahun lain relatif turun kerana adanya perubahan nilai daripada KDNK/PDRB.

Handi (2008) dalam kajiannya mendapati bahawa potensi zakat di Indonesia dengan melakukan pengiraan matematis sederhana, dengan menghitung daripada jumlah penduduk Indonesia. Yang berjumlah 210 juta jiwa (BPS: 2000) dan kurang lebih 85 peratus beragama Islam sehingga pastinya terkena kewajipan zakat. Diandaikan seperempat dari penduduk Muslim dikategorikan sudah

memiliki nisab dalam membayar zakat pendapatan atau sekitar 44.6 juta jiwa. Mereka diandaikan memiliki pendapatan Rp1,500,000 sebulan (batas nisab setelah dikurangi dengan yang menggugurkan kewajiban zakat). Dengan demikian, potensi zakat yang terkandung senilai:  $Rp1,500,000 \times Rp44,600,000 \times 2.5\% = Rp1,6$  Triliun. Ini adalah hasil sebulan, yang dalam satu tahun menjadi :  $Rp 1,6 \text{ triliun} \times 12 = Rp20,1 \text{ triliun}$ .

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Siti Zahrah (2010) tentang analisis faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat di Kota Palembang bagi mengetahui besarnya potensi zakat dengan menggunakan pendekatan penganggaran pendapatan. Hal ini dilakukan dengan melihat proporsi penduduk yang bekerja secara nasional mengikut taraf pendapatan. Berdasarkan data BPS, 60 peratus penduduk yang bekerja adalah berpendapatan rendah. Untuk mereka yang berpendapatan menengah proporsinya adalah sebesar 30 peratus. Sedangkan penduduk yang bekerja dengan pendapatan tinggi hanya sebanyak 10 peratus. Dalam kajian ini, model penganggaran yang digubal adalah:

$$\text{Potensi Zakat (Pz)} = \sum Ri \times Pd \times 2,5\%$$

Dimana,

Pz = Potensi Zakat

Ri = Proporsi penduduk berdasarkan tingkat pendapatan ke-I (penduduk golongan menengah dan tinggi) (%)

Pd = Bilangan penduduk Muslim yang bekerja (jiwa)

Dengan mengetahui proporsi penduduk dan rerata pendapatan atas setiap golongan, dapat diperkirakan berapa besar potensi zakatnya. Dalam hal ini adalah zakat pendapatan sebesar 2.5 peratus daripada pendapatannya. Diandaikan potensi ini adalah dana zakat yang terkumpul di organisasi zakat formal. Kajian mendapati bahawa perkembangan zakat di Kota Palembang cukup baik. Hal ini dapat dilihat daripada penerimaan zakat selama lima tahun terakhir iaitu daripada tahun 2006 sehingga tahun 2010 yang meningkat walaupun selama tahun 2010 penerimaannya berfluktuatif, tergantung bagaimana kondisi perekonomian masyarakat. Namun, jika dilihat daripada agihannya semua dana zakat yang terhimpun belum teragihkannya semua.

Mengenai pelaksanaan otonomi daerah, Provinsi Aceh telah diberikan kuasa khusus berbanding dengan provinsi lainnya dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia yang disebabkan oleh berbagai pertimbangan politik, ekonomi dan sejarah. Khusus untuk daerah ini dikuatkuasakan Undang-Undang Nombor 44 tahun 1999 tentang Pelaksanaan Syariat Islam, Undang-Undang Nombor 18 tahun 2001 tentang otonomi khusus dan Undang-Undang Nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Kesemua undang-undang ini telah memberikan kewenangan yang lebih luas kepada Pemerintah Aceh untuk mewujudkan kesejahteraan masyarakatnya termasuk mengupayakan sumber pendapatan daerah yang dapat dimanfaatkan bagi keperluan perbelanjaan pemerintahan. Antara sumber baru bagi pendapatan daerah yang diperkenankan oleh undang-undang tersebut adalah hasil pungutan zakat.

Zakat merupakan pembayaran yang diwajibkan oleh Agama Islam terhadap semua penganutnya yang mempunyai harta dalam pelbagai bentuk sekiranya cukup syarat *haul* atau tempoh dan *nisab* atau satu jumlah minimum yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas selama tempoh yang dikenakan, biasanya satu tahun Hijrah (Alhabshi, 2003). Kewajipan ini lahir kerana zakat merupakan satu antara rukun Islam yang diwajibkan kepada individu muslim oleh Allah SWT dengan maksud untuk pembersihan dan penyucian harta bagi orang yang membayarnya (QS : At Taubah, ayat 103) dan juga untuk menolong kaum dhu'afa atau orang yang memerlukan (QS : At Taubah, ayat 60).

Oleh itu, kedudukan zakat adalah sangat penting, ianya sama sepertimana kedudukan shalat bagi setiap orang Mukmin. Ajaran Islam memberikan peringatan dan ancaman keras terhadap orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat. Kejelasan tentang perintah ketaatan membayar zakat membolehkan kerajaan Islam melalui institusi zakat untuk mengambil zakat secara paksa bagi individu muslim yang telah mencapai haul/nisab dan masih enggan untuk menunaikannya. Perintah pemaksaan kepada wajib zakat untuk membayarnya adalah jelas kepada jenis harta yang telah disepakati ('iktifaq) seperti zakat kepada hasil tanaman iaitu gandum, barli dan kurma, zakat ternakan iaitu unta, lembu dan kambing serta zakat galian emas dan perak. Menurut Hairunnizam, et. al. (2005), perintah zakat kepada harta yang belum disepakati walaubagaimanapun terdapat sedikit perbezaan.

Berdasarkan fatwa MUI Aceh, harta daripada kategori ini termasuk hasil daripada perkhidmatan iaitu gaji, upah, sewa dan penghasilan profesi (Sekretariat MUI

Aceh, 1978), hasil tanaman ruji ataupun hasil galian seperti berlian, mutiara dan petrol. Jenis harta ini dikenali sebagai harta ikhtilaf kerana terdapat sebahagian ulama' yang mewajipkannya manakala sebahagian yang lain tidak sehingga ketaatan untuk membayar zakat daripada harta jenis ini masih berbeza mengikut keadaan semasa, kefahaman individu dan persekitarannya iaitu berupa undang-undang dan fatwa (Hairunnizam, et. al., 2005).

Dalam hal kewajipan pembayaran zakat perkhidmatan, Majlis Ulama Indonesia (MUI) Aceh telahpun mengeluarkan fatwa sejak tahun 1983. Namun perolehan zakat daripada kategori ini masih sangat sedikit, antara lain telah dikenalpasti kerana kurangnya kesedaran individu pembayar zakat dan pada masa itu juga belum adanya undang-undang yang memberikan kuasa kepada pemerintah Aceh untuk menangani zakat tersebut secara lebih proaktif. Setelah dikuatkuasakan Undang-Undang Nombor 44 tahun 1999 tentang Perlaksanaan Syariat Islam, Undang-Undang Nombor 18 tahun 2001 tentang otonomi khusus, Undang-Undang Nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh dan Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nombor 7 tahun 2004 tentang Pengelolaan Zakat, maka Pemerintah Aceh telah mendapatkan kuasa yang lebih besar untuk menjalankan syariat Islam termasuk menjadikan zakat perkhidmatan disamping zakat lainnya sebagai sumber pendapatan daerah.

Khusus untuk daerah Aceh, kajian empirikal ini sangat penting dilakukan kerana semenjak tahun 1999 Provinsi Aceh telah diberikan kuasa untuk menjalankan ajaran Islam secara kaffah oleh pemerintah Indonesia, dan zakat telahpun dimasukkan ke dalam salah satu penerimaan pendapatan daerah. Namun realiti

yang ada sekarang perolehan zakat daripada sumber zakat perkhidmatan di Aceh masih sangat sedikit berbanding dengan potensi yang ada, sehingga mengharuskan pemerintah untuk menjalankan polisi dan program-program yang sesuai dengan perundang-undangan bagi mendukung peningkatan perolehan pendapatan daerah yang bersumber daripada zakat ini.

### **3.4 Rumusan**

Bab ini secara umumnya telah membawa satu gambaran tentang zakat dalam definisinya. Zakat yang dijelaskan secara terperinci dengan mengambil kira konsep daripada perspektif ulama' dan kajian-kajian yang telah dilakukan. Selain itu aplikasi konsep potensi zakat juga telah dihuraikan. Sehubungan itu, pelbagai hasil kajian lepas terutama yang berkait dengan potensi dan makna zakat dijadikan sebagai asas bagi menjalankan kajian sebagai sela (*gaps*) daripada kajian-kajian terdahulu yang tidak memfokuskan kepada penganggaran potensi zakat dan impaknya ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan buruh, modal dan teknologi kepada *output*.



## **BAB 4**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini menumpukan kepada perbincangan mengenai kaedah penyelidikan yang akan digunapakai dalam kajian ini. Seterusnya kaedah penyelidikan mengandungi teori mengenai kajian ini yang merangkumi segala andaian dan sistem nilai yang menjadi asas bagi kajian termasuk kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk menghimpun dan menafsir data serta mencapai kesimpulan (Bailey, 1978: 26).

Kaedah penyelidikan merungkaikan cara penyelidik memahami persekitaran, khasnya permasalahan kajian yang diteliti supaya ia dapat mendedahkan fakta atau realiti sebenar daripada permasalahan yang dikaji, sehingga akan diperolehi hasil yang lebih kompleks serta sahih sesuai dengan kaedah penyelidikan yang digunakan. Selanjutnya penyelidik melakukan dua hal utama. Pertama, membuat kajian literatur mengenai konsep dan teori yang sesuai dalam penghuraian potensi pungutan zakat sebagai unsur baharu Pendapatan Asli Daerah (PAD) di Provinsi Aceh. Kedua, mengkaji impak zakat ke atas faktor pengeluaran terhadap output serta bermatlamat membina kerangka teori dan kaedah penyelidikan untuk kajian ini.

Untuk menjalankan sesuatu kaedah penyelidikan yang sahih dan canggih serta multi-dimensi diperlukan sebuah reka bentuk penyelidikan tertentu. Perihal utama mengenai kaedah penyelidikan dalam kajian ini ialah untuk memperolehi dapatan kajian yang bersesuaian dengan soalan dan objektif kajian. Namun, ia perlu diteliti

dan dianalisis secara sistematik mengikut tuntutan kajian empirikal. Maka kaedah penyelidikan kajian ini dianggap sebagai alat penyelidikan empirikal yang berteraskan persoalan dan objektif kajian. Bab ini juga menghuraikan isi utama kaedah penyelidikan yang merangkumi reka bentuk penyelidikan, unit analisis, penanda dan perkara-perkara ukuran, lokasi dan skop, andaian dan batasan kajian, tata cara pengumpulan data dan alat pengukuran kajian, dan kaedah analisa data.

#### **4.2 Kerangka Kajian**


Kajian ini tidak meletakkan satu kerangka teori namun penyelidik juga menggunakan satu kerangka konsep umum yang diketengahkan oleh al-Ghazali (t.t) dalam kitabnya *al-Mustafa fi Ilmi al-Usul* berhubung konsep objektif pensyariaan sesuatu ketetapan agama (*masaqid al-syariah*) dan konsep masalah iaitu setiap ketetapan agama mestilah membawa manfaat dan menghindarkan keburukan kepada manusia. Konsep ini kemudiannya dikembangkan oleh *al-Syatibi* (t.t) melalui kitabnya *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah* yang membincangkan antaranya objektif atau hikmah yang terdapat pada setiap ketetapan agama mengikut kerangka konsep yang dikemukakan oleh al-Ghazali.

Oleh kerana kerangka konsep adalah merujuk kepada satu teori yang belum diuji maka kerangka konsep kajian ini adalah bersifat tentatif dan belum diuji. Sehubungan dengan itu kerangka konsep akan dibangunkan berdasarkan hasil kajian yang dijalankan serta disokong dengan proses penghujahan yang logik selari dengan pandangan (Norwood, 2000).

Selanjutnya kerangka konsep kajian ini telah dijadikan panduan kepada penyelidik dalam proses mengumpul data dan mengintepretasikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Oleh itu, terdapat dua konsep utama dalam kajian iaitu pertama, menganggarkan potensi pungutan zakat sebagai salah satu unsur baharu PAD yang berasaskan pada Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintah Aceh. Dalam undang-undang dimaksud pada Pasal 180 Ayat 1 menjelaskan tentang zakat sebagai unsur baharu dalam komponen PAD dan kedua, adalah impak zakat keatas faktor pengeluaran terhadap output. Kedua konsep itu dihasilkan daripada ulasan karya yang dilakukan. Berdasarkan kajian terdahulu terdapat analisa potensi kutipan zakat.

Secara ringkas pembinaan kerangka kajian adalah perlu sebagai pedoman supaya kajian tidak terlepas pandang daripada hala tujunya. Keseluruhan objektif kajian dihuraikan di dalam satu rangkaian rajah untuk memperlihatkan rantaian dan hubung-kait di antara sesetiap objektif kajian. Berikut adalah kerangka kajian untuk keseluruhan tesis ini.

Rajah 4.1  
Kerangka Kajian



Berdasarkan kerangka kajian dalam Rajah 4.1 sebagai asas daripada kajian yang dijalankan menjelaskan bahawa potensi zakat adalah khas sebagai unsur baharu dalam Pendapatan Asli Daerah (PAD). Ianya tidak berlaku di provinsi lain dalam Negara Republik Indonesia maka zakat dijangka memiliki potensi dengan disokong Undang-undang No. 11 Tahun 2006, Pasal 180 Ayat 1. Demi menjadikan agihan daripada potensi zakat yang dipungut kepada sektor produktif maka kajian ini akan menerangkan impak ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan buruh, modal

dan teknologi. Seterusnya impak kepada output sebagai penunjuk kejayaan mencapai matlamat kebajikan daripada potensi zakat yang dikumpulkan.

### **4.3 Kaedah Kajian**

Penyelidikan ini menggunakan dua jenis kaedah kajian iaitu kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Memandangkan kajian ini akan meneliti perkara yang telah dan sedang berlaku maka pendekatan kualitatif digunakan kerana bagi menyelidik suasana dan proses yang sukar diukur maka pendekatan kualitatif lebih sesuai digunakan selari dengan pandangan Sabitha (2006); Straus & Corbin, (1998).

Kajian ini wujud beberapa konsep asas yang akan dikembangkan berdasarkan beberapa objektif yang telah digariskan hasil daripada persoalan-persoalan yang timbul dalam kajian ini. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia mampu membentuk suasana kondusif dan membantu kajian dijalankan secara lebih natural. Kenyataan ini digambarkan oleh Merriam (1998) "*Qualitative design allows the researcher to focus on insight, discovery and interpretation rather than hypothesis testing*".

Selain itu pendekatan kualitatif juga tidak tertumpu kepada pengujian hipotesis atau teori namun secara asasnya pendekatan kualitatif adalah secara induktif yang akan melahirkan satu dimensi baharu berdasarkan penyelidikan sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Majid Konting (1990).

Usaha penyelidik bagi mendapatkan kefahaman yang mendalam pada kajian ini akan melibatkan pelbagai pendekatan seperti triangulasi yang melibatkan penyelidik sendiri akan meneroka serta menganalisis dokumen-dokumen bertulis

yang berkaitan. Denzin, (1978). Dalam hal ini Sekaran (2007) menyarankan agar kaedah kualitatif digunakan untuk meneroka dan membuat rumusan khususnya dalam membina serta mengembangkan ilmu tertentu.

Selain daripada pendekatan kualitatif maka kaedah kajian yang digunakan juga adalah kaedah penyelidikan kuantitatif. Untuk metode kuantitatif, Reaves (1992) menyatakan sebagai penyelidikan yang meliputi pengukuran hal kuantitatif, seringnya kuantitas numerik. Dengan kata lain kuantitatif merupakan ungkapan sebuah ciri atau kualitas (Slater, 1992). Seterusnya baik memperolehi hasil dan kesimpulan keseluruhan daripada data yang telah diperolehi maka dianalisis dengan menggunakan program *Linear Structural Relationship (LISREL) versi 8.70*.

#### **4.4 Proses Pengumpulan dan Sumber Data**

##### **4.4.1 Prosedur Pengumpulan Data**

Proses pengumpulan data dalam kajian ini telah dilakukan secara berperingkat bermula dengan pengumpulan data sekunder dan seterusnya pengumpulan data primer. Ini bertepatan dengan Perry (1998) yang menyatakan penyelidik perlu membaca dan menyelidik kajian terdahulu dalam pembentukan soalan-soalan kajian bagi memudahkan proses analisa data yang akan diperolehi. Manakala Patton (1990) pula menyatakan perbentukan soalan kajian banyak dipengaruhi oleh sejauh mana penguasaan penyelidik dalam memerhati, mengkaji dan menganalisa kajian. Dalam konteks ini instrumen kajian adalah faktor utama dan berdasarkan latar belakang instrumen kajian maka proses pembentukan soalan-soalan kajian telah dilakukan dengan sebaik mungkin.

#### 4.4.2 Sumber Data

Sumber data dalam kajian ini adalah daripada data sekunder. Sumber data sekunder yang diperolehi melalui publikasi yang diterbitkan oleh lembaga kerajaan seperti Badan Pusat Statistik (BPS) dan Badan Perencanaan Pembangunan Daerah (BAPPEDA). Pelbagai data tersebut digunakan bagi mendapati data bilangan penduduk muslim, data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK/PDRB) dan Potensi zakat terhadap agihan dana zakat produktif (modal, buruh dan teknologi). Semuanya bagi memperolehi maklumat untuk objektif kajian yang wujud, khasnya pada objektif kajian untuk menganalisa impak zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi kepada *output*.

Selain itu penyelidik mengumpulkan data melalui kajian dokumentasi melalui bahan-bahan bercetak seperti artikel jurnal sains berwasit, buku-buku dan lain-lain. Mengikut kepada kaedah kajian dengan model kualitatif merupakan kaedah penyelidikan yang berasaskan kepada kajian kepustakaan. Bahan-bahan bercetak yang penyelidik gunakan dalam bahasa Melayu, Indonesia, Arab dan Bahasa Inggeris. Antara perpustakaan yang dirujuk oleh penyelidik ialah:

- Perpustakaan Utama Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Universiti Islam Antarbangsa, Gombak.
- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Perpustakaan Universitas Indonesia Depok, Indonesia.

#### 4.4.3 Populasi

Populasi ialah wilayah utama yang terdiri daripada objek atau subjek yang menjadi kuantiti kesimpulannya. Nazri (1988) mengatakan populasi adalah data yang akan diperolehi bukan sekadar orang atau benda. Dalam kajian ini sasaran populasi ialah pekerja Islam sebagai kakitangan kerajaan yang berkhidmat di Provinsi Aceh dan tertakluk kepada Potongan Zakat Berjadual (PZB), pihak swasta, petani peniaga dan yang terakhir adalah para pekerja profesi lainnya juga yang berada di Provinsi Aceh.

Masyarakat Aceh adalah masyarakat homogen dimana tiada perbezaan ketara antara suatu daerah dengan daerah yang lain. Walaubagaimanapun terdapat sedikit perbezaan mengenai dialek bahasa dan adat resam di antara beberapa wilayah kabupaten/kota. Oleh itu, penyelidik memilih lokasi enam wilayah yang dapat mewakili kepelbagaian masyarakat Aceh. Pertama, Banda Aceh kerana ia merupakan pusat pemerintahan Provinsi Aceh dan pusat pentadbiran. Kedua, Kabupaten Bener Meriah, wilayah ini boleh mewakili kawasan tengah dalam Provinsi Aceh. Ketiga, Kabupaten Aceh Timur yang ianya boleh mewakili bahagian pantai utara timur dalam Provinsi Aceh. Seterusnya Kota Subulussalam adalah kabupaten keempat dan Kabupaten Aceh Singkil adalah kabupaten kelima yang kedua-duanya menjadi bahagian kawasan kajian juga kerana ianya merupakan wilayah serupa yang boleh mewakili kawasan tenggara dan kepulauan. Bagi wilayah terakhir yang keenam iaitu Kabupaten Aceh Barat yang ianya boleh mewakili bahagian pantai barat selatan dalam Provinsi Aceh.



Peta kawasan kajian ditunjukkan pada rajah berikut:

Rajah 4.2  
Peta Kawasan Kajian



Sumber: Peta Provinsi NAD. 2006

## 4.5 Kaedah Analisa Data

### 4.5.1. Kaedah Analisa Potensi Zakat

Ada beberapa model analisa yang telah dikaji oleh para penyelidik sebelumnya untuk mengetahui besar potensi zakat yang menggunakan metode pengiraan potensi. Daripada kajian-kajian yang telah dijalankan maka model perhitungan potensi zakat yang dijalankan masih bersifat umum (*general*) sahaja. Kajian ini berbeza kerana memfokuskan kepada analisa potensi zakat pendapatan dengan 2 kaedah analisa iaitu analisa data secara kualitatif dan kuantitatif. Analisa secara kualitatif dilakukan terhadap data daripada hasil publikasi. Langkah-langkah yang diambil adalah sebagai berikut:

- a. Pengelompokkan data mengikut kelompok bidang profesi.
- b. Setelah pengelompokkan dilakukan maka perhitungan terhadap jumlah masyarakat yang menekuni berbagai bidang profesi sama ada dari institusi formal (sektor pemerintahan) dengan intitusi tidak formal (sektor swasta). Kemudian dilakukan perhitungan pendapatan masing-masing kelompok secara general.
- c. Tahapan seterusnya adalah menghitung jumlah pendapatan yang kena zakat untuk kemudian dikalikan dengan jumlah masyarakat, sehingga didapati gambaran umum seberapa besar potensi pungutan zakat sewilayah (kawasan) yang menjadi lokasi kajian.
- d. Langkah selanjutnya data potensi zakat yang didapati daripada enam wilayah mengikut zon Rencana Pengembangan Tata Ruang Aceh bagi kawasan pusat

perniagaan dan pembahagian kawasan Aceh yang dijalankan oleh Badan Pelan Pembangunan Daerah Aceh (BAPPEDA) ditambah dan digabungkan kemudian dibahagi 6 (enam) berdasarkan jumlah wilayah kajian. Seterusnya hasil yang telah dibahagi 6 (enam) tersebut dikalikan 23 kabupaten kota dan dicampur 1 lagi untuk skala provinsi. Setelah dikali 24 (23 kabupaten kota, dan 1 provinsi), maka menjadi keseluruhan potensi pungutan zakat pendapatan di Provinsi Aceh.

#### **4.5.2 Kaedah Analisa Impak Zakat Ke Atas Faktor Pengeluaran Kepada Output**

Untuk menganalisa impak zakat ke atas faktor pengeluaran kepada output maka digunakan analisa jalur (*path analysis*). Analisis jalur adalah suatu teknik pengembangan daripada regresi linier berganda. Teknik ini digunakan untuk menguji besarnya sumbangan (kontribusi) yang ditunjukkan oleh koefisien jalur pada setiap diagram jalur dari hubungan kausal antara pembolehubah  $X_1$ ,  $X_2$  dan  $X_3$  terhadap  $Y$  serta impaknya terhadap  $Z$ . Analisa jalur boleh menjalankan penguraian (*decomposition*) korelasi menjadi hubungan yang bersifat sebab akibat (*causal relation*), seperti pengaruh langsung (*direct effect*) dan pengaruh tidak langsung (*indirect effect*) daripada pembolehubah eksogen terhadap pembolehubah endogen dan bukan sebab akibat (*non-causal association*), seperti komponen palsu (*spurious*).

Analisis jalur ialah suatu teknik untuk menganalisis hubungan sebab akibat yang terjadi pada regresi berganda jika pembolehubah bebasnya mempengaruhi pembolehubah bersandar tidak hanya secara langsung tetapi juga secara tidak

langsung (Robert D. Retherford 1993). Sedangkan definisi lain mengatakan, “Analisis jalur merupakan pengembangan langsung bentuk regresi berganda dengan matlamat bagi memberikan estimasi taraf kepentingan (*magnitude*) dan signifikan (*significance*) hubungan sebab akibat hipotetikal pada satu set pembolehubah.” (Paul Webley, 1997).

David Garson dari *North Carolina State University* mendefinisikan analisis jalur sebagai “model perluasan regresi yang digunakan untuk menguji keselarasan matriks korelasi dengan dua atau lebih model hubungan sebab akibat yang dibandingkan oleh penyelidik. Modelnya digambarkan dalam bentuk rajah lingkaran dan anak panah dimana anak panah tunggal menunjukkan sebagai penyebab. Regresi dikenakan pada pembolehubah masing-masing dalam suatu model sebagai pembolehubah tergantung (pemberi respon) sedang yang lain sebagai penyebab. Pemberatan regresi diramal dalam suatu model yang dibandingkan dengan matriks korelasi yang diterokai untuk semua pembolehubah dan dilakukan juga penghitungan ujian keselarasan statistik”. (Garson, 2003).

Perincian data yang digunakan untuk menganalisis impak adalah seperti Jadual 4.:

Jadual 4.1

*Perincian Data Analisis Impak Zakat Ke Atas Faktor Pengeluaran Kepada Output*

No	Data	Huraian	Sumber
1.	Potensi Zakat di Provinsi Aceh	Data menerangkan potensi zakat daripada enam kawasan yang terpilih	Baitul Mal Provinsi Aceh
2.	Agihan Zakat Produktif	Data menerangkan agihan zakat kepada sektor produktif iaitu terhadap modal, buruh dan teknologi	Baitul Mal Provinsi Aceh
3.	Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK/PDRB)	Data aktiviti produktif dihasilkan melalui sektor terkait (lapangan usaha perniagaan, pertanian dan industri) dan dilakukan oleh seluruh komponen (masyarakat)	Badan Pusat Statistik (BPS) Provinsi Aceh
4.	Modal	Data menerangkan agihan zakat kepada aktiviti sektor produktif yang menggunakan modal	Baitul Mal Provinsi Aceh
5.	Buruh	Data menerangkan agihan zakat kepada aktiviti sektor produktif yang menggunakan buruh	Baitul Mal Provinsi Aceh
6.	Teknologi	Data menerangkan agihan zakat kepada aktiviti sektor produktif yang menggunakan teknologi	Baitul Mal Provinsi Aceh


Seterusnya model analisis jalur yang digunakan adalah model mediasi atau perantara dimana pembolehubah bebas (X) memediasi pengaruh pembolehubah bersandar (Y) terhadap pembolehubah Z. Rumusan formula adalah sebagai berikut:

$$Y = f (X_1, X_2, X_3, e_1) \quad (1)$$

$$Z = f (X_1, X_2, X_3, e_2) \quad (2)$$

Analisa jalur dirumuskan ke diagram jalur berikut:


Rajah 4.3 Diagram Jalur dari Persamaan Model Struktural



Daripada diagram diatas maka parameter yang akan diestimasi adalah:

$$Y = \rho_1 X_1 + \rho_2 X_2 + \rho_3 X_3 + e_1 \quad (3)$$

Rajah 4.4 Diagram Jalur dari Persamaan Model Struktural Z



Dari diagram diatas maka parameter yang akan diestimasi adalah:

$$Z = \rho_1 X_1 + \rho_2 X_2 + \rho_3 X_3 + e_2 \quad (4)$$

Diagram jalur diatas menjelaskan bahawa pembolehubah yang memainkan peranan dan memediasi. Pembolehubah bebas (X) adalah faktor pengeluaran (*resources*) iaitu  $X_1$  adalah modal,  $X_2$  adalah buruh dan  $X_3$  adalah teknologi. Pembolehubah bersandar (Y) adalah potensi zakat dan pembolehubah Z adalah output. Analisa jalur boleh menguji impak potensi zakat ke atas faktor pengeluaran dari segi

besarnya sumbangan (kontribusi) yang ditunjukkan oleh koefisien jalur pada setiap diagram jalur dari hubungan kausal antar pembolehubah Y terhadap  $X_1$ ,  $X_2$  dan  $X_3$  serta impaknya terhadap Z.

#### **4.6 Rumusan**

Dalam bab ini telah diterangkan tentang proses kajian yang melibatkan justifikasi pemilihan bentuk kajian, proses mengumpul dan menganalisa data. Selain itu juga diterangkan tentang kaedah-kaedah yang digunakan untuk memastikan wujudnya dapatan dalam kajian.





## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN ANALISIS KEPUTUSAN KAJIAN

#### 5.1 Pendahuluan

Potensi dimaknakan sebagai kemampuan yang mempunyai kemungkinan bagi memperkasa ekonomi masyarakat (2008: 1207). Perkataan zakat menurut bahasa bermaksud tumbuh dan suci (Ibn Mandhur: 1849). Manakala Maal pula dari perspektif estimologi diertikan sebagai harta benda, iaitu segala sesuatu yang dapat dimiliki (dikuasi) dan dapat digunakan (dimanfaatkan) sesuai kelazimannya. (Ibn Mandhur: 4300).

Menurut laporan BAZNAS dan Fakulti Ekonomi dan Manajemen IPB (2011) bagi memaksimumkan potensi tersebut telah mengklasifikasikan potensi zakat nasional ini dalam tiga jenis besar. *Pertama*, potensi zakat rumah tangga secara nasional. *Kedua*, potensi zakat industri menengah dan besar nasional, serta zakat BUMN. Potensi yang dikira dalam kumpulan yang kedua ini adalah zakat syarikat, dan bukan zakat direksi serta pekerja. *Ketiga*, potensi zakat tabungan secara nasional. Seterusnya potensi zakat di masing-masing daerah, sama ada di Provinsi Aceh, telah dibezakan mengikut struktur dan taraf kemajuan suatu daerah. Semakin maju suatu daerah maka semakin besar potensi zakat yang dapat digali.

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian ini cuba mengenalpasti mengikut Zon Rencana Pengembangan Tata Ruang Aceh bagi kawasan pusat perniagaan dan pembahagian kawasan Aceh yang dijalankan oleh Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Aceh (BAPPEDA) yang dibahagikan kepada 6 zon dan juga menjadi persampelan dalam

kawasan kajian. Pembahagian zon kajian tersebut dapat dilihat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 5.1

*Pembahagian Zon Dalam Kawasan Kajian*

No	Zon	Ruang Lingkup
1	Banda Aceh	Kota Sabang, Kota Banda Aceh, Kabupaten Aceh Besar dan Kabupaten Pidie;
2	Bener Meriah	Kabupaten Pidie Jaya, Kabupaten Bireun, Kota Lhokseumawe, Kabupaten Aceh Utara, Kabupaten Aceh Tengah dan Kabupaten Bener Meriah;
3	Aceh Timur	Kabupaten Aceh Timur, Kota Langsa dan Kabupaten Aceh Tamiang;
4	Aceh Tenggara	Kabupaten Gayo Lues, Kabupaten Aceh Tenggara, Kota Subulussalam dan Pulau Banyak;
5	Aceh Singkil	Kabupaten Aceh Selatan, Kabupaten Aceh Barat Daya, Kabupaten Singkil dan Kabupaten Simeleu;
6	Aceh Barat	Kabupaten Aceh Barat, Kabupaten Nagan Raya dan Kabupaten Aceh Jaya.

Sumber: Rencana Tata Ruang Provinsi Aceh, BAPPEDA (2014)

Dengan mengetahui proporsi penduduk dan rerata pendapatan atas setiap golongan, dapat diperkirakan berapa besar potensi zakatnya. Dalam hal ini adalah zakat pendapatan sebesar 2.5 peratus daripada pendapatannya.

Perbincangan dapatan kajian ini dipersembahkan berpandukan tema dan sub tema mengikut turutan objektif yang dibentuk berdasarkan kerangka konsep kajian di dalam bab metodologi kajian. Analisa perbincangan adalah berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui pemerhatian dan dokumentasi daripada kajian-kajian lepas yang disokong dengan panduan al-Quran dan Hadith yang berkaitan.

Keputusan analisa data yang diperolehi telah membuktikan bahawa terdapat objektif penganggaran potensi zakat yang telah dicapai mengikut sumber dan potensinya. Kajian ini telah mendapati formula menganggarkan potensi zakat dalam kawasan kajian di Provinsi Aceh. Seterusnya impaknya ke atas faktor pengeluaran kepada *output* dari segi sumbangan modal, buruh dan teknologi juga akan dihurai.

Keputusan kajian juga merupakan penemuan baru yang boleh dimanfaatkan dalam bidang ilmu berkaitan pengurusan zakat. Seterusnya kajian ini diyakini akan membuka ruang kepada para penyelidik akan datang untuk melakukan kajian kerana masih banyak lagi aspek yang boleh dikaji berhubung potensi zakat di Provinsi Aceh khususnya berkaitan kajian sumber, potensi dan sebagainya. Kesimpulannya, perbincangan dalam bab ini telah menjawab persoalan kajian dan objektif kajian berdasarkan kerangka konsep kajian yang telah dibentuk.

## **5.2 Penganggaran Potensi Pungutan Zakat Termasuk dari Institusi Tidak formal**

### **5.2.1 Zon Kota Banda Aceh Mengikut Sumber dan Potensinya**

Kota Banda Aceh memiliki potensi zakat sehingga 65 miliar Rupiah setahunnya. Namun sehingga kini potensi tersebut belum dapat dicapai sepenuhnya. Ini kerana taraf kesedaran masyarakat di Kota Banda Aceh pada amnya dan khususnya para peniaga dalam membayar zakat di institusi rasmi didapati belum maksimal, sehingga zakat yang terkumpul selama ini ialah sebanyak 80 peratus bersumber daripada zakat pendapatan Pegawai Negeri Sipil (PNS/institusi formal) dalam kawasan Pemerintahan Kota Banda Aceh. Selebihnya bersumber daripada bukan PNS/institusi tidak formal.

Berasaskan data yang diperolehi daripada Baitul Mal Kota Banda Aceh, sejak ia ditubuhkan tahun 2005 kesedaran masyarakat bagi membayar zakat didapati mengalami peningkatan. Dalam tahun 2008 zakat yang terkumpul di Baitul Mal Banda Aceh sebanyak 4 miliar Rupiah lebih, tahun 2009 didapati meningkat sehingga 6 miliar Rupiah, tahun 2010 sebanyak 7 miliar Rupiah, dan dalam tahun tahun 2011 meningkat sebanyak 9 miliar Rupiah. Walaupun zakat yang dikumpulkan oleh Baitul Mal meningkat dalam setiap tahunnya. Namun jumlah ini belum mencapai 50 peratus daripada potensi zakat yang dimiliki Kota Banda Aceh iaitu sebanyak 65 miliar Rupiah. Potensi zakat yang besar ini tidak dapat diwujudkan apabila masih banyak warga yang belum mempercayai pentadbiran zakatnya oleh Baitul Mal Kota Banda Aceh.

Potensi zakat di Kota Banda Aceh dalam dekad terakhir baru tergarap daripada sektor profesi iaitu gaji PNS sahaja. Hal ini kerana telah wujud regulasi yang mengatur tentang ketentuan tersebut. Oleh itu, secara otomatis gaji PNS dipotong zakatnya sebanyak 2.5 peratus. Padahal potensi zakat daripada sektor profesi lainnya sangat menjanjikan, seperti perkhidmatan doktor, juru runding, pekerja Badan Usaha Milik Negara (BUMN), pekerja Badan Usaha Milik Daerah (BUMD), dan pegawai syarikat lainnya.

Salah sebuah sumber potensi zakat terbesar lainnya di Kota Banda Aceh adalah zakat perniagaan. Hal ini disebabkan Kota Banda Aceh merupakan pusat pentadbiran Provinsi Aceh yang memiliki pusingan perniagaan yang sangat besar. Sehingga ia berpotensi besar terhadap Baitul Mal Kota Banda Aceh. Namun realitinya, pengumpulan zakat terbesar yang dilakukan Baitul Mal Kota Banda Aceh bersumber daripada PNS, iaitu sebanyak 80 peratus. Manakala selebihnya daripada bukan PNS.

Seterusnya Kota Banda Aceh mempunyai potensi zakat yang sangat besar berbanding dengan kabupaten/kota lainnya. Selain sebagai pusat pentadbiran provinsi pelbagai aktiviti perniagaan berkembang di kota ini, sama ada dalam sektor riil, perkhidmatan, industri rumah tangga dan pelbagai aktiviti perniagaan lainnya yang berpotensi besar bagi pengeluaran zakat.

Kajian mendapati terdapat beberapa sumber dan potensi zakat di Kota Banda Aceh seperti PNS, sektor pegawai negeri di institusi vertikal, pegawai swasta, hospital dan klinik swasta, penguam, syarikat-syarikat besar, industri besar, institusi pendidikan, perniagaan, farmasi, restoran besar, media skala besar, percetakan skala besar dan lain-lain. Oleh itu kajian ini cuba menerokai sumber asas dan potensi zakat serta jangkaan potensi pungutan zakat yang terdapat di Kota Banda Aceh daripada pelbagai sektor.

Dari pelbagai macam penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa kota Banda Aceh mempunyai potensi zakat yang sangat besar dari pelbagai macam sektor. Untuk lebih jelas, rekapitulasi potensi zakat berdasarkan sub sektor dapat dilihat pada jadual dibawah ini:

Jadual 5.2

*Potensi Zakat Mengikut Sektor di Kota Banda Aceh*

No	Uraian	Potensi Zakat (Rp)
1	Profesi	12,813,450,000
2	Syarikat	7,581,300,000
3	Industri Kecil	10,170,450,000
4	Perniagaan	10,715,700,000
5	Perkhidmatan dan Keahlian	10,006,800,000
6	Institusi Kewangan Kecil	1,589,550,000
7	Transportasi	539,400,000
8	Perikanan, Perternakan, Kelautan dan Pertanian	8,716,620,000
9	Perkhidmatan Kesihatan	2,052,900,000
Total		64,186,170,000

Dari jadual di atas dapat difahami bahawa potensi zakat di kota Banda Aceh secara keseluruhan dari pelbagai macam sektor sebanyak Rp64,186,170,000. Namun bilangan tersebut termasuk masyarakat bukan Islam. Berasas kepada data Badan Pusat Statistik (BPS) Kota Banda Aceh, jumlah masyarakat di kota ini daripada tahun 2012 seramai 269.659 orang, di mana penduduk yang bukan muslim iaitu seramai 3.642 orang atau 1.5 peratus masyarakat bukan Islam. Oleh yang demikian, yang menjadi potensi zakat dalam Kota Banda Aceh adalah Rp64,186,170,000 – 1.5 peratus (masyarakat bukan Islam), maka menjadi Rp64,186,170.000 – Rp962,792,550 = Rp63,223,377,450 sebagai potensi zakat.

Dapat disimpulkan bahawa potensi zakat di Kota Banda Aceh sebanyak Rp63,223,377,450. Namun begitu, jumlah potensi tersebut masih bertambah kerana tidak mempunyai data yang tersedia seperti niaga dalam talian, saham, dan pelbagai jenis niaga perkhidmatan lainnya.

### **5.2.2 Zon Kabupaten Bener Meriah Mengikut Sumber dan Potensinya**

Bahagian ini menjelaskan potensi zakat mal yang terdapat di Kabupaten Bener Meriah. Potensi zakat mal tersebut meliputi segala aktiviti masyarakat di daerah ini yang dapat menghasilkan, sama ada pendapatan individu mahupun badan usaha. Pendapatan (keuntungan) peniaga daripada perniagaannya, hasil praktik dokter, peguam, petani daripada hasil pertaniannya, peternakannya dan lainnya. Manakala pendapatan syarikat adalah keuntungan daripada setiap syarikat.

Kabupaten Bener Meriah memiliki potensi zakat yang tidak sebanyak jumlah potensi yang terdapat di wilayah kabupaten/kota lainnya. Namun potensi zakat yang telah dikaji dapat menyumbang potensi zakat di Provinsi Aceh secara keseluruhan. Sumber dan potensi zakat yang terdapat di wilayah ini disertai anggaran potensi pungutan zakat yang terdapat daripada pelbagai sumber akan dikemukakan dalam jadual berikut:

Jadual 5.3

*Potensi Zakat Mengikut Sektor di Kabupaten Bener Meriah*

No	Uraian	Potensi Zakat (Rp)
1	Perniagaan Sektor Riil	1,129,065,000
2	Perkhidmatan	9,998,349,990
3	Tenaga Kesihatan	140,000,000
4	Profesi	438,150,000
5	Pegawai Non PNS	42,750,000
6	Pegawai PNS	7,984,200,000
7	Pertanian Tanaman Pangan & Hortikultura	61,726,980,000
8	Perkebunan	23,630,594,100
9	Peternakan	93,850,000
10	Industri Rumah Tangga	113,100,000
11	Perusahaan	2,203,700,000
Total		107,500,739,090

Mengikut Jadual 5.3 di atas dapat difahami bahawa potensi zakat di Kabupaten Bener Meriah secara keseluruhan daripada pelbagai jenis sektor setahun sebanyak Rp107,500,739,090.

### **5.2.3 Zon Kabupaten Aceh Timur Mengikut Sumber dan Potensinya**

Bahagian ini menjelaskan potensi zakat mal yang terdapat di Kabupaten Aceh Timur. Potensi zakat mal tersebut meliputi segala usaha masyarakat dalam kawasan ini yang dapat menghasilkan pendapatan, sama ada pendapatan individu mahupun



syarikat. Pendapatan individu adalah seperti gaji yang diterima oleh pegawai negeri, pendapatan (keuntungan) peniaga dari niaganya, hasil praktik dokter, pengacara, petani dari hasil pertaniannya, penternak dari hasil penternakannya, dan lain sebagainya. Sedangkan pendapatan syarikat adalah keuntungan dari sebuah syarikat yang diperolehi daripada hasil usaha.

Kabupaten Aceh Timur juga mempunyai fenomena terkait zakat sama dengan kawasan Aceh lainnya. Kabupaten ini mempunyai potensi zakat yang sangat beragam, meskipun potensi tersebut saat ini belum tergarap sepenuhnya. Namun, daripada pelbagai potensi zakat yang wujud setakad ini, hanya beberapa peratus sahaja yang baharu tergarap.

Berdasarkan dapatan kajian lapangan bahawa daripada sebanyak potensi zakat yang terdapat dalam kawasan kabupaten selama ini, hanya daripada golongan PNS yang telah tergarap. Ini kerana telah ada aturan yang mengatur mengenai zakat profesi dalam kalangan PNS.

Pada asasnya, potensi zakat daripada sektor lain sangat besar dan belum mampu digarap oleh Baitul Mal Kabupaten Aceh Timur, mungkin hal ini disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu faktor belum adanya regulasi terkait dengan sumber potensi zakat lain selain PNS, kurangnya sosialisasi tentang zakat, serta kurangnya kesedaran masyarakat untuk membayar zakat kepada Baitul Mal, serta kurangnya kepercayaan masyarakat terhadap Baitul Mal. Potensi zakat daripada sektor lain, seperti pertanian, perkebunan, perikanan, perkhidmatan, perniagaan riil, syarikat, penternakan dan pelbagai jenis lainnya berjumlah sehingga puluhan miliar.

Dalam kajian ini, proses perhitungan zakat dalam semua sektor penyelidik lakukan dengan beberapa langkah, pertama, penyelidik mendata semua sektor aktiviti masyarakat yang sudah mencapai haul dan nisab untuk mengeluarkan zakat. Langkah seterusnya, melakukan klasifikasi terhadap jenis-jenis usaha berdasarkan sub sektor, kemudian melakukan penerokaan dan temubual dengan pelaku usaha berdasarkan sub sektor serta mendata jumlah pelaku usaha dan juga pendapatan pelaku usaha sebulan.

Langkah selanjutnya, penyelidik mengambil pendapatan purata pelaku usaha berdasarkan sub sektor, seterusnya dikalikan dengan jumlah keseluruhan pelaku usaha mengikut jenis usaha, kemudian dikalikan dengan 2.5 peratus sebagai potensi zakat mengikut sub sektor. Dalam kajian ini, penyelidik mengandaikan bahawa jumlah potensi zakat bagi setiap sub sektor sebanyak 2.5 peratus. Alasan dikalikan dengan 2.5 peratus kerana pelaku usaha tersebut menjual hasil daripada usaha, sama dalam sektor pertambangan, minyak dan gas bumi mahupun hasil pertanian dan perkebunan.

Huraian di atas telah menjelaskan bahawa terdapat pelbagai jenis potensi zakat di Kabupaten Aceh Timur, sama ada daripada sektor pertanian, perkebunan, profesional, perniagaan sektor riil, penternakan dan perikanan, sewa-menyewa, pertambangan atau pun usaha syarikat. Jadual dibawah adalah besaran potensi zakat di Kabupaten Aceh Timur seperti dinyatakan berikut:

Jadual 5.4

*Potensi Zakat Mengikut Sektor di Kabupaten Aceh Timur*

No	Uraian	Jumlah (Rp)
1	Potensi Zakat Sektor Usaha Rill	5,342,400,000
2	Potensi Zakat Sektor Profesi dan Perkhidmatan	14,831,250,000
3	Potensi Zakat Sektor Pertanian dan Perkebunan	25,050,000,000
4	Potensi Zakat Sektor Peternakan	160,800,000
5	Potensi Zakat Sektor Sewa	103,425,000
6	Potensi Zakat Sektor Pertambangan	177,000,000
7	Potensi Zakat Sektor Syarikat	1,926,900,000
Jumlah		47,591,775,000

Berdasarkan penjelasan di atas dipahami bahawa potensi zakat di Kabupaten Aceh Timur mengikut pelbagai jenis sektor, iaitu sebanyak Rp47,591,775,000. Namun begitu didapati juga beberapa potensi zakat lainnya, di mana ia belum tercatat dalam kajian ini, seperti perkhidmatan dalam talian (*online*) ini kerana sangat sukar mengenal pasti para pelaku usaha kerana pelaku usaha tersebut umumnya bukan penduduk tempatan.

#### **5.2.4 Zon Kabupaten Aceh Tenggara Mengikut Sumber dan Potensinya**

Potensi zakat mal yang terdapat di kawasan Kabupaten Aceh Tenggara meliputi pelbagai jenis kegiatan masyarakat dalam kawasan ini yang menghasilkan pendapatan lebih baik, sama ada pendapatan individu maupun badan usaha lainya. Pendapatan individu seperti gaji yang diterima oleh pegawai negeri, pendapatan daripada laba perdagangan para peniaga, hasil praktik dokter, peguam, petani dengan hasil pertaniannya, peternak dengan hasil peternakannya, dan penghasilan

lainnya. Manakala pendapatan badan usaha iaitu laba/keuntungan daripada sebuah badan usaha yang ada dalam kawasan Aceh Tenggara.

Kabupaten Aceh Tenggara diketahui mempunyai potensi zakat yang sangat beragam, meskipun potensi tersebut pada ketika ini belum tergarap sepenuhnya. Namun, dalam masa ini daripada keseluruhannya telah digarap beberapa peratus sahaja. Dari pelbagai jenis potensi zakat yang terdapat yang ada. Mengikut hasil kajian lapangan yang dilakukan mendapati bahawa daripada sebanyak potensi zakat yang terdapat di kawasan ini, hanya golongan Pegawai Negeri Sipil (PNS) sahaja yang telah tergarap. Hal ini disebabkan telah ada aturan (regulasi) yang mengatur mengenai zakat profesi dalam kalangan PNS.

Daripada data yang diperolehi ketika kerja lapangan bahawa jumlah PNS seramai 2.805 orang dengan pelbagai taraf golongan. Namun, selain pendapatan daripada gaji para PNS juga mempunyai pendapatan lain. Apabila dijumlahkan dengan pendapatan mereka maka telah mencapai nisab wajib zakat. Potensi zakat sektor profesi di Kabupaten Aceh Tenggara sebenarnya mempunyai potensi yang baik, meskipun yang telah tergarap hanya dalam kalangan PNS sahaja. Selain itu, zakat profesi dalam kalangan doktor spesialis, pegawai perbankan, pegawai BUMN, juru runding, instalatur listrik, peguam, advokad, apoteker dan profesi-profesi lainnya dalam masa ini juga belum tergarap. Padahal pendapatan mereka telah melebihi pendapatan PNS bahkan telah mencapai nisab olehnya telah wajib membayar zakat profesi.

Di samping itu, sumber daya alam yang terdapat di kabupaten juga termasuk banyak. Dalam beberapa dekad Kabupaten Aceh Tenggara dikenal dengan salah satu wilayah

penghasil jagung dan pertanian lainnya yang cukup lumayan. Berdasarkan data yang didapati diketahui bahawa potensi zakat dalam sektor pertanian iaitu jagung, padi dan hasil pertanian lainnya. Apabila dijumlahkan hasil pertanian masyarakat, maka pendapatan petani telah mencapai nisab wajib dikenakan zakat. Selain itu, para petani juga mempunyai pendapatan selain gaji PNS.

Terkait dengan usaha sektor riil dalam kawasan Aceh Tenggara diketahui bahawa potensi zakat sektor riil sangat potensial dalam menghasilkan zakat. Ramai masyarakat yang berniaga dalam sektor riil juga didapati. Antaranya menjual bahan bangunan, sama ada dalam kategori besar, menengah atau pun kategori kecil. Begitu pula kedai makan (restoran), cafe, perabotan, mobil, bengkel dan pelbagai jenis perniagaan lainnya. Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh masyarakat didapati telah mencapai haul dan nisab. Oleh itu, mereka wajib mengeluarkan bayaran zakat perniagaan. Namun dalam masa ini, Baitul Mal belum menggarap sumber zakat dalam sektor perniagaan. Sebaliknya pula potensi zakat perniagaan didapati sangatlah besar, berbanding dengan pendapatan sektor profesi atau gaji PNS.

Selain perkara di atas, usaha perkhidmatan juga mempunyai potensi zakat yang besar. Dapatan kajian bahawa banyak sekali potensi zakat yang belum tergarap. Antaranya adalah potensi zakat di bidang perkhidmatan seperti sewa mobil, sewa kedai, sewa tanah dan sewa-menyawa lainnya.

Begitu pula dengan hasil peternakan juga belum tergarap. Hal ini disebabkan kurangnya pengetahuan masyarakat tentang zakat peternakan bahkan kurangnya sosialisasi oleh pihak Baitul Mal terkait dengan zakat peternakan. Bila ditinjau daripada jumlah peternakan, seperti sapi, kerbau, kambing dan lain tentunya ternyata

telah mencapai nisab wajib dikeluarkan zakat. Kebanyakan peternak tersebut menjual ternaknya pada masa tertentu, seperti maulid, *meugang* maupun pada hari pekan. Kajian mendapati bahawa penjualan ternak telah mencapai nisab dan haul wajib zakat.

Disamping itu, ramai masyarakat yang bergerak dalam sektor industri kecil, seperti industri rumah tangga, membuat kek basah, roti, kek kering, pembuatan ikan asin, gula aren, dan pelbagai jenis industri rumah tangga lainnya. Bila dilihat penghasilan daripada industri tersebut, ternyata telah mencapai haul dan nisab wajib untuk dikeluarkan zakat. Oleh itu, sektor industri rumah tangga sebenarnya mempunyai potensi zakat yang sangat besar dalam kawasan Kabupaten Aceh Tenggara. Sebagaimana yang telah dipaparkan pada perbincangan, potensi zakat di kawasan Aceh Tenggara berdasarkan sub sektor dapat dilihat pada jadual dibawah ini:

Jadual 5.5  
*Potensi Zakat Mengikut Sektor di Kabupaten Aceh Tenggara*

No	Uraian	Potensi Zakat (Rp)
1	Potensi Zakat Sektor Pertanian dan Perkebunan	17,890,107,455
2	Potensi Zakat Sektor Bisnis Sektor Riil	20,331,900,000
3	Potensi Zakat Sektor Bisnis Perkhidmatan (Sewa)	199,000,000
4	Potensi Zakat Sektor Profesi, Perkhidmatan dan Keahlian	6,582,570,000
5	Potensi Zakat Sektor Peternakan	604,525,000
6	Potensi Zakat Sektor Industri	640,200,000
7	Potensi Zakat Sektor Perusahaan	200,550,000
Total		46,448,852,455

Berdasarkan jadual 5.5 di atas dapat disimpulkan bahawa keseluruhan potensi zakat dalam kawasan Kabupaten Aceh Tenggara mengikut sub sektor sebanyak Rp46,448,852,455. Namun begitu, data daripada Pemerintah Daerah Kabupaten Aceh Tenggara, majoriti penduduk beragama Islam 70 peratus daripada 169.000 penduduk, selebihnya adalah penduduk beragama Kristen dan Katolik dan penganut kepercayaan Parmalim. Masjid dalam kabupaten itu berjumlah 175 buah, mushalla sebanyak 203 buah, dan surau sebanyak 45 buah. Disamping itu, 9 gereja Katolik dan 114 gereja Protestan. Daripada 11 kecamatan, gereja terbanyak terdapat dalam Kecamatan Babul Makmur, yakni 3 gereja Katolik dan 41 gereja Protestan. Etnisnya juga beragam, bermula daripada Alas, Gayo, Karo, Batak, Mandailing, Jawa, Padang, Aceh sehingga Singkil.

Kesimpulan yang dapat diambil bahawa potensi zakat di Kabupaten Aceh Tenggara Rp46,448,852,455 – 30 peratus (masyarakat bukan Muslim). Total jangkaan potensi zakat iaitu:  $Rp45,711,132,455 - Rp13,934,655,736 = Rp32,514,196,718$ . Oleh itu, total jangkaan potensi zakat sebanyak Rp32,514,196,718.

### **5.2.5 Zon Kabupaten Aceh Barat Mengikut Sumber dan Potensinya**

Potensi zakat yang terdapat di Kabupaten Aceh Barat masih belum dikelola dengan sistem yang baik. Menurut perkiraan jawatan Badan Baitul Maal Kabupaten Aceh Barat bahawa zakat yang telah terkumpul dalam masa ini 30 peratus sahaja daripada yang semestinya. Jumlah 100 peratus tersebut asal daripada gaji PNS. Oleh yang demikian, masih terdapat 70 peratus lagi yang belum terkumpul yang berasal daripada pekerja dalam sektor swasta, pegawai pemerintah pusat, daripada masyarakat umum yang belum dapat dikenalpasti dengan jelas.

Realiti yang sama juga berlaku di Kabupaten Aceh Jaya dan Kabupaten Nagan Raya. Setiausaha Baitul Mal Nagan Raya mengatakan terdapat potensi zakat di kabupaten Nagan Raya yang belum tergali. Penerimaan Baitul Mal semasa ini relatif kecil berbanding dengan sumber daya yang ada seperti pertanian dan perkebunan yang menghasilkan pendapatan bagi masyarakat dan syarikat. Bagi Kabupaten Nagan Raya pendapatan yang diperolehi masyarakat atau peniaga petambangan batu giok dalam kawasan Beutong Ateuh misalnya belum tersentuh sama sekali. Keadaan yang sama juga berlaku di Kabupaten Aceh Jaya, di mana ramai masyarakat yang beberapa dekad terakhir beralih mata pencaharian kepada pertambangan emas, dan yang terakhir kepada batu perhiasan sebagai bentuk mata pencaharian yang relatif baharu namun seperti mewabah.

Hasil batu perhiasan seperti batu cempaka madu, lavender, sunkis dan lain-lain menjadi sangat popular yang dianggap sebagai produk asal batu permata dari Kabupaten Aceh Jaya. Bahkan dikirim ke pelbagai lokasi di Provinsi Aceh dan keluar Provinsi Aceh. Bagi jenis mata pencaharian seperti ini belum tergali potensi zakat yang ada didalamnya, dan belum diperbincangkan mengenai potensi zakat yang ada ke atasnya.

Dalam beberapa perbincangan diketahui bahawa remain pegawai/pekerja yang juga masih belum terintegrasi gajinya dengan sistem pemotongan zakat oleh Sekdakab Aceh Barat. Kebanyakan daripada mereka adalah pegawai bank dan Badan Usaha Milik Negara (BUMN) yang terdapat di Kabupaten Aceh Barat. Hal ini termasuk pegawai kontrak tetap yang tidak dapat dikenal pasti secara tepat kerana jumlah yang sangat beragam dan tersebar di banyak pejabat. Keadaan sama juga berlaku dalam Kabupaten Nagan Raya dan Kabupaten Aceh Jaya. Porsi terbesar daripada



zakat yang dikumpulkan selama ini bersumber daripada pendapatan tetap zakat profesi PNS, namun demikian insentif dana tambahan atau pendapatan PNS tersebut diluar gaji asas belum terintegrasi dengan sistem pengumpulan zakat daripada Baitul Mal Nagan Raya. Hal ini dapat diketahui daripada profesi dokter yang walaupun gaji regular bulanan dari tugas di rumah sakit sudah dilakukan pemotongan untuk zakat, namun penghasilan daripada praktek mereka belum tersentuh dengan sistem zakat secara integral.

Selain itu potensi zakat yang masih belum banyak dikelola bersumber daripada usaha individu yang sama sekali tidak tercatat pada pemerintahan, seperti pelbagai usaha kuliner, usaha industri kreatif anak muda, usaha niaga menerusi internet, pasar modal dan saham, dan pelbagai usaha lainnya. Jenis usaha seperti ini sama sekali tidak dapat ramal dan dijumlahkan. Penyelidik juga mengalami kesukaran mengira penghasilan mereka kerana memang tidak pasti dan sama sekali tidak dapat diramal. Boleh jadi suatu masa mereka mendapatkan keuntungan besar, namun terkadang mereka menderita rugi bertahun-tahun. Keadaan ini juga dapat ketahui daripada tersedianya data yang lengkap tentang jenis usaha, jumlah dan taraf usaha tersebut yang berpengaruh pada pendapatan dan laba.

Pada sektor pertanian potensi zakat juga masih banyak yang dapat diambil. Namun dalam perbincangan yang dilakukan dengan masyarakat di Kabupaten Aceh Barat, Kabupaten Nagan Raya dan Kabupaten Aceh Jaya, sektor pertanian sangat dipengaruhi oleh musim yang menentukan jumlah panen, dan juga harga komoditi yang sangat dipengaruhi oleh pasar. Adakalanya masyarakat memperolehi panen yang bagus, namun pasar menghargainya sedikit sehingga tidak sampai nisab zakat. Belum lagi persepsi masyarakat yang mengatakan kalau zakat hanyalah tanaman

padi sahaja, sementara tanaman yang lainnya tidak dikenakan zakat. Baitul Mal Nagan Raya berasa bahawa mereka perlu membezakan kategori pertanian daripada yang menghasilkan pendapatan lebih tinggi sehingga yang pendapatan sedang atau lebih rendah.

Perbezaan ini dapat dibuat dengan upaya melakukan perbezaan daripada luas lahan yang dimiliki dan tanami. Justeru dalam dekad ini belum dibuat, sehingga perkiraan potensi daripada hasil pertanian tidak dapat diramal secara lebih pasti. Daripada tanaman palawija, masyarakat hanya fokus pada ide bahawa hanya tanaman kacang-kacangan yang perlu dizakati, sementara jenis palawija lain tidak menjadi perhatian.

Berikut adalah perhitungan potensi zakat yang terdapat di Kabupaten Aceh Barat, Kabupaten Nagan Raya dan Kabupaten Aceh Jaya. Data utama bersumber daripada Kabupaten Aceh Barat. Beberapa tambahan dari Kabupaten Aceh Jaya juga telah dimasukkan ke dalam Kabupaten Aceh Barat sehingga data kajian berikut ini adalah sebagai potensi zakat pantai barat Aceh.

Potensi zakat di Kabupaten Aceh Barat memang belum terkelola dengan baik dan belum dapat diekplorasi dengan baik pula. Hal ini terjadi kerana banyak sebab. Hal yang paling prinsipil adalah kesedaran dan pengetahuan masyarakat dalam membayar zakat. Banyak potensi zakat yang tidak dikeluarkan kerana masyarakat tidak faham tentang zakat profesi dan pendapatan selain padi dan ternak. Selain itu banyak masyarakat yang memberikan zakatnya langsung kepada yang berhak yang ada di sekitar mereka. Banyak masyarakat juga mempercayakan zakat mereka kepada teungku pesantren yang dianggap memiliki kredibiliti dalam mengelola zakat.

Data dan informasi yang didapati dari Baitul Mal Kabupaten Nagan Raya juga menunjukkan fenomena serupa, realisasi yang mereka dapatkan berbeza dengan potensi yang mereka perkirakan. Dari pelbagai keterbatasan di atas, kita dapat menghitung potensi zakat di Kabupaten Aceh Barat sebagai berikut:

Jadual 5.6

*Potensi Zakat Mengikut Sektor di Kabupaten Aceh Barat*

No	Jenis	Potensi Zakat (Rp)
1	Perniagaan	10,030,800,000
2	Sewa-menyewa	15,750,000
3	Perhotelan	675,600,000
4	Kepegawaian	19,496,550,000
5	Pertanian	6,733,500,000
6	Peternakan	1,317,900,000
7	Pertambangan	1,263,000,000
8	Transportasi	1,155,000,000
9	Kesehatan	380,340,000
10	Perkebunan	27,212,715,000
Total		68,281,155,000

Dari jadual di atas terlihat potensi zakat di Kabupaten Aceh Barat sebanyak Rp68,281,155,000. Bilangan ini kebanyakan berasal dari sektor perkebunan dan gaji PNS. Potensi lain berasal dari sektor pertanian dan perkebunan. Sementara sektor lain menyumbangkan jumlah potensi yang hampir setara. Bilangan ini kebanyakan berdasarkan pengiraan daripada Kabupaten Aceh Barat dengan memasukkan beberapa data tambahan daripada Kabupaten Nagan Raya dan Kabupaten Aceh Jaya.

Kedua kabupaten ini masih perlu mendapatkan fokus perhitungan mendalam untuk mengetahui jumlah potensi zakatnya. Bilangan ini bisa saja lebih, kerana seperti disebutkan di atas ada potensi-potensi zakat yang masih terabaikan. Namun demikian dibandingkan dengan realisasi yang ada selama ini dari ketiga kabupaten tersebut, jumlah ini 4 kali lipat lebih banyak belum lagi ditambah dengan potensi yang masih terabaikan dan belum tergali secara maksimal selama ini.

#### **5.2.6 Zon Aceh Singkil Mengikut Sumber Dan Potensinya**

Bahagian ini menjelaskan potensi zakat mal yang terdapat di Kabupaten Aceh Singkil. Potensi zakat mal tersebut meliputi segala kegiatan masyarakat di daerah ini yang dapat menghasilkan, baik pendapatan individu maupun syarikat. Pendapatan individu adalah seperti gaji yang diterima oleh pegawai negeri, pendapatan (keuntungan) peniaga daripada niaganya, hasil praktik dokter, pengacara, petani daripada hasil pertaniannya, peternak daripada hasil peternakannya, dan lain sebagainya. Sedangkan pendapatan badan usaha adalah keuntungan daripada sebuah badan usaha.

Dalam narasi hasil kajian mengenai potensi zakat di Kabupaten Aceh Singkil, ada beberapa hal yang hendak dilaporkan. *Pertama*, variasi masyarakat dari sisi keyakinan. Kenyataan ini memperlihatkan bahawa di dalam kehidupan sosial masyarakat Kabupaten Singkil, persoalan kehadiran non-Muslim merupakan suatu persoalan yang krusial. Terlebih lagi Kawasan Kabupaten Singkil berbatasan langsung dengan wilayah Sumatera Utara. Ketika kajian ini dijalankan, persoalan Kristenisasi di kawasan Kabupaten Aceh Singkil menjadi persoalan utama. Hal ini kemudian terkadang menciptakan tensi di kalangan masyarakat Kabupaten Singkil yang semakin memanas. Persoalan perbezaan keyakinan ini agaknya telah

memperlihatkan dinamika muzakki di Kabupaten Aceh Singkil yang berbeza dengan daerah-daerah lainnya dalam wilayah Provinsi Aceh.

*Kedua*, kontroversi mengenai zakat profesi. Persoalan ini mencuat dalam temubual, sehingga beberapa penjawat memandang bahawa mereka memerlukan pendapat yang sahih mengenai persoalan zakat profesi. Hal ini bukanlah terletak pada persoalan pemotongan Zakat, Infak dan Sadakah (ZIS) di kalangan PNS atau proyek-proyek dari pemerintah, namun pada profesi-profesi yang muncul di dalam masyarakat. Melalui pemahaman ini, tampaknya potensi zakat yang berasal dari kalangan profesional. Dalam kajian ini, terlihat bahawa potensi zakat dari kalangan profesional sangat potensial datang daripada ahli parlemen Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), pegawai perbankan, pegawai swasta, kedokteran, petugas kesihatan, pegawai kontraktor, dan mereka yang bekerja pada perkebunan dan perusahaan kelapa sawit. Potensi ini harus mampu dijadikan sebagai salah satu modal dalam pengelolaan zakat di Kabupaten Aceh Singkil. Untuk itu, orang ramai meminta ketegasan dari pemerintah daerah, sama ada di tingkat provinsi maupun tingkat kabupaten, untuk membahas perihal zakat profesi. Di samping itu, para peserta juga meminta adanya kesedaran penuh dari para profesional untuk mengeluarkan zakat.

*Ketiga*, okupasi tanah perkebunan yang dikuasai oleh syarikat-syarikat yang mendapatkan Hak Guna Usaha (HGU), namun mereka berada di luar Provinsi Aceh. Perbincangan ini mencuat manakalah syarikat-syarikat yang mengelola perkebunan sawit dan minyaknya, tidak begitu memperhatikan pembayaran zakat. Dalam beberapa perbincangan dikemukakan bahawa beberapa pegawai/karyawan di syarikat tersebut memiliki pendapatan yang lebih. Pendapatan mereka belum lagi dicampur dengan bonus-bonus yang mereka terima atas prestasi kerja. Dalam satu

sesi temubual, bonus yang diterima dapat mencapai ratusan juta. Pada saat yang sama, para pengelola perkebunan ini juga memiliki kantor yang berada di luar Provinsi Aceh (Medan dan Jakarta). Sehingga kini akan menyulitkan di dalam masalah pendataan zakat yang harus dikeluarkan oleh syarikat tersebut.

Pemerintah Kabupaten Aceh Singkil juga diharapkan untuk lebih tegas menelusuri potensi zakat ini, terutama disinyalir bahawa beberapa hektare perkebunan sawit dikelola oleh unsur-unsur asing. Sehingga kini, syarikat masih belum transparan di dalam menyediakan data sebenar mengenai pendapatan bulanan dan tahunan. Berikut adalah data yang diperolehi daripada syarikat-syarikat besar di Kabupaten Aceh Singkil. Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa Kabupaten Aceh Singkil mempunyai potensi zakat yang beragam daripada pelbagai macam sektor. Untuk lebih jelas dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 5.7  
*Potensi Zakat Mengikut Sektor di Kabupaten Aceh Singkil*

No	Jenis	Potensi Zakat (Rp)
1	Potensi Zakat Sektor Profesional	6,158,400,000
2	Potensi Zakat Sektor Syarikat	33,947,976,900
3	Potensi Zakat Sektor Industri Kecil	686,910,000
4	Potensi Zakat Sektor Perniagaan Sebenar	945,569,999
5	Potensi Zakat Sektor Pertanian	1,639,200,000
Total		43,378,056,899

Daripada jadual di atas dapat dipahami bahawa potensi zakat di Kabupaten Aceh Singkil mempunyai 5 sektor, iaitu sektor profesi, syarikat, industri kecil, perniagaan

sebenarnya, dan pertanian dan peternakan. Dari ke 5 sektor tersebut, potensi zakat terbesar yaitu sektor syarikat sebanyak Rp33,947,976,900. Sedangkan sektor terkecil adalah sektor industri kecil yaitu Rp686,910,000. Adapun jumlah potensi zakat secara keseluruhan sektor sebanyak Rp43,378,056,899.


Berasaskan daripada pelbagai macam sumber, bahawasanya jumlah penduduk non muslim di Kabupaten Aceh Singkil sebanyak 30 peratus dari total bilangan masyarakat Kabupaten Aceh Singkil. Jadi total potensi zakat dikurangi 30 peratus (masyarakat non Muslim), iaitu  $Rp43,378,056,899 - Rp13,013,417,069 = Rp30,364,639,830$ . Jadi total potensi zakat di Kabupaten Aceh Singkil sebanyak Rp30,364,639,830.

### **5.3 Keputusan Analisis Potensi Zakat dan Impaknya Ke Atas Faktor Pengeluaran Kepada *Output***

#### **5.3.1 Pengaruh Agihan Potensi Zakat Terhadap Proses Pengeluaran**


Dalam kajian ini, untuk mengetahui pengaruh agihan potensi zakat terhadap zakat produktif untuk keperluan modal, buruh dan teknologi digunakan metod analisis jalur (*path analysis*), dimana pemboleh ubah potensi zakat sebagai pemboleh ubah eksogen sedangkan modal, buruh dan teknologi sebagai pemboleh ubah endogen. Selanjutnya untuk mengetahui pengaruh langsung dan tidak langsung pemboleh ubah potensi zakat terhadap modal, buruh dan teknologi dilakukan perhitungan koefisien jalur dengan menggunakan software *Lisrel Versi 8.80*.

Rajah 5.1.  
Model Struktural Diselaraskan



Chi-Square=0.00, df=0, P-value=1.00000, RMSEA=0.000

Rajah 5.2.  
Model Struktural Nilai-T



Chi-Square=0.00, df=0, P-value=1.00000, RMSEA=0.000



Berdasarkan rajah di atas, dapatan ujian kesesuaian model menunjukkan bahawa keseluruhan model sudah memenuhi kriteria *good fit* bahkan model dalam bentuk yang sempurna (*perfect*). Hal ini ditunjukkan oleh nilai p value  $1.00 > 0,50$  (*good fit*) dan nilai RMSEA sebanyak  $0.00 < 0.05$  (*close fit*). Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa model mampu menghasilkan matriks kovarian atau korelasi populasi sama dengan matriks korelasi data sampel. Dapatan ujian kebermaknaan koefisien jalur signifikan pada tingkat kesalahan 5 peratus. Dengan demikian, seluruh hipotesis dapat diterima.

Dari rajah di atas juga dapat diketahui bahawa potensi zakat (X) merupakan pemboleh ubah eksogen mempengaruhi pemboleh ubah endogen iaitu modal ( $Y_1$ ), buruh ( $Y_2$ ), dan teknologi ( $Y_3$ ). Berikut dapatan perhitungan analisis jalurnya dengan dijelaskan oleh persamaan struktural berikut:

$$\text{Modal} = 0.227 * \text{Potensi}, \text{Errorvar.} = 9.025, R^2 = 0.696$$

(0.0171)	(1.455)
13.289	6.205

$$\text{Buruh} = 0.241 * \text{Potensi}, \text{Errorvar.} = 9.745, R^2 = 0.705$$

(0.0177)	(1.571)
13.578	6.205

$$\text{Tech} = 0.103 * \text{Potensi}, \text{Errorvar.} = 2.115, R^2 = 0.670$$

(0.00826)	(0.341)
12.495	6.205

Berdasarkan matriks persamaan struktural dapat diketahui bahawa:

1. Besarnya pengaruh potensi zakat terhadap modal adalah sebanyak 69.6 peratus dan berpengaruh secara positif. Potensi zakat berpengaruh secara signifikan

terhadap modal karena nilai  $t_{hitung}$  (modal) lebih besar daripada  $t_{jadual}$  iaitu 13.29 > 1,96. Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa semakin besar potensi zakat di Provinsi Aceh maka semakin tinggi penyaluran zakat produktif untuk keperluan modal (*capital intensive*).

2. Besarnya pengaruh potensi zakat terhadap buruh adalah sebanyak 70,5 peratus dan berpengaruh secara positif. Potensi zakat berpengaruh secara signifikan terhadap buruh karena nilai  $t_{hitung}$  (buruh) lebih besar daripada  $t_{jadual}$  iaitu 13.58 > 1.96. Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa semakin besar potensi zakat di Provinsi Aceh maka semakin tinggi pula penyaluran zakat produktif untuk penyerapan buruh (*labor intensive*).
3. Besarnya pengaruh potensi zakat secara simultan terhadap teknologi adalah sebanyak 67 peratus dan juga berpengaruh secara positif. Potensi zakat berpengaruh secara signifikan terhadap teknologi kerana nilai  $t_{hitung}$  (Tech) lebih besar daripada  $t_{jadual}$  iaitu 12.49 > 1.96. Sehingga dapat dinyatakan bahawa semakin besar potensi zakat di Provinsi Aceh maka semakin tinggi pula penyaluran zakat produktif untuk tingkat penggunaan teknologi.

Matrik Penyelesaian Diselaraskan:

Gamma	
Potensi	
-----	
Modal	0.834
Buruh	0.840
Teknologi	0.818

Jumlah Diselaraskan Terhadap Kesan X kepada Y

Potensi	
-----	
Modal	0.834
Buruh	0.840
Teknologi	0.818

Berdasarkan matriks *Gamma* dan *Standardized Total Effects of X on Y* dapat diketahui besarnya koefisien jalur antara potensi dan modal secara langsung adalah sebanyak 0.834 atau berkontribusi sebanyak 69.55 peratus. Sementara itu, besarnya koefisien jalur antara potensi dan buruh secara langsung adalah sebanyak 0.840 atau berkontribusi sebanyak 70.56 peratus. Sedangkan besarnya koefisien jalur antara potensi dan teknologi secara langsung adalah sebanyak 0.818 atau berkontribusi sebanyak 66.91 peratus.

Matrik Penyelesaian Diselaraskan:

	Capital	Labor	Tech
	-----	-----	-----
Modal	0.304		
Buruh	0.176	0.295	
Teknologi	0.160	0.184	0.330

Berdasarkan matriks PSI dapat diketahui bahawa besarnya pengaruh dari pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai modal adalah sebanyak 0.304. Sehingga besarnya koefisien jalur dari pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai *Capital* ( $\epsilon_{\text{capital}} = \sqrt{0,304} = 0.551$ ). Sedangkan pemboleh ubah yang saling mempengaruhi (Modal - Buruh) memiliki nilai sebanyak 0.176 dan pemboleh ubah Modal-

Teknologi memiliki nilai sebanyak 0.160. Sehingga koefisien jalur ( $\epsilon_{\text{modal-buruh}}$ ) bernilai  $\sqrt{0,176} = 0,419$  dan ( $\epsilon_{\text{modal-teknologi}}$ ) =  $\sqrt{0,160} = 0,4$ .

Besarnya pengaruh dari pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai buruh adalah sebanyak 0.295. Sehingga besarnya koefisien jalur dari pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai buruh ( $\epsilon_{\text{buruh}}$ ) =  $\sqrt{0,295} = 0.543$ . Sedangkan pemboleh ubah yang saling mempengaruhi (Buruh–Teknologi) memiliki nilai sebanyak 0.184. Sehingga koefisien jalur ( $\epsilon_{\text{buruh-teknologi}}$ ) bernilai  $\sqrt{0,184} = 0.429$ .

Besarnya pengaruh dari pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai teknologi adalah sebanyak 0,330. Sehingga besarnya koefisien jalur dari pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai Tech ( $\epsilon_{\text{tech}}$ ) =  $\sqrt{0,330} = 0.574$ .


Jadual berikut ini memberikan rangkuman dapatan analisis jalur pengaruh langsung:

Jadual 5.8

*Rangkuman Dapatan Analisis Jalur Pengaruh Langsung*

Pemboleh ubah	Pengaruh Langsung		Nilai t	Kesimpulan
	Total			
Potensi→Capital	0,834		13,29	Signifikan
Potensi → Labor	0,840		13,58	Signifikan
Potensi → Tech	0,818		12,49	Signifikan

Rajah 5.3.  
Struktur Pengaruh Potensi Zakat, Modal, Buruh dan Teknologi



Dari jadual dan rajah di atas dapat diketahui bahawa pemboleh ubah potensi zakat berpengaruh secara langsung terhadap pemboleh ubah modal, buruh dan teknologi.


Tinggi rendahnya penyaluran zakat kepada modal sebanyak 69.6 peratus dipengaruhi secara positif oleh tinggi rendahnya potensi zakat yang ada di Provinsi Aceh. Dan Tinggi rendahnya terhadap penyaluran zakat kepada buruh sebanyak 70.5 peratus dipengaruhi secara positif oleh tinggi rendahnya potensi zakat yang ada di Provinsi Aceh. Seterusnya tinggi rendahnya penyaluran zakat kepada teknologi sebanyak 67 peratus juga dipengaruhi secara positif oleh tinggi rendahnya potensi zakat yang ada di Provinsi Aceh.

### 5.3.2 Impak Zakat Ke Atas Faktor Pengeluaran Dari Segi Sumbangan Modal, Buruh dan Teknologi Kepada Output

Model kajian yang digunakan dalam menganalisis pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berpengaruh langsung maupun tidak langsung terhadap output (KDNK/PDRB) di Provinsi Aceh yang merupakan dampak daripada zakat yang dipengaruhi oleh faktor pengeluaran adalah dengan menggunakan model analisis jalur (*Path Analysis*) dan program LISREL 8.80. Data yang digunakan merupakan data mentah (*raw data*) daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK/PDRB) Provinsi Aceh untuk tahun 2009 sehingga 2015 pada sektor tertentu, data nilai potensi zakat dan distribusi zakat produktif (modal, buruh dan teknologi).


Berdasarkan dapatan olah data dengan menggunakan LISREL diperolehi hubungan antar pemboleh ubah sebagai berikut:

Rajah 5.4  
Model Struktural Diselaraskan



Chi-Square=0.00, df=0, P-value=1.00000, RMSEA=0.000

Rajah 5.5  
Model Struktural Nilai-T



Chi-Square=0.00, df=0, P-value=1.00000, RMSEA=0.000

Berdasarkan rajah diatas, dapatan ujian kesesuaian model menunjukkan erti bahawa model memiliki *fit* yang sangat baik kerana memiliki nilai *chi-square* = 0.00, P-value adalah 1 ( $P > 0.05$ ) dan nilai RMSEA sebanyak 0.00 iaitu lebih kecil dari 0.05 (*close fit*). Nilai *chi-square* merupakan ukuran mengenai baik buruknya fit suatu model dan nilai *chi-square* sebanyak 0 menunjukkan bahawa model memiliki fit yang sempurna (*perfect fit*).

Daripada rajah diatas juga dapat diketahui bahawa modal ( $X_1$ ), buruh ( $X_2$ ), dan teknologi ( $X_3$ ) merupakan pemboleh ubah eksogen mempengaruhi pemboleh ubah endogen secara langsung maupun secara tidak langsung iaitu Zakat ( $Y$ ) dan Output ( $Z$ ). Dengan perkataan lain rajah di atas menunjukkan pengaruh modal ( $X_1$ ), buruh ( $X_2$ ), dan teknologi ( $X_3$ ) terhadap *output* ( $Z$ ) dimana zakat ( $Y$ ) sebagai pemboleh

ubah intervening atau mediasi. Berdasarkan Matriks Persamaan Struktural dapat diketahui bahawa:

1. Besarnya pengaruh modal ( $X_1$ ), buruh ( $X_2$ ), dan teknologi ( $X_3$ ) secara simultan terhadap potensi zakat ( $Y$ ) adalah sebanyak 0.760. Yang bermakna bahawa besarnya pengaruh pemboleh ubah Modal, Buruh, dan Teknologi secara simultan terhadap Zakat adalah sebanyak 76 peratus dengan *parameter estimate (error variance)* sebanyak 96.668, *standard error* pemboleh ubah modal ( $X_1$ ) sebanyak 0.460, *standard error*, buruh ( $X_2$ ) sebanyak 0.476, dan *standard error* teknologi ( $X_3$ ) sebanyak 0.970.

*Error variance* ini merupakan perbezaan antara nilai-nilai yang diamati dan nilai yang diprediksi pada masing-masing kasus. Pada persamaan struktural tersebut, terlihat bahawa pemboleh ubah Zakat ( $Y$ ) dipengaruhi oleh pemboleh ubah Modal ( $X_1$ ), Buruh ( $X_2$ ), dan Teknolog ( $X_3$ ). Dalam kenyataannya, Zakat tidak mungkin hanya dipengaruhi oleh ketiga pemboleh ubah tersebut, namun ada pemboleh ubah lain yang mempengaruhi berpotensi nilai zakat yang tidak dibahas dalam kajian ini. Oleh kerana itu, dalam persamaan struktural tersebut terdapat *error*.

2. Pemboleh ubah Modal ( $X_1$ ), Buruh ( $X_2$ ), dan Teknologi ( $X_3$ ) masing-masing pemboleh ubah berpengaruh secara signifikan terhadap pemboleh ubah Zakat ( $Y$ ). Hal ini dapat ditunjukkan oleh nilai  $t_{hitung}$  daripada masing-masing pemboleh ubah eksogen ( $X_1$ ,  $X_2$ , dan  $X_3$ ) yang memiliki nilai lebih besar dari  $t_{jadual}$  ( $t_{hitung} > 1.99$ ) iaitu sebanyak 2.716 untuk Modal ( $X_1$ ), 2.399 untuk Buruh ( $X_2$ ), dan 2.023 untuk Teknologi ( $X_3$ ).



Dikatakan nilai koefisien jalur untuk masing-masing pemboleh ubah eksogen bernilai positif maka tinggi rendahnya Zakat (Y) dipengaruhi secara positif oleh tinggi rendahnya pemboleh ubah Modal ( $X_1$ ), Buruh ( $X_2$ ), dan Teknologi ( $X_3$ ). Dengan demikian semakin tinggi nilai Modal ( $X_1$ ), Buruh ( $X_2$ ), dan Teknologi ( $X_3$ ) maka akan semakin tinggi pula Zakat yang diterima oleh lembaga zakat atau pihak yang menerima zakat.

3. Besarnya pengaruh Modal ( $X_1$ ), Buruh ( $X_2$ ), dan Teknologi ( $X_3$ ), dan Zakat (Y) secara simultan terhadap *Output* (Z) adalah sebanyak 0.242. Yang bermakna bahawa besarnya pengaruh pemboleh ubah Modal, Buruh, Teknologi, dan Zakat secara simultan terhadap Output adalah sebanyak 24.2% dengan parameter estimate (*error variance*) sebanyak 62.255, *standard error* pemboleh ubah Zakat (Y) sebanyak 0.0927, Modal ( $X_1$ ) sebanyak 0.387, Buruh ( $X_2$ ) sebanyak 0.397, dan *standard error* Teknologi ( $X_3$ ) sebanyak 0.8.

Faktanya di lapangan, *output* tidak mungkin hanya dipengaruhi oleh keempat pemboleh ubah tersebut, namun ada pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai output seperti Pendapatan Asli Daerah (PAD), investasi modal asing, dan pemboleh ubah lain yang tidak dibahas dalam kajian ini.

4. Berdasarkan perbandingan nilai  $t_{hitung}$  untuk masing-masing pemboleh ubah (modal, buruh, teknologi, dan zakat) dengan nilai  $t_{jadual}$  dapat disimpulkan bahawa pemboleh ubah Modal ( $X_1$ ) yang berpengaruh secara signifikan terhadap pemboleh ubah *Output* (Z) kerana nilai  $t_{hitung}$  bernilai lebih besar dari  $t_{jadual}$  iaitu  $2.610 > 1.99$ . Sedangkan pemboleh ubah Buruh ( $X_2$ ), Teknologi ( $X_3$ ) dan Zakat (Y) tidak berpengaruh terhadap *Output* (Z) dikarenakan rendahnya nilai  $t_{hitung}$

terhadap  $t_{\text{jadual}}$ -nya, iaitu sebanyak  $0.2 < 1.99$  untuk pemboleh ubah Zakat (Y),  $0.735 < 1.99$  untuk pemboleh ubah Buruh ( $X_2$ ), dan  $1.422 < 1.99$  untuk pemboleh ubah Teknologi ( $X_3$ ).

Dikernakan nilai koefisien jalur bagi pemboleh ubah Modal ( $X_1$ ) bernilai positif maka tinggi rendahnya *Output* (Z) dipengaruhi secara positif oleh tinggi rendahnya pemboleh ubah Modal ( $X_1$ ). Dengan demikian semakin tinggi nilai Modal ( $X_1$ ) maka akan berdampak semakin tinggi pula *Output* yang diperoleh Provinsi Aceh.

Matrik Penyelesaian Diselaraskan:



		BETA	
		PDRB	Zakat
PDRB	---	---	---
Zakat	---	---	-0.041

		GAMMA		
		Capital	Labor	Tech
PDRB	-----	0.607	0.185	-0.317
Zakat	-----	0.339	0.327	0.247

Berdasarkan matriks Beta, dapat diketahui bahawa nilai penyelesaian diselaraskan pengaruh pemboleh ubah Zakat terhadap *Output* (PDRB) adalah sebanyak -0.041 berarti kontribusi Zakat terhadap Output sebanyak  $KP = r^2 \times 100$  peratus =  $-0.041 \times 100$  peratus = 0.1 peratus.

Berdasarkan matriks Gamma menunjukkan nilai *standardized solution* pengaruh pemboleh ubah Modal terhadap Output (KDNK/PDRB) adalah sebanyak 0.607 berarti kontribusi Modal terhadap Output sebanyak 36.84 peratus. Pemboleh ubah Modal terhadap Zakat adalah sebanyak 0.339 berarti kontribusi Modal terhadap Zakat adalah sebanyak 11.49 peratus. Pemboleh ubah Buruh terhadap Output (KDNK/PDRB) adalah sebanyak 0.185 berarti kontribusi Buruh terhadap Output adalah sebanyak 3,42 peratus dan pengaruh pemboleh ubah Buruh terhadap Zakat adalah sebanyak 0.327, hal ini berarti kontribusi Buruh terhadap Zakat adalah sebanyak 10.69 peratus. Sedangkan pemboleh ubah Teknologi terhadap Output (KDNK/PDRB) adalah sebanyak -0.317 berarti kontribusi Teknologi terhadap Output adalah sebanyak 10.05 peratus dan pengaruh pemboleh ubah Teknologi terhadap Zakat adalah sebanyak 0.247, hal ini berarti kontribusi Teknologi terhadap Zakat adalah sebanyak 6.1 peratus.

Jumlah Diselaraskan Terhadap Kesan X kepada Y

	Modal	Buruh	Teknologi	
	-----	-----	-----	
PDRB	0.593	0.172	-0.328	
Zakat	0.339	0.327	0.247	

Jumlah Diselaraskan Terhadap Kesan Tidak Langsung X kepada Y

	Modal	Buruh	Teknologi
	-----	-----	-----
PDRB	-0.014	-0.013	-0.010
Zakat	--	--	--

Jumlah Diselaraskan Terhadap Kesan Y kepada Y

	PDRB	Zakat
	-----	-----
PDRB	--	-0.041
Zakat	--	--

Berdasarkan matriks *Standardized indirect of X on Y*, dapat diketahui besarnya koefisien jalur antara pemboleh ubah Modal dan Output (KDNK/PDRB) secara tidak langsung iaitu sebanyak -0.014, pemboleh ubah Buruh terhadap pemboleh ubah *Output* (KDNK/PDRB) secara tidak langsung adalah sebanyak -0.013 dan pemboleh ubah Teknologi terhadap pemboleh ubah Output (KDNK/PDRB) secara tidak langsung adalah sebanyak -0.010.

PSI

PDRB	Zakat
-----	-----
0.758	0.240

Berdasarkan matriks PSI dapat diketahui bahawa besarnya pengaruh pemboleh ubah lain yang mempengaruhi pemboleh ubah output (KDNK/PDRB) adalah sebanyak 0.758 dan besarnya pengaruh pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai pemboleh ubah zakat adalah sebanyak 0.240. Besarnya koefisien jalur dari pemboleh ubah lain yang mempengaruhi nilai pemboleh ubah output ( $\epsilon_{\text{output}}$ ) =  $\sqrt{0,758}$  = 0.870 dan besarnya koefisien jalur yang mempengaruhi pemboleh ubah zakat ( $\epsilon_{\text{zakat}}$ ) =  $\sqrt{0,240}$  = 0.490.

Selain itu, jadual 5.9 rangkuman dapatan analisis jalur dan gambaran struktur pengaruh modal, buruh dan teknologi terhadap zakat dan impaknya kepada *output*.

Jadual 5.9

Rangkuman Dapatan Analisis Jalur dan Gambaran Struktur Pengaruh Keseluruhan

Pemboleh ubah	Koefisien Jalur	Pengaruh			Nilai t	Kesimpulan
		Langsung	Tidak Langsung	Total		
Modal → Zakat	0,339	0,339	-	0,339	2,716	Signifikan
Buruh → Zakat	0,327	0,327	-	0,327	2,399	Signifikan
Tekn → Zakat	0,247	0,247	-	0,247	2,023	Signifikan
Modal → PDRB	0,607	0,607	-0,014	0,593	2,610	Signifikan
Buruh → PDRB	0,185	0,185	-0,013	0,172	0,735	Tidak Signifikan
Tekn → PDRB	-0,317	-0,317	-0,010	-0,328	1,422	Tidak Signifikan
Zakat → PDRB	-0,041	-0,041	-	-	0,200	Tidak Signifikan
$\epsilon_{\text{output}}$	0,758					
$\epsilon_{\text{zakat}}$	0,240					



#### 5.4 Rumusan

Rangkuman yang telah dihuraikan di atas menunjukkan kesimpulan bahawa pemboleh ubah Modal ( $X_1$ ), Buruh ( $X_2$ ), dan Teknologi ( $X_3$ ) secara simultan dan masing-masing (parsial) berpengaruh signifikan terhadap pemboleh ubah Zakat ( $Y$ ). Seterusnya pemboleh ubah Modal ( $X_1$ ), Buruh ( $X_2$ ), Teknologi ( $X_3$ ), dan Zakat ( $Y$ ) berpengaruh secara simultan terhadap *Output* ( $Z$ ). Secara umum keseluruhan pemboleh ubah bersandar ( $X$ ) mempunyai implikasi terhadap pemboleh ubah ( $Y$ ) dan ( $Z$ ). Faktanya di lapangan, *output* tidak mungkin hanya dipengaruhi oleh keempat pemboleh ubah tersebut, namun ada pemboleh ubah lain yang

mempengaruhi nilai output seperti Pendapatan Asli Daerah (PAD), investasi modal asing dan pemboleh ubah lainnya.



## **BAB 6**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **6.1 Pendahuluan**

Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama ialah pendahuluan. Bahagian kedua dibincangkan tentang rumusan dan dapatan kajian. Seterusnya implikasi/impak tentang pengurusan yang dibuat dalam kajian dimuatkan dalam bahagian ketiga dan implikasi/impak akademik dalam bahagian keempat. Akhir sekali bahagian kelima menyentuh tentang beberapa cadangan kajian pada masa hadapan. Selain itu cadangan-cadangan didedahkan untuk panduan pihak pengurusan zakat, pembuat polisi, akademisi dan para penyelidik pada masa hadapan serta diakhiri dengan penutup.

#### **6.2 Ringkasan Dapatan Kajian**

##### **6.2.1 Penganggaran Potensi Pungutan Zakat**

Perbincangan tentang penganggaran potensi zakat menjelaskan bahawa perkembangan ekonomi di Provinsi Aceh telah bangkit dan berkembang daripada beberapa sektor yang tentunya memiliki potensi zakat yang sangat besar. Majoriti pelaku aktiviti pelbagai macam kegiatan ekonomi adalah beragama Islam, sudah menjadi kewajipan kepada mereka untuk membayar zakat daripada setiap hasil usahanya. Perkembangan ekonomi dan niaga yang begitu pesat di Provinsi Aceh daripada pelbagai jenis sektor, sama ada sektor pertanian, perkebunan, kehutanan, perikanan, kelautan, peternakan, sektor syarikat, sektor hotel, restoran, perkhidmatan, sektor komunikasi dan transportasi, sektor niaga riil, dalam skala kecil mahupun besar, sektor industri rumah tangga, sektor lembaga kewangan, tentunya daripada

sektor-sektor tersebut menjadi potensi zakat terbesar. Selain daripada itu juga masih ada sumber yang menjadi potensi zakat iaitu seperti; niaga *online*, saham, reksadana, trading dan niaga kewangan lainnya. Namun sumber potensi dimaksud belum diusahakan mengumpulkannya secara maksimal.

Dari pelbagai jenis sektor maka didapati bahawa sektor pertanian dan perkebunan majoriti memiliki potensi zakat yang paling besar khasnya di beberapa kawasan dalam Provinsi Aceh. Besarnya potensi disokong oleh kawasan pertanian dan perkebunan yang menjadi sektor handalan (*leading sector*) dan majoriti penduduk bekerja pada sektor dimaksud. Namun sektor lainnya juga memiliki potensi iaitu sektor profesi yang umumnya ada pada kawasan pusat pentadbiran. Dapatan kajian menyimpulkan bahawa sumbangan kepada potensi zakat secara keseluruhannya dominan daripada dua sektor dimaksud. Seterusnya untuk mengoptimumkan pelbagai potensi lainnya perlu adanya fokus untuk menggali daripada pelbagai sumber. Pihak pemerintah dan juga swasta harus optimum dalam menjalankan usaha pengumpulan pelbagai potensi zakat di Provinsi Aceh. Akhirnya diharapkan juga jumlah potensi zakat yang terkumpul termasuk daripada institusi tidak formal akan dianggarakan dengan pasti melalui formula penganggaran yang tepat.

### **6.2.2 Impak Zakat Ke Atas Faktor Pengeluaran Dari Segi Sumbangan Modal, Buruh dan Teknologi Kepada Output**

